

BAB 1
AGENDA KEPIMPINAN DAN WAWASAN,
MATLAMAT DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

I. PENDAHULUAN

1.01 Kerajaan Negeri telah menetapkan wawasan untuk menjadikan “Terengganu Negeri Maju Menjelang Tahun 2020”. Harapan ini akan dilunaskan melalui pelaksanaan program-program dan projek-projek awam seiring dengan dua kali perancangan lima tahun negara iaitu RMK-9 (2006-2010) dan RMK-10 (2011-2015). Sasaran jangka pendek perancangan pembangunan negeri adalah meningkatkan mutu kehidupan rakyat dan jangka panjangnya untuk mewujudkan masyarakat maju daripada segi spritual dan material menjelang tahun 2020. Bagi melaksanakan agenda pembangunan ini, terasnya akan difokuskan kepada peningkatan perkhidmatan pentadbiran dan pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.



Carta 1: Teras Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu



Carta 2: Teras Perkhidmatan Pentadbiran

- 1.02 Perkhidmatan Pentadbiran menjadi teras dalam sesuatu kerajaan. Teras ini akan membentuk penjawat awam menjalankan tugas mengikut acuan yang lebih sistematik dan tersusun. Sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam menjadi panduan bagaimana penjawat awam harus berinteraksi dengan pelanggan. Sistem penyampaian hendaklah sentiasa tepat, cepat serta tidak bercanggah dengan hasrat Kerajaan Negeri.
- 1.03 Penjawat awam juga mestilah bersih, cekap dan amanah agar pelaksanaan kerja sentiasa mengikut peraturan yang betul. Tanggungjawab yang diberi harus dilaksanakan dengan cara yang terbaik. Telus dan berintegriti perlu diamalkan supaya amalan rasuah dan pecah amanah dapat dihindarkan. Selain itu, penjawat awam yang berdedikasi dan berdisiplin menjadi aset yang berharga dalam sesebuah jabatan kerana mereka akan menaikkan imej dan kredibiliti anggota dan jabatan tersebut.



Carta 3: Teras Pembangunan Sosial

- 1.04 Pendidikan dan Sumber Manusia adalah salah satu sektor yang sangat penting dalam merangka pembangunan negeri sekaligus mencapai matlamat kerajaan mengubah minda rakyat serta memperkasakan masyarakat. Sektor ini akan mewujudkan peluang-peluang pendidikan berterusan dan penyediaan tenaga kerja yang dinamis, inovatif dan berasaskan celik teknologi maklumat.

- 1.05 Sasaran mencapai kemiskinan tegar 0% di akhir tahun 2010 dan tahap kemiskinan pada kadar 0.5% menjelang tahun 2020 adalah matlamat utama teras ini. Memberi peluang di dalam pelajaran kepada generasi kedua keluarga miskin dan termiskin dan bantuan khusus untuk menambahkan pendapatan generasi pertama adalah strategi yang telah diatur. Disamping itu juga, proses perubahan minda iaitu mengubah perspektif 'menerima' kepada 'berdikari' menjadi fokus utama.
- 1.06 Kerajaan Negeri akan terus memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan telah menetapkan sasaran "Sebuah Keluarga Sebuah Rumah Menjelang Tahun 2020". Proses penyusunan semula penempatan melalui pengagihan rumah yang lebih terancang dengan dilengkapi kemudahan asas yang lengkap kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan dipergiatkan lagi. Bilangan Projek Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik akan ditingkatkan. Lebih banyak kawasan penempatan baru akan dikenalpasti dan dibuka untuk dibangunkan dan proses pembangunan tersebut akan dilaksanakan melalui penswastaaan.
- 1.07 Pengurusan khazanah alam sekitar dan sumber asli dengan berhemah dan lestari demi kepentingan generasi akan datang terus diambil serius oleh Kerajaan Negeri dan tanggungjawab ini harus dipikul bersama-sama samada pihak swasta mahupun rakyat sendiri demi kelangsungan hidup generasi akan datang. Dalam memenuhi tuntutan pembangunan berjalan berterusan, aspek-aspek pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan lestari perlu diutamakan setiap masa.
- 1.08 Kesedaran masyarakat amat penting dalam usaha memulihara alam sekitar agar ia dapat dilaksanakan secara bersepadu sekaligus menangani masalah pencemaran. Perubahan fenomena alam di seluruh dunia kebelakangan ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem daripada tercemar dan terganggu. Kerajaan akan bertindak dengan mempelbagaikan program dalam usaha mengurangkan kerosakan alam sekitar dan sumber alam melalui pendekatan pembangunan lestari.



Carta 4: Teras Pembangunan Ekonomi


- 1.09 Sektor yang khusus yang telah dikenalpasti untuk menjana pertumbuhan ekonomi telah dikenal pasti iaitu industri kecil dan sederhana, pelancongan dan perdagangan, pertanian dan penswastaan. Peningkatan penyertaan sektor swasta sebagai pemacu industri akan dipertingkatkan lagi dengan sektor awam akan bertindak sebagai pemudah cara. Galakan penyertaan sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negeri terus ditingkatkan melalui kerjasama erat di antara sektor awam dan swasta. Penekanan terus diberi dan persefahaman adalah elemen penting dalam menjalinkan kerjasama antara kedua-dua sektor ke arah mencapai pertumbuhan dan perkembangan ekonomi setempat.
- 1.10 Pembangunan prasarana sosial dan ekonomi serta kemudahan awam di negeri Terengganu akan terus diberi perhatian kerana masih banyak yang perlu dibina bagi menuju ke tahap yang optimum. Oleh yang demikian, perancangan penyediaan pembangunan prasarana akan dibuat dengan lebih sistematik dan ideal bagi membantu sektor-sektor yang memacu kepesatan ekonomi negeri. Komponen prasarana ini akan meliputi rangkaian jalan, bekalan air, bekalan elektrik, pengangkutan awam, lebuh raya dan telekomunikasi.
- 1.11 Pembangunan bandar dan pusat-pusat pertumbuhan yang sedia ada dan baru akan juga dipesatkan lagi seiring dengan pertumbuhan penduduk dan juga keperluan kepada perkhidmatan-perkhidmatan awam. Peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan akan juga dipertingkatkan seiring dengan penambahan penduduk dan penambahan aktiviti-aktiviti ekonomi dari hulu dan hiliran. Matlamat akhir pembangunan ekonomi ialah peningkatan pendapatan rakyat dan kualiti kehidupan rakyat Negeri Terengganu.

II. AGENDA MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN

- 1.12 Gagasan 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu' atau ringkasannya MPPT yang telah diperkenalkan oleh Y.A.B. Dato' Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar Terengganu merupakan satu kaedah yang bergerak selari dengan pentadbiran dan pembangunan dalam usaha mendukung aspirasi Y.A.B. Dato' Seri Mohd Najib bin Tuan Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke arah melahirkan pentadbiran Kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat yang diwawarkan melalui slogan 'Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan'.
- 1.13 Agenda MPPT dalam aspek pembangunan adalah berkonsepkan kepada pembangunan yang direncanakan menurut kehendak dan keperluan rakyat serta penglibatan rakyat. Pada Masa yang sama aktiviti-aktiviti ekonomi yang mempunyai kesan limpahan (*chain-reaction*) akan dipertingkatkan dengan matlamat akhirnya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan terutamanya keusahawanan secara langsung dan tidak langsung untuk dimanfaatkan oleh rakyat. Agenda membasmi kemiskinan tegar terus diberi perhatian dan penekanan dan sasaran 0% miskin tegar pada tahun 2010 dapat dicapai dengan zahirnya.

III. NILAI TERAS MPPT

- 1.14 Lapan (8) nilai teras MPPT akan dapat dihayati oleh semua masyarakat Negeri Terengganu sebagai terma rujukan kehidupan dan pekerjaan terutamanya penjawat awam dan rakyat tidak mengira kaum, bangsa dan agama. Penjawat awam dan rakyat negeri Terengganu hendaklah sama-sama berganding bahu, bekerjasama dan saling mendokong dan memberi sokongan agar agenda pentadbiran negeri 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' akan terlaksana demi kepentingan seluruh rakyat Negeri Terengganu khasnya serta negara amnya ke arah pencapaian yang lebih gemilang di masa hadapan. Secara khususnya dimensi lapan (8) nilai teras ini adalah sebagaimana berikut;



Carta 5: Nilai-Nilai Teras Agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan

Budaya Ilmu

- 1.15 Membaca merupakan satu amalan murni yang akan melahirkan masyarakat yang cintakan ilmu dan mendorong kepada pembangunan intelek, pemikiran yang kreatif dan berupaya melahirkan masyarakat yang proaktif. Secara jelasnya, ramai yang mengetahui bangsa yang maju dan berdaya saing merupakan bangsa yang berilmu serta mengamalkan budaya ilmu dalam kehidupan mereka.

- 1.16 Terdapat ramai dikalangan masyarakat di Negeri Terengganu mengalami sindrom minat untuk membaca. Sekiranya budaya membaca tidak dipupuk dari awal, maka kemuflian ilmu akan berlaku di dalam masyarakat hari ini. Namun begitu, penting untuk rakyat memahami budaya ilmu bukan sahaja menyentuh perihal membaca semata-mata tetapi ianya turut mencakupi hal-hal yang berkaitan seperti mengkaji, menyelidik dan berfikir. Secara jelasnya budaya ilmu boleh diertikan sebagai segala aktiviti keilmuan yang dilaksanakan oleh setiap anggota masyarakat dan diterima sebagai nilai teras yang utama dalam amalan mereka.

Cemerlang

- 1.17 Cemerlang bolehlah ditakrifkan sebagai terbaik, paling baik, hebat, handal, luar biasa, gilang-gemilang, terkemuka, ternama dan mengkagumkan. Dari sudut agama Islam, cemerlang didefinisikan sebagai mempunyai nilai-nilai kebaikan dan memerlukan keseimbangan dari semua aspek. Ungkapan cemerlang seringkali kita dengari sehingga ia begitu sinonim di dalam masyarakat hari ini. Malah bukanlah sesuatu yang janggal didengari jika ungkapan cemerlang ini seringkali dilaung-laungkan oleh pelajar-pelajar sekolah rendah termasuklah pelajar-pelajar tahun satu.
- 1.18 Pada dasarnya ungkapan cemerlang ini sudah diketahui umum, namun begitu berapa ramai yang bersungguh-sungguh untuk menjadi cemerlang tatkala negara-negara membangun yang lain sudah mengorak langkah ke depan. Apakah halangan yang membantutkan perjalanan menuju ke arah kecemerlangan? Sekiranya ada kaedah yang mampu mengatasi halangan tersebut, apakah kaedah tersebut? Apakah sukar untuk menjadi pekerja yang cemerlang, pelajar yang cemerlang, ketua cemerlang, ibu cemerlang dan apa sahaja gelaran yang didasari dengan perkataan cemerlang?
- 1.19 Tidak dapat dinafikan kecemerlangan dalam hidup adalah impian setiap individu, masyarakat, negeri mahupun negara. Kecemerlangan adalah kayu pengukur untuk memenuhi tahap tertinggi kehendak manusia iaitu 'kepuasan'.

Cakna

- 1.20 Cakna adalah merupakan dialek Terengganu yang termaktud dalam Kamus Dewan. Perkataan 'Cakna' ini amat rapat dengan jiwa masyarakat Negeri Terengganu. Sinonim dengan perkataan ambil berat dan prihatin, 'cakna' secara rasminya membawa maksud 'ambil peduli'. Hidup bermasyarakat, perasaan saling cakna antara satu sama lain merupakan ramuan utama dalam melahirkan masyarakat yang harmonis dan kukuh. Melalui 'cakna' kita mula memikirkan tentang kesan dari setiap perlakuan kita terhadap orang lain di sekeliling, sekaligus mencambahkan rasa saling kasih-mengasihi sesama manusia selari dengan tuntutan agama Islam.
- 1.21 Sememangnya, amalan cakna ini tidak terikat dengan perasaan ambil peduli dalam lingkungan satu bangsa, agama atau golongan masyarakat sahaja. Nilai saling cakna perlu dihayati oleh setiap individu dalam hubungan setiap manusia tanpa mengambil kira perbezaan bangsa dan keturunan.

Hal ini kerana menerusi perasaan cakna, kita berpeluang untuk saling mengenali di antara satu sama lain, apa lagi kita di Malaysia yang dianugerahkan dengan rakyat yang berbilang kaum serta adat.

- 1.22 Sehubungan dengan itu, pemilihan 'cakna' sebagai salah satu nilai teras yang membentuk agenda MPPT adalah relevan dengan kehidupan masyarakat Terengganu yang masih menganggap kesan terhadap kehidupan bermasyarakat sebagai sebahagian daripada elemen penting dalam sebarang keputusan yang diambil.

Amanah

- 1.23 Amanah merupakan tulang belakang dalam setiap organisasi untuk berdiri kukuh dan maju ke hadapan. Amanah merupakan kepercayaan yang diberikan oleh seseorang kepada individu yang dihargai dijaga dengan penuh tanggungjawab agar ia menimbulkan rasa selamat dan aman bagi pemberinya. Amanah boleh dikaitkan dengan tenteram, aman, selamat dan harmoni.
- 1.24 Semua peranan yang dimainkan oleh setiap individu berdasarkan kepada amanah yang telah diletakkan ke atas dirinya. Manusia tidak boleh melepaskan dirinya dari menunaikan amanah yang telah dibebankan kepadanya oleh kehendak kehidupan. Salah satu daripadanya ialah urusan-urusan pentadbiran yang merupakan satu urusan yang mesti dipelihara dan dikawal tanpa dicemari oleh unsur-unsur yang merosakkan. Setiap orang adalah bertanggungjawab untuk memperbaiki sebarang kerosakan yang berlaku dalam urusan pentadbiran kerana ia merupakan satu amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Setiap orang mesti menunaikan amanah kepada Allah S.W.T., diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Setia

- 1.25 Setia bermaksud teguh hati, tetap hati, berpegang teguh pada janji, patuh, taat, ikhlas dan patriotisme. Perasaan taat atau cinta pada negara boleh lahir secara spontan tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Perasaan 'cinta' pada tanah air wujud kerana disitulah tempat tumpah darah dan tempat lahir nenek moyang kita bak kata pepatah 'Hujan Emas di Negeri Orang, Hujan Batu di Negeri Sendiri, Baik Lagi di Negeri Sendiri' atau 'Di Mana Bumi Berpijak di Situlah Langit Dijunjung'.

- 1.26 Nilai teras setia amat penting dalam pentadbiran, terutama sifat setia yang merujuk kepada sikap bersedia berkhidmat bila-bila masa tanpa merungut demi kepentingan negeri dan rakyat dan tidak mengharapkan balasan. Sikap sukarela ini mestilah diterapkan dalam diri setiap penjawat awam tidak kira dalam apa-apa bidang sekalipun. Penerapan nilai ini dalam diri penjawat awam, adalah selaras dengan moto Pentadbiran Negeri yang mengutamakan kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun, kesetiaan yang dipertanggungjawabkan perlulah mempunyai batasan yang tertentu. Penjawat awam tidak boleh membuta-tuli mengikut semua arahan pemimpin yang bercanggah dengan agama dan nilai-nilai murni. Nilai integriti hendaklah ditanam dalam diri setiap penjawat awam supaya kepentingan rakyat dan negeri dijaga.
- 1.27 Setia disini bukan bermaksud tidak boleh menerima kritikan. Kritikan yang diberikan hendaklah kena pada tempat dan masanya. Kritikan membina adalah elemen penting dalam meningkatkan produktiviti kerja.

Muafakat

- 1.28 'Muafakat Membawa Berkat' satu contoh pepatah Melayu yang menekankan nilai-nilai kerjasama dan perpaduan untuk mencapai matlamat sesebuah komuniti. Ianya membuktikan bahawa selama ini, telah wujud satu nilai kerjasama di dalam kelompok masyarakat di Malaysia. Malah terdapat banyak lagi pepatah Melayu yang mengaitkan nilai muafakat di dalam masyarakat di negara ini seperti 'Bagaikan Aur dengan Tebing', 'Ibarat Isi dengan Kuku' dan 'Bersatu Teguh Bercerai Roboh'.
- 1.29 Ciri-ciri muafakat boleh dikaitkan dengan nilai-nilai terpuji lain seperti tolong-menolong, bertolak ansur, bersatu padu, semangat berkumpul dan sukarela. Definisi muafakat atau bekerjasama tidak hanya terhad kepada satu kumpulan yang membuat satu kerja secara bersama, tetapi juga merangkumi pelaksanaan kerja mengikut bidang masing-masing untuk mencapai matlamat secara kolektif.
- 1.30 Pembentukan sesebuah Kerajaan melalui sistem pentadbiran berteraskan muafakat menjadi pegangan bagi mana-mana kepimpinan yang diinginkan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Ini telah terbukti melalui catatan sejarah berhubung kewujudan beberapa tamadun yang hebat.

Bersyukur

- 1.31 Nilai teras 'bersyukur' secara umumnya boleh didefinisikan sebagai sikap berterima kasih, senang hati serta menghargai sesuatu pemberian. Di dalam konteks Islam, bersyukur melambangkan pengakuan seseorang bahawa segala nikmat yang diperolehi merupakan pemberian dari Allah S.W.T.
- 1.32 Masyarakat di negeri ini seharusnya perlu sentiasa bersyukur kerana dapat menjalani kehidupan seharian di dalam suasana yang aman dan tenteram. Keadaan yang berbeza yang dialami oleh rakyat di beberapa negara yang sentiasa bergolak seperti di Palestin, Afghanistan, Iraq, Thailand dan sebagainya.
- 1.33 Negara berkenaan yang sebelumnya berada di dalam keadaan aman dan sejahtera, namun apabila tiada pengawalan, nilai-nilai murni di dalam sistem masyarakat, tidak bersyukur dan menghargai segala nikmat yang dianugerahkan, maka sistem masyarakat menjadi kucar-kacir.
- 1.34 Negeri Terengganu amat bertuah kerana dikurniakan dengan pelbagai sumber asli seperti petroleum dan gas, emas, balak dan sebagainya. Limpahan rezeki yang dikurniakan ini hendaklah didahului dengan rasa penuh kesyukuran. Syukur boleh ditunjukkan samada melalui lisan mahupun perbuatan. Apabila sesuatu nikmat dikecapi adalah wajar bagi kita untuk menghargainya melalui ucapan terima kasih dan seterusnya melaksanakan dengan sempurna.

Istiqamah

- 1.35 Istiqamah adalah perkataan yang berasal dari Arab yang membawa maksud berdiri teguh sepanjang masa. Namun begitu, dalam konteks Pentadbiran Negeri, istiqamah merujuk kepada melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas secara berterusan atau konsisten. Istiqamah merupakan sifat yang amat dititik beratkan dalam Islam kerana ia akan menjamin kejayaan di dunia dan akhirat. Islam bukan sahaja menekankan sifat istiqamah ini sebagai disiplin agama tetapi turut menekankan bahawa sifat ini merupakan salah satu petua utama bagi mencapai aspirasi dan objektif yang dirancang.

- 1.36 Dalam konteks, Pentadbiran Kerajaan Negeri, setiap kepercayaan yang diberikan oleh rakyat adalah amanah. Justeru itu, untuk menunaikan amanah, penjawat awam hendaklah bijaksana dan melakukan kerja secara istiqamah bagi menjamin setiap tugas dan pekerjaan yang dilakukan secara berkesan. Sikap istiqamah ini akan membentuk jati diri dan keperibadian yang unggul dalam diri penjawat awam tersebut. Penjawat-penjawat awam perlu menyedari bahawa mereka tiada bezanya dengan rakyat dan tidak patut merasa istimewa kerana mereka hanyalah golongan yang didahulukan selangkah untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah.
- 1.37 Agenda MPPT yang diasaskan daripada lapan (8) nilai teras ini perlu dihayati sepenuhnya oleh setiap lapisan masyarakat di Terengganu. Nilai-nilai ini seharusnya juga memaksa setiap penjawat awam negeri dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberi. Kefahaman yang jelas serta warga sektor awam negeri terhadap huraian lapan (8) nilai teras tersebut mampu merealisasikan hasrat murni pucuk pimpinan Kerajaan Negeri yang prihatin dan komited untuk mengutamakan kepentingan rakyat dalam mentadbir dan membangunkan negeri. Wawasan Negeri Terengganu Darul Iman adalah untuk menyempurnakan kesejahteraan rakyat terutamanya dari segi penghayatan nilai-nilai syumul Islam dan peningkatan taraf serta mutu hidup serta menjadikannya sebagai sebuah negeri yang maju spiritual dan material menjelang 2020.
- 1.38 Disamping itu, ia juga akan mewujudkan sebuah masyarakat dengan tahap ekonomi yang kukuh, mampan, berdaya saing, serta harmonis, bernilai murni, bermaklumat dan sekaligus menuju matlamat cemerlang, gemilang dan terbilang. Gagasan MPPT ini dengan penekanan kepada lapan (8) nilai teras akan menjadi pemangkin kepada wawasan ini.

IV. PENUTUP

- 1.39 Agenda kepimpinan dan pembangunan negeri adalah satu proses pengurusan ekonomi dan sumber yang berterusan. Oleh itu setiap projek/program akan sentiasa dipantau bagi memastikan ia seiring dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Bagi Negeri Terengganu HPNT 2009-2013 merupakan langkah kedua yang telah diatur selepas RPNT 2004-2008 bagi pelaksanaan agenda kepimpinan dan pembangunan jangka panjang. Oleh itu, bagi perancangan lima (5) tahun akan datang projek/program akan bertumpu kepada yang diperlukan secara kritikal oleh rakyat.

1.40 HPNT 2009-2013 adalah pelan perancangan pembangunan lima (5) tahun khusus bagi Negeri Terengganu. Walaupun begitu, projek/program yang dilaksanakan masih lagi mengikut keperluan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMKe-10) kelak. Justeru semua halacara pembangunan dalam HPNT 2009-2013 adalah salah satu sumbangan pelbagai sektor bagi menuju wawasan pembangunan negara untuk menjadi maju pada tahun 2020. Secara keseluruhannya, HPNT 2009-2013 ini adalah tindakan pertama dalam merealisasikan agenda 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'.

BAB 2

TERAS PEMBANGUNAN


I. PENDAHULUAN

- 2.01 Dalam HPNT 2009-2013, Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa teras yang merupakan paksi dalam menentukan prioriti bagi melaksanakan projek/program pembangunan negeri. Pemilihan teras-teras pembangunan ini adalah untuk melengkapkan lagi gagasan Kerajaan Negeri iaitu 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. HPNT 2009-2013 merupakan halacara pembangunan lima tahun (5) Negeri Terengganu dan langkah awal kepada agenda merealisasikan matlamat untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2020. Disamping itu juga, ia merupakan antara langkah awal kerajaan negeri agar dapat bergerak seiring dengan negeri-negeri lain di Pantai Barat Malaysia yang jauh lebih maju dari Negeri Terengganu.

II. PROFIL NEGERI

Geografi

- 2.02 Terdapat tujuh buah daerah dalam Negeri Terengganu iaitu Daerah Besut, Daerah Dungun, Daerah Hulu Terengganu, Daerah Kemaman, Daerah Kuala Terengganu, Daerah Marang dan Daerah Setiu. Dengan keluasan 13,035 kilometer persegi atau 1,295,512 hektar mewakili 3.94% daripada keluasan negara, Negeri Terengganu juga merangkumi kawasan '*offshore*' seperti yang termaktub dalam Akta Pelantar Benua 1966. Daerah Hulu Terengganu merupakan daerah terluas iaitu mewakili hampir 30%, manakala Daerah Kuala Terengganu adalah daerah paling kecil iaitu hanya 5% daripada jumlah keluasan Negeri Terengganu.
- 2.03 Bentuk muka bumi Negeri Terengganu adalah landai di sebelah timur dan berbukit di sebelah utara dan bahagian barat negeri dengan mempunyai jarak pantai yang terpanjang di Malaysia iaitu sepanjang 244 kilometer yang menghadap Laut China Selatan. Terdapat beberapa sungai utama yang mengalir dan mengairi Negeri Terengganu iaitu Sungai Terengganu, Sungai Nerus, Sungai Dungun dan Sungai Kemaman. Tasik Kenyir adalah sebuah tasik buatan manusia yang terletak di Hulu Terengganu dan merupakan tasik yang terbesar di negara ini.




Carta 6: Keluasan Negeri Mengikut Daerah (hektar)

- 2.04 Kuala Terengganu telah dinaiktaraf kepada Bandaraya Pesisir Air pada 1 Januari 2008. Ia merupakan bandar terbesar di Negeri Terengganu yang menjadi Ibu Negeri dan Pusat Pentadbiran bagi Kerajaan Negeri. Bandar utama lain ialah Chukai, Dungun, Kota Putera, Jertih, Marang, Kuala Berang dan Permaisuri.
- 2.05 Aksesibiliti yang baik dari segi darat, laut dan udara membolehkan Terengganu dapat dihubungi melalui jalan raya Kuala Lumpur-Kuantan-Kuala Terengganu-Kota Baharu dan jalan raya Kuantan-Jerangau-Kuala Berang. Dua pelabuhan komersial iaitu di Kemaman dan di Kerteh merupakan laluan laut, manakala pelabuhan perikanan terdapat di Chendering. Terdapat dua lapangan terbang bagi laluan udara iaitu Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu yang menawarkan penerbangan dari Negeri Terengganu ke Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Kerteh, Kemaman bagi penerbangan mengangkut pekerja pelantar minyak dan penerbangan Firefly ke Kuala Lumpur.

Demografi

- 2.06 Pertumbuhan tahunan penduduk negeri Terengganu agak rendah pada 2008 iaitu pada kadar 2.46 peratus sahaja. Daerah Kemaman diunjurkan mengalami pertumbuhan paling tinggi iaitu pada 2.68 peratus manakala daerah Kuala Terengganu hanya mengalami pertumbuhan pada kadar paling rendah iaitu 2.25 peratus sahaja.

2.07 Bagi tahun 2008, penduduk negeri telah bertambah kepada 1,094,300 orang yang mana 51.3% terdiri dari kaum lelaki dan 48.7% perempuan. Bilangan penduduk yang berumur antara 15 hingga 64 tahun merupakan komponen terbesar yang mewakili 671,100 orang atau 61.3% daripada jumlah penduduk negeri. Ini diikuti oleh penduduk berumur 0 hingga 14 tahun berjumlah 381,400 orang yang mewakili 34.9% dan bakinya 3.8% terdiri daripada penduduk berumur 65 tahun ke atas.



Carta 7: Bilangan Penduduk Mengikut Daerah (Orang)

2.08 Penduduk negeri mengikut etnik masih lagi didominasi oleh kaum Melayu iaitu 94.41% diikuti oleh kaum Cina (2.43%), lain-lain etnik (2.94%) dan kaum India (0.21%). Daerah Kuala Terengganu mempunyai bilangan penduduk teramai pada tahun 2008 iaitu 359,700 orang (32.8%) dan daerah Hulu Terengganu memiliki bilangan penduduk terendah di negeri Terengganu iaitu 76,200 orang (6.9 %).

Makroekonomi

2.09 Penghasilan komoditi seperti kelapa sawit, getah dan padi terus merangsang sektor pertanian disamping pengeluaran tanaman lain dan juga sumbangan

pendaratan ikan dan akuakultur. Sektor ini terus memberi sumbangan secara huluan dan hiliran kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu.

- 2.10 Sektor perkilangan dijangka memberi sumbangan yang semakin baik di masa hadapan. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berkembang ekoran daripada pertambahan hasil-hasil pengeluaran bahan mentah utama seperti pertanian, perkayuan dan hasil laut. Ini menjadikan IKS sebagai majoriti dalam sumbangannya kepada sektor perkilangan. Manakala industri petrokimia dan industri hiliran petroleum memberi sumbangan besar dari segi output.
- 2.11 Sektor pembinaan semakin berkembang akibat pertambahan dalam pembinaan projek-projek prasarana seperti sekolah, masjid, hospital dan lainnya. Pertumbuhan dalam projek-projek perumahan dan kemudahan awam juga memberi sumbangan positif kepada sektor pembinaan. Pelaburan awam terutama dari Kerajaan Persekutuan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Kerajaan Negeri akan memberi impak positif kepada perkembangan sektor ini.
- 2.12 Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri. Subsektor Perkhidmatan Kerajaan, Kewangan, Insurans, Harta Benda & Perniagaan, Perdagangan Borong, Runcit, Restoran dan Hotel adalah penjana utama kepada pertumbuhan sektor ini. Untuk industri pelancongan sumbangan adalah daripada pelancong tempatan yang terus menerus bertambah mengunjungi Negeri Terengganu. Bagi menambah nilai sumbangan pelancong ini, berbagai usaha akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan pengusaha-pengusaha dalam industri pelancongan untuk meningkatkan perbelanjaan pelancong di negeri ini.

Sosioekonomi

- 2.13 Sosioekonomi adalah satu tanda aras penting bagi melihat keberkesanan halacara-halacara pembangunan ekonomi negeri. Petunjuk-petunjuk kualiti kehidupan adalah satu kaedah paling berkesan dalam mengukur kejayaan program dan projek pembangunan Kerajaan. Kadar kemiskinan merupakan salah satu petunjuk sosioekonomi penting, selain itu petunjuk pendapatan purata bulanan isirumah, kadar celik huruf, kadar kelahiran dan kematian kasar serta kadar kematian bayi merupakan petunjuk terpilih dalam menentukan taraf sosioekonomi penduduk negeri.

- 2.14 Pada tahun 2007, purata pendapatan bulanan isi rumah negeri Terengganu adalah sebanyak RM2,463 manakala untuk negara pula ialah sebanyak RM3,686.

Negeri Terengganu masih ketinggalan dalam aspek ini, oleh itu Kerajaan Negeri harus memperbanyakkan program penjanaaan pendapatan dalam HPNT akan datang.

Kelebihan Perbandingan dan Persaingan

- 2.15 Negeri Terengganu mempunyai kelebihan perbandingan dan persaingan dalam bekalan sumber asli dengan limpahan petroleum, bahan-bahan mineral dan galian. Selain itu, kepelbagaian flora dan fauna serta alam sekitar yang indah seperti pesisiran pantai, sungai-sungai, pulau-pulau dan Tasik Kenyir mengangkat Negeri Terengganu di mata dunia. Prasarana asas sosial dan ekonomi yang sentiasa dipertingkatkan seperti jalan raya, pelabuhan industri dan perikanan, tenaga kerja yang terlatih dan sektor awam yang proaktif dan responsif. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil tindakan-tindakan khusus bagi memastikan semua aspek ini dipertingkat setiap masa supaya ianya mencapai tahap optimum.

Sumber

- 2.16 Konsep pembangunan mampan terus diamalkan oleh Kerajaan Negeri dalam menguruskan hala cara pembangunan yang melibatkan sumber asli negeri. Sumber negeri terutama sumber air akan diuruskan secara lebih berkesan disamping usaha-usaha memulihara sumber asli dan juga alam sekitar. Rizab sumber-sumber utama negeri dapat diterangkan melalui Jadual 1.


Sumber	2008
Kumpulan Umur bekerja (15-64)	670,600
Petroleum Mentah (bilion tong)	1.72
Gas Asli Cecair (trilion kaki padu)	33.46
Rizab Hutan (ha)	543,858
Kawasan Pertanian (ha)	284,010
Pantai (km)	244
Bekalan Air (meter padu sehari)	513,835
Tenaga Elektrik (mv)	2,380

Jadual 1: Sumber Negeri Terengganu


- 2.17 Sumber petroleum yang banyak ini memungkinan Negeri Terengganu mampu menjadi pengeluar produk petrokimia terunggul di Malaysia. Keluaran bahan *ethylene* dan *polyethylene* akan menjadi asas kepada pengeluaran PVC, derivatif *ethylene* seperti *e-glycol*, *e-oxide*, *ethalonamines* dan *oxy-alcohol*, *styrene monomer* serta produk daripada *propylene*. Pembangunan Kertih Polimer Park pada tahun 2008 menjadikan Negeri Terengganu sebagai pengeluar utama produk-produk yang berasaskan petrokimia. Sumber air daripada Tasik Kenyir telah dimanfaatkan untuk menjana tenaga elektrik disamping merupakan prospek untuk industri ternakan air, industri pelancongan dan juga sumber air untuk industri air minuman.

Guna Tenaga

- 2.18 Penstrukturan semula guna tenaga negeri daripada sektor pertanian kepada sektor pekhidmatan dan sektor perkilangan adalah diperlukan pada masa kini. Peralihan ini adalah selari dengan sumbangan sektor perkhidmatan dan perkilangan yang semakin meningkat sumbangannya kepada KDNK negeri.
- 2.19 Permintaan tenaga kerja dalam pasaran buruh disektor berkemahiran dan berpengetahuan tinggi memerlukan penyediaan tenaga mahir yang bertepatan dengan kehendak pasaran. Cabaran Kerajaan Negeri dari aspek guna tenaga masa kini ialah dalam memastikan bidang-bidang latihan kemahiran dan kursus-kursus yang ditawarkan dapat memenuhi keperluan dan kehendak industri-industri semasa di negeri ini.



Carta 8: Guna Tenaga Mengikut Sektor Tahun 2008.



Carta 9: Guna Tenaga Mengikut Sektor tahun 2013

Tanah

- 2.20 Sumber tanah yang masih belum diterokai sepenuhnya masih luas di negeri ini. Seluas 32% daripada luas keseluruhan tanah negeri mempunyai potensi untuk dimajukan. Hanya 0.5% sahaja tanah dimajukan untuk sektor perindustrian pada masa kini. Oleh itu, tanah adalah satu sumber yang mesti dimajukan memandangkan koridor industri di Pantai Barat sudah pun padat dan tanah industri mencapai harga yang tinggi.
- 2.21 Keperluan kepada bahan makanan terutama padi, adalah berketepatan apabila pihak Kerajaan Negeri memberi rangsangan penggunaan tanah kepada kegiatan-kegiatan penanaman padi sama ada untuk sara diri mahu pun sebagai tanaman komersial. Penggunaan tanah dalam negeri secara menyeluruh dapat dilihat dalam jadual di bawah:

Daerah	Pertanian	Bangunan	Industri	Rizab Hutan	Lain-lain
Besut	34,096.0	3,658.2	242.6	5,565.4	19,805.5
Dungun	44,815.5	8,425.9	694.9	144,251.8	75,314.8
Hulu Trg.	44,060.1	3,601.0	1,638.8	207,760.3	130,402.2
Kemaman	73,193.4	5,925.7	2,973.6	81,884.3	89,582.7
Kuala Trg.	25,481.0	7,257.0	609.7	5,988.5	21,191.7
Marang	18,630.5	3,757.5	170.8	13,103.2	30,992.1
Setiu	43,733.5	4,217.6	83.7	25,716.9	56,684.4
Jumlah	284,010.0	36,842.9	6,414.1	544,270.4	423,973.4

Jadual 2: Guna Tanah Mengikut Daerah 2008 (Ha)

Pengangkutan

- 2.22 Dua jalan Persekutuan terdapat di Terengganu. Jalan R3 adalah jalan menyusuri pantai manakala jalan R13 menghubungkan Jabor- Kemaman ke Ajil, Hulu Terengganu. Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur yang menghubungkan Kuantan hingga ke Besut akan merencanakan lagi pembangunan sosiekonomi Negeri Terengganu. Terdapat dua buah lapangan terbang di Terengganu iaitu Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu dan Lapangan Terbang Kertih, Kemaman. Di samping itu, Lapangan Terbang Kota Baharu terletak 45 km daripada Besut, manakala Lapangan Terbang Kuantan pula terletak lebih kurang 45km daripada sempadan Pahang dan Terengganu. Ini bermakna hampir keseluruhan Negeri Terengganu boleh mendapat perkhidmatan pengangkutan

udara dengan mudah. Satu lagi lapangan terbang yang sedia ada di Terengganu ialah *Pulau Redang Airstrip*, di mana lapangan terbang ini dikhususkan kepada para pelancong yang berkunjung ke Pulau Redang dan lain-lain pulau yang berhampiran.

- 2.23 Pelabuhan Kemaman merupakan sebuah pelabuhan laut dalam dan mampu mengendalikan kapal yang beratnya sehingga 150,000 dwt. Ia mempunyai sebuah dermaga kargo am, sebuah dermaga khas untuk memberi perkhidmatan kepada operasi carigali petroleum serta sebuah terminal untuk mengeksport LPG. Dermaga ini memberi perkhidmatan kepada lebih kurang lima (5) syarikat yang menghasilkan produk cecair kimia/petrokimia. Sebuah lagi kemudahan pelabuhan yang ada ialah Terminal Marin Kertih iaitu sebuah pelabuhan milik PETRONAS yang mempunyai enam (6) buah jeti dengan kapasiti 10,000 hingga 40,000 dwt bagi pengendalian produk petroleum dan petrokimia sahaja.

Kekangan Pembangunan

- 2.24 Kekangan-kekangan utama dalam pembangunan ekonomi khususnya perindustrian di Terengganu ialah masalah pekerja, sistem pengangkutan, kepakaran teknikal, bekalan elektrik dan air. Kebanyakan pelabur besar lebih berminat kepada projek pelaburan berasaskan petrokimia, kimia dan besi waja. Faktor-faktor tarikan utama bagi projek ini ialah seperti pelabuhan dalam dan bahan-bahan mentah yang berasaskan minyak dan gas. Pelabur kurang menunjukkan minat untuk melabur dalam sektor lain seperti elektrik, elektronik, tekstil, automotif, pemprosesan makanan dan lain-lain.
- 2.25 Kekurangan kemudahan dalam sistem pengangkutan terutama sistem pengangkutan darat yang cekap dan lapangan terbang serta pelabuhan yang lengkap adalah sangat ketara di negeri ini memandangkan jaraknya yang jauh daripada terminal import eksport di Pulau Pinang, Klang, Kuala Lumpur dan Johor. Jarak antara Kuala Terengganu dan Pelabuhan Klang mengambil masa lebih kurang 12 jam perjalanan melalui jalan darat. Pelabuhan Kemaman serta Lapangan Terbang Kuala Terengganu dan Kertih tidak mampu menyelesaikan masalah kebanyakan para pelabur kerana kekurangan kemudahan komersial seperti gudang penyimpanan, pekhidmatan kontena dan sebagainya.
- 2.26 Kebanyakan pelabur khasnya di dalam sektor teknologi tinggi, kimia dan petrokimia serta elektrik lebih gemar mendirikan kilang-kilang di mana terdapat sumber tenaga manusia yang terlatih serta berkepakaran tinggi. Dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran teknikal pekerja-pekerja, Kerajaan Negeri telah

menubuhkan beberapa pusat latihan bagi membantu keperluan industri-industri di Terengganu.

- 2.27 Dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan juga ada kaitannya dengan tarikan pelaburan ke negeri di Pantai Timur. Contohnya, tumpuan pembangunan perindustrian yang diberi kepada negeri-negeri di Pantai Barat yang dikenali sebagai "*Industrial Main Corridor*", sementara di Pantai Timur pula dikenali sebagai "*Second Corridor*". Justeru, para pelabur akan memberi keutamaan memilih penempatan kilang-kilang mereka di Pantai Barat walaupun keadaan telah menjadi padat.
- 2.28 Pada masa kini, penggalakan pelaburan ke "*Second Corridor*" masih boleh ditingkatkan lagi dengan menonjolkan kelebihan perbandingan dan persaingannya. Pemberian galakan (insentif) pelaburan seperti taraf perintis dan elaun cukai pelaburan dan lain-lain juga perlu diperkemas dan ditambah. Seharusnya semua projek perlu diberi pertimbangan sama rata tidak kira di negeri-negeri maju atau negeri-negeri kurang maju. Kerap terdapat pelabur yang membesarkan projek masing-masing lebih berminat menempatkannya di negeri-negeri maju. Ini adalah kerana mereka masih boleh mendapatkan galakan pelaburan yang perbezaannya sedikit sahaja jika ditempatkan di negeri-negeri kurang maju. Pakej insentif yang digunakan untuk menarik pelabur asing ke Malaysia lebih memanfaatkan "*Main Corridor*" dan tidak berkesan sepenuhnya untuk menarik pelaburan ke "*Second Corridor*".
- 2.29 Dibandingkan dengan negeri-negeri di Pantai Barat, Terengganu masih lagi kekurangan dalam beberapa sudut yang menghalang pembangunan terutama industri perkilangan yang bertumbuh dengan cepat. Kawasan perindustrian yang telah dimajukan masih berkurangan dan juga tidak dipenuhi. Kawasan tanah yang kebanyakannya berpaya adalah satu alternatif yang kurang menarik dibandingkan dengan kawasan lain. Kos untuk membangunkan kawasan sebegini adalah tinggi dan merupakan '*set-back*' kepada para pelabur. Kemudahan-kemudahan asas yang lain juga masih kurang mampu untuk menampung keperluan industri secara menyeluruh.
- 2.30 Dari segi geografi, kedudukan Negeri Terengganu adalah jauh dari pusat pasaran, perniagaan, '*shipping outlets*' dan kemudahan asas seperti lebuh raya, jalan kereta api dan perkhidmatan penerbangan antarabangsa, menjadikan Terengganu sebagai negeri terpencil. Kos pengangkutan yang tinggi untuk penghantaran bahan mentah dan barang siap telah melemahkan minat pelabur

untuk bertapak di negeri ini kerana kos pengangkutan melibatkan kos jangka panjang. Pada masa ini tiada insentif dapat menandingi tambahan kos ini.

Isu-Isu Semasa Pembangunan

- 2.31 Secara khusus terdapat beberapa isu pembangunan di Negeri Terengganu yang perlu ditangani dalam usaha melaksanakan agenda pembangunan negeri. Isu tersebut adalah seperti berikut:

Keperluan Perhubungan Wilayah

- 2.32 Senario semasa memperlihatkan pembangunan bandar antara daerah yang tidak seimbang dari segi fungsi dan saiz. Keadaan ini memberi tekanan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan di bandar-bandar utama negeri yang secara tidak langsung menyebabkan penyebaran bandar tersebut tidak meresapi ke pusat-pusat pertumbuhan kecil.

Masalah kemudahsampaian dan perhubungan serta kedudukan geografi menghadkan pengintegrasian Negeri Terengganu dengan pembangunan negara. Justeru sistem perhubungan yang lebih mantap diperlukan bagi mengurangkan jarak antara Pantai Barat dengan Pantai Timur.

- 2.33 Isu ketidakseimbangan pembangunan yang tinggi antara daerah juga timbul. Isu ini dikaitkan dengan pengintegrasian pembangunan bandar dan desa yang pada masa kini berada pada tahap yang rendah. Keadaan ini telah menimbulkan gejala-gejala seperti kemiskinan, ketidakseimbangan pendapatan isi rumah dan sebagainya. Fenomena ini adalah disebabkan oleh aktiviti-aktiviti ekonomi bandar dan desa di dalam sesebuah daerah tidak menyokong antara satu sama lain.

Kependudukan dan Perancangan Sumber Manusia

- 2.34 Kadar pertumbuhan penduduk yang rendah dan pola penempatan yang berselerak merupakan faktor negatif dalam usaha untuk memajukan negeri. Senario ini tidak dapat memberi impak ekonomi kepada pusat-pusat petempatan di Negeri Terengganu. Selain daripada itu guna tenaga berkemahiran yang rendah tidak dapat memenuhi keperluan perkhidmatan dan perindustrian. Sungguhpun telah wujud beberapa institusi latihan kemahiran namun ia masih belum mencukupi untuk menawarkan latihan kepada tenaga kerja yang sentiasa bertambah.

Pelbagaian Asas Ekonomi

- 2.35 Isu utama Negeri Terengganu ialah tentang hasil dari sektor petroleum dan gas. Walaupun sumbangannya kepada KDNK negeri adalah tinggi tetapi sektor ini tidak dapat diagihkan secara langsung untuk meningkatkan pendapatan penduduk dan menawarkan peluang pekerjaan yang sewajarnya. Asas ekonomi negeri yang lebih tertumpu kepada sektor primer berasaskan '*resource base*' menghasilkan produktiviti yang rendah telah menyebabkan prestasi ekonomi negeri yang perlahan.
- 2.36 Aktiviti-aktiviti nilai ditambah kurang diberi perhatian sewajarnya bagi mempelbagaikan asas ekonomi kepada industri-industri yang lebih tinggi sumbangannya kepada KDNK negeri. Sumber ekonomi negeri juga belum diguna secara optimum bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan hasil negeri.

Negeri Terengganu mempunyai banyak sumber asli yang masih belum dieksplotasi sepenuhnya. Jika sumber ini diurus dengan berkesan, maka ia dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dan generasi akan datang.

- 2.37 Sistem perhubungan dan pengangkutan serta lokasi yang terhad menyebabkan Terengganu terpaksa menghadapi saingan dengan negeri-negeri lain dalam keupayaan menarik pelabur. Bagi menangani masalah ini, insentif-insentif tertentu bagi mengurangkan kos pengeluaran hendaklah diberikan kepada pelabur.

Pembangunan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perlombongan

- 2.38 Sektor pertanian masih lagi penting terutama dibahagian utara Negeri Terengganu. Bagaimanapun sektor ini masih belum menghasilkan pulangan ekonomi yang optimum kepada negeri. Ini adalah kerana pengeluaran hasil pertanian yang rendah akibat diusahakan secara kecil-kecilan oleh sebilangan besar petani yang kurang pengetahuan dan peralatan. Disamping itu, tanah yang terhad, tenaga kerja tempatan yang tidak komited, kos pengeluaran dan masalah pemasaran hasil pertanian menghalang pulangan hasil yang tinggi.
- 2.39 Satu lagi isu yang perlu diberi perhatian ialah hasil pengeluaran pertanian, perhutanan dan perikanan yang telah siap diproses tetapi masih belum dapat memenuhi permintaan pasaran eskport dalam dan luar negeri. Kebanyakan pengeluaran adalah untuk permintaan dalam negeri dan juga hasil-hasil

pertanian dan perhutanan ini tidak diberi nilai tambah untuk pasaran luar Terengganu. Selain itu, ketidakstabilan penghasilan, pemasaran dan harga komoditi menyebabkan kurangnya daya saing dalam usaha menarik pelaburan luar bagi merangsang sektor ini.

- 2.40 Sektor perlombongan tidak dieksploitasi sepenuhnya untuk memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi negeri. Selain petroleum, mineral lain yang belum dimanfaatkan ialah silika, granit dan *kaolin clay*.

Pembangunan Perindustrian

- 2.41 Industri berteknologi tinggi dan berintensif modal kebanyakannya tertumpu kepada pembangunan industri petrokimia yang tidak dipelbagaikan kepada industri hiliran. Pembangunan IKS masih lagi rendah di negeri ini berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia kerana sumber asli sedia ada tidak dieksploitasi sepenuhnya serta pengeluaran hasil juga tidak dipelbagaikan.
- 2.42 Kekurangan tenaga mahir dan berkemahiran tinggi di dalam bidang petrokimia, plastik, pembuatan dan pemasangan mesin, pemprosesan dan pembungkusan makanan merupakan isu pembangunan yang perlu ditangani kerana kekurangan ini akan menimbulkan masalah di dalam mengatasi cabaran globalisasi akan datang.
- 2.43 Faktor ketidaksempurnaan logistik dan infrastruktur industri menyebabkan kawasan industri sedia ada menjadi tidak kompetitif berbanding dengan kawasan industri yang terletak di bahagian selatan Negeri Terengganu di mana kesan limpahan lebih banyak mengalir ke Kuantan berbanding dengan daerah Kemaman dan daerah Dungun.

Peningkatan Hasil Sektor Pelancongan

- 2.44 Sektor pelancongan masih lagi belum dieksploitasi sepenuhnya bagi memberi sumbangan optimum kepada KDNK negeri. Keadaan ini akan merugikan Negeri Terengganu kerana sektor ini mampu menyumbang kepada peningkatan KDNK negeri disamping memberi peluang pekerjaan kepada penduduk negeri. Produk-produk pelancongan masih mempunyai ruang untuk dipromosi secara menyeluruh sehingga ke peringkat antarabangsa.
- 2.45 Walaupun begitu, pembangunan sektor pelancongan ini hendaklah dikawal. Pembangunan pelancongan tidak terkawal di kawasan semulajadi menyebabkan

industri pelancongan tidak mampu kekal di masa akan datang. Ini akan merugikan banyak pihak terutama Kerajaan Negeri sendiri.

Peningkatan dalam Sektor Perdagangan dan Perkhidmatan

- 2.46 Perkembangan pusat perdagangan dan perkhidmatan kadangkala tidak selaras dengan hieraki pempandaran yang telah ditetapkan. Pembinaan bangunan penempatan ruang niaga tanpa perancangan telah memberi kesan kepada penawaran ruang lantai yang melebihi permintaan. Kekurangan pemangkin dan pemusatan aktiviti-aktiviti yang mampu menjana sektor perdagangan dan perkhidmatan menyebabkan sebahagian besar pusat bandar dan pusat petempatan tidak mengalami pertumbuhan yang lebih dinamik.
- 2.47 Bagi daerah di Negeri Terengganu yang letaknya bersempadan dengan negeri lain seperti Kemaman dan Besut, pembangunan perdagangan dan perkhidmatan akan menghadapi persaingan yang kuat dengan bandar-bandar di negeri jiran. Ini kerana wujud masalah tarikan luar yang kuat di mana penduduk berbelanja di luar bagi mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang berdaya saing dari segi kos dan kualiti.

Penggunaan Sumber Tanah Secara Optimun

- 2.48 Penggunaan tanah di Negeri Terengganu masih lagi belum mencapai ke tahap optimum. Masih banyak tanah terbiar terutama di daerah Hulu Terengganu dan daerah Setiu. Tanah-tanah di sini mempunyai potensi untuk dimajukan terutama dalam sektor pertanian dan penternakan. Kawasan-kawasan yang diperuntukkan untuk pembangunan projek seperti projek perumahan dan kawasan industri juga tidak dibangunkan sepenuhnya dan perkara ini merugikan lagi aset Negeri Terengganu.

Penyediaan Program Rekreasi dan Sukan

- 2.49 Penyediaan program rekreasi dan sukan masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat terutama golongan belia di negeri ini. Kebanyakan kemudahan sukan terletak di kawasan bandar dan pekan dan kurang dikembangkan ke kawasan pedalaman. Penyediaan kemudahan rekreasi dan sukan pada umumnya belum mencukupi terutamanya bagi kemudahan-kemudahan bertaraf negeri dan negara bagi melatih anak-anak Terengganu menjuarai sukan dan seterusnya menjadikan bidang sukan sebagai penjana pendapatan yang lumayan.

Kelengkapan Sistem Perhubungan dan Pengangkutan

- 2.50 Kemudahan sistem pengangkutan masih lagi menjadi isu sosial yang masih berterusan. Kemudahan pengangkutan yang kurang efisien akan melambatkan agenda pembangunan negeri terutama pengangkutan kargo yang menggunakan jalan darat dan udara. Kos pengangkutan yang tinggi akibat sistem pengangkutan yang lemah menyebabkan kurangnya daya tarikan pihak pelabur dalam dan luar negara untuk bertapak di negeri ini.
- 2.51 Bagi kemudahan masyarakat setempat, masalah kemudahan pengangkutan awam masih lagi perlu diberi perhatian. Kemudahan terminal bas dan teksi serta kurangnya bilangan kenderaan pengangkutan awam yang beroperasi terutama pengangkutan bandar menyebabkan kesukaran kepada pengguna tempatan dan juga pelancong asing yang datang melawat negeri Terengganu.

Penambahbaikan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti

- 2.52 Penyediaan kemudahan telekomunikasi dan teknologi maklumat yang terkini masih belum mampu menyokong pertumbuhan ekonomi negeri dengan lebih berkesan. Jurang digital rakyat negeri Terengganu masih luas berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Justeru, strategi-strategi khusus perlu dirangka untuk mengatasi cabaran ini.
- 2.53 Penyediaan prasarana seperti sistem perparitan dan pembentungan yang tidak sempurna di kawasan penempatan dan kawasan pertanian telah menyebabkan berlakunya banjir di musim tengkujuh yang mendatangkan banyak kerugian. Pengurusan sistem pepejal seperti pelumpusan sampah sarap oleh pihak PBT masih lagi tidak efisien dan tidak ekonomik.
- 2.54 Pengurusan bekalan air bersih perlu ditingkatkan lagi bagi menambah kuantiti bekalan air bersih disamping penyeliaan loji pemprosesan dan kelengkapan infrastruktur pengagihan supaya kualiti air juga dapat dipertingkatkan. Selain daripada itu, pada masa kini kekayaan sumber bekalan air masih belum dieksploitasi sepenuhnya bagi memajukan ekonomi dan meningkatkan hasil negeri.

Pemuliharaan Alam Sekitar dan Sumber Asli

- 2.55 Pembangunan yang tidak dirancang dengan sempurna akan menjejaskan kualiti alam sekitar. Penerokaan hutan dan pulau-pulau peranginan serta kawasan-kawasan tadahan air akan menyebabkan berlakunya banjir dan tanah runtuh. Sumber semulajadi seperti pantai dan muara sungai yang sentiasa terhakis pada musim tengkujuh hendaklah diberi perhatian. Oleh itu pembangunan mampan (*sustainable development*) merupakan aspek penting yang semestinya diberi keutamaan dalam setiap perancangan yang hendak dilaksanakan.

Peningkatan Sistem Penyampaian Sektor Awam

- 2.56 Pentadbiran awam adalah merupakan jentera dan mekanisme untuk merealisasikan program atau projek yang diarah oleh Kerajaan Negeri. Isu yang sering timbul ialah tiadanya penyelarasan dan kerjasama di antara dan sesama jabatan atau agensi negeri mahupun persekutuan. Sepatutnya agensi-agensi ini memainkan peranan penting sebagai pemudah cara dalam menjayakan sesuatu projek supaya rakyat dapat menikmati segala kemudahan secara total.
- 2.57 Keberkesanan jawatankuasa-jawatankuasa perancangan dan pemantauan di peringkat negeri dan daerah juga perlu dipertingkatkan. Usaha untuk menarik pihak swasta dalam proram-program pembangunan juga harus diambil perhatian. Isu yang begitu ketara kebelakangan ini ialah keupayaan pegawai dan kakitangan untuk memantau projek atau program pembangunan agar seiring dengan kelayakan peruntukan dan menepati spesifikasi projek atau program tersebut.

Daerah Besut

- 2.58 Daerah Besut seluas 123,361.8 hektar yang merangkumi 9.5% daripada keluasan Negeri Terengganu terletak ke utara negeri dan bersempadan dengan negeri Kelantan. Bentuk muka bumi daerah ini adalah landai di sebelah utara dan berbukit di sebelah selatan. Seluas 35.8% kawasan daerah ini mempunyai ketinggian kurang daripada 20 meter, di mana kawasan berbukit di bahagian selatan mempunyai ketinggian melebihi 200 meter dan sebelah kiri dan kanan sempadan daerah terdapat Banjaran Gunung Tebu dan Hutan Simpan Pelagat. Sungai Besut mengalir dari hulu hingga ke muara sungai di Kuala Besut dan seterusnya ke Laut Cina Selatan. Daerah Besut mempunyai 16 mukim iaitu Bukit Kenak, Bukit Peteri, Jabi, Kampong Raja, Keluang, Kerandang, Kuala Besut, Kubang Bemban, Lubok Kawah, Pasir Akar, Pelagat, Pengkalan Nangka,

Pulau Perhentian, Tembila, Tenang, dan Hulu Besut. Di mana Kampung Raja merupakan Pusat Pentadbiran Daerah. Terdapat dua (2) pulau dalam daerah ini iaitu Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil.

- 2.59 Sektor pertanian, perkhidmatan dan perkilangan merupakan penggerak utama ekonomi daerah ini. Rangsangan daripada sektor-sektor ekonomi terpilih akan diberi perhatian sewajarnya. Aktiviti sektor pertanian merangkumi subsektor tanaman, ternakan dan perikanan. Sektor ini masih memerlukan rangsangan dalam usaha peningkatan output melalui penambahan input dan teknologi terkini bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Usaha memajukan sektor perkilangan telah diambil melalui strategi mempertingkatkan sektor ini terutama dalam industri perkayuan dan IKS serta industri berintensif sumber tenaga manusia. Bagi sektor perkhidmatan pula, strategi diambil untuk meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan dengan terus menyokong subsektor pelancongan, subsektor perdagangan dan subsektor perkhidmatan kerajaan.
- 2.60 Tahap pembangunan daerah ini masih lagi perlahan. Pelaksanaan hala cara pembangunan daerah Besut perlu diperhebatkan lagi kerana tahap kemajuan ekonomi daerah ini masih berada di paras yang rendah.

Dalam hubungan ini, hala cara untuk meninggikan mutu dan taraf hidup rakyat perlu diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Program-program dan projek-projek untuk menambah pendapatan semua golongan masyarakat akan diberi penumpuan dengan mewujudkan berbagai peluang pekerjaan. Bagi mencapai tahap purata negeri dalam tahap pembangunan, rangsangan ekonomi dalam HPNT 2009-2013 akan ditekankan kepada sektor pertanian, sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan.

Daerah Dungun

- 2.61 Daerah Dungun terletak di selatan daerah Kuala Terengganu dan ke utara daerah Kemaman. Tiga daerah iaitu Daerah Kemaman, Daerah Marang dan Daerah Hulu Terengganu adalah bersempadan dengan daerah ini. Keluasan daerah Dungun 273,503.1 hektar yang mewakili 21.1% daripada keluasan negeri merupakan daerah kedua terluas di Negeri Terengganu. Bandar Dungun merupakan pusat pentadbiran daerah dan juga salah satu daripada pusat daerah. Pusat Daerah lain ialah Bandar Al-Muktafi Billah Shah. Terdapat 11 mukim dalam Daerah Dungun iaitu Abang, Besul, Hulu Paka, Jengai, Jerangau, Kuala Dungun, Kuala Paka, Kumpal, Pasir Raja, Rasau dan Sura. Mukim Jengai adalah terluas iaitu 28.6 peratus daripada keluasan daerah manakala mukim

Sura merupakan yang terkecil bagi Daerah Dungun. Sungai Dungun adalah sungai utama yang mengalir terus ke Laut Cina Selatan dan mewujudkan lembangan Kuala Dungun.

- 2.62 Sektor perkilangan, perkhidmatan dan pertanian merupakan aktiviti-aktiviti ekonomi daerah Dungun. Secara khususnya sektor perkilangan akan berteraskan sektor IKS, sektor perkhidmatan berteraskan sektor pelancongan dan perkhidmatan kerajaan, dan sektor pertanian akan berasaskan sektor tanaman dan ternakan. Beberapa strategi yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan ekonomi daerah Dungun ialah mempertingkatkan sektor perkilangan terutama dalam IKS dan industri-industri berintensif buruh, memajukan sektor perkhidmatan seperti perdagangan, pelancongan dan perkhidmatan kerajaan serta meningkatkan hasil-hasil pertanian melalui kaedah mekanisma pengeluaran moden dan mengoptimunkan penggunaan tanah dalam daerah.
- 2.63 Pada keseluruhannya, prestasi kemajuan Daerah Dungun masih lagi pada tahap pertengahan jika dibandingkan dengan daerah lain sehingga tahun 2008.

Bagaimanapun daerah ini mampu menuju kepada tahap daerah maju pada tahun 2010 jika aktiviti-aktiviti perkilangan semakin bertambah seiring dengan pembangunan dalam sektor perdagangan, pendidikan, pelancongan dan perkhidmatan kerajaan.

Daerah Hulu Terengganu

- 2.64 Daerah Hulu Terengganu terletak di bahagian tengah negeri dan bersempadan dengan daerah Besut dan Setiu di bahagian utara, Kuala Terengganu dan Marang di bahagian timur dan Dungun di bahagian selatan. Daerah ini tidak mempunyai pantai tetapi memiliki Tasik Kenyir iaitu tasik buatan manusia terluas di rantau ini dengan meliputi 37,000 hektar kawasan daripada 387,462.6 hektar luas daerah. Terdapat 9 mukim dalam daerah ini iaitu Tanggol, Hulu Berang, Hulu Telemong, Hulu Terengganu, Jenagor, Kuala Berang, Kuala Telemong, Penghulu Diman dan Tersat. Mukim Hulu Terengganu ialah mukim yang terluas di mana ianya meliputi keluasan 264,025 hektar. Bandar Kuala Berang dan Ajil adalah bandar utama dalam Mukim Hulu Terengganu.
- 2.65 Sektor pertanian, perkhidmatan dan perkilangan merupakan aspek teras ekonomi sektoral di daerah ini. Sektor pertanian telah diberi perangsang sewajarnya untuk meningkatkan hasil-hasil pertanian dan bagi menyediakan

pekerjaan kepada tenaga kerja daerah. Strategi dalam memodenkan sektor pertanian melalui mekanisasi, teknologi, input pertanian dan lain-lain telah dipergiatkan. Ternakan ikan akuakultur serta dalam sangkar telah berkembang dan keupayaan sungai-sungai di kawasan Tasik Kenyir telah dimanfaatkan. Sektor perkilangan pula telah ditumpukan kepada projek-projek IKS terutama yang berasaskan perkayuan, batu bata dan simen. Kawasan Perindustrian Ajil telah menempatkan beberapa kilang yang berasaskan hasil perkayuan. Dalam bidang perkhidmatan, sektor pelancongan mempunyai aset semula jadi seperti air tejun, sungai, rimba yang belum dimanfaatkan sepenuhnya. Pihak KETENGAH yang beroperasi di daerah ini telah dipertanggungjawabkan untuk memajukan sektor pelancongan terutama dalam usaha pembangunan industri pelancongan Tasik Kenyir. Sektor pekhidmatan lain seperti perdagangan, peniagaan, utiliti dan lain-lain terus diberi penekanan supaya ia selari dengan kehendak semasa, di mana sektor ini mempunyai peranan masing-masing untuk memajukan Daerah Hulu Terengganu.

- 2.66 Pada kesimpulannya, tahap kemajuan Daerah Hulu Terengganu telah pun meningkat berbanding sepuluh tahun dahulu. Secara perbandingan dengan daerah lain, daerah ini telah berada diperingkat pertengahan pada tahun 2008. Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang bertambah baik seperti penyediaan kemudahan awam yang bertambah, naik taraf bandar Kuala Berang dan Ajil serta pelebaran jalan raya kepada dua lorong dari Kuala Berang ke Kuala Terengganu akan mempercepatkan lagi pembangunan Daerah Hulu Terengganu.

Daerah Kemaman

- 2.67 Daerah yang terletak di selatan Negeri Terengganu ini adalah bersempadan dengan Negeri Pahang di bahagian selatan negeri. Keluasan daerah ini ialah 253,559.9 hektar 19.6 peratus daripada jumlah keluasan Negeri Terengganu. Bandar Chukai merupakan pusat pentadbiran daerah yang juga merupakan bandar utama daerah Kemaman. Bentuk muka buminya adalah landai di sebelah timur dan berbukit di bahagian pedalaman iaitu sebelah barat. Gunung Lipat Sanggul merupakan gunung tertinggi mencapai 4,154 meter terletak di bahagian barat daerah. Seluas 3.3% keluasan tanah kawasan rendah adalah tanah berpaya. Daerah Kemaman disaliri oleh beberapa sungai iaitu Sungai Cherul, Sungai Cheneh, Sungai Kemaman, Sungai Kertih, Sungai Chukai, Sungai Kemasik dan Sungai Kijal. Terdapat 12 mukim dalam daerah ini iaitu Bandi, Banggol, Binjai, Cukai, Hulu Cukai, Hulu Jabur, Kemasik, Kerteh, Kijal, Pasir Semut, Tebak, dan Teluk Kalung. Di mana mukim Bandi seluas 82,236 hektar

merupakan mukim terbesar manakala mukim Chukai adalah mukim yang paling kecil dengan keluasan 3,026 hektar.

- 2.68 Pembangunan Daerah Kemaman telah dipacu oleh projek-projek pembangunan industri terutama dalam subsektor petroleum. Pembangunan ini berkembang pesat setelah PETRONAS memulakan projeknya di Kertih. Subsektor petroleum telah menjadi penggerak utama dalam mewujudkan industri-industri di daerah Kemaman khususnya di Kertih dan Teluk Kalong. Penubuhan dan pembangunan industri petrokimia telah memajukan industri hiliran lain seperti penubuhan Taman Industri Polimer di Kertih. Pembangunan Taman Industri Polimer fasa 2 dengan kerjasama Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan menambahkan lagi industri-industri yang berasaskan minyak dan gas. Kilang besi dan keluli juga terdapat di dalam daerah ini.
- 2.69 Memandangkan pelaksanaan hala cara memajukan daerah ini mendapat rangsangan terus dari sektor perkilangan yang menjadi pemangkin aktiviti-aktiviti ekonomi, maka strategi yang telah diambil ialah meneruskan rangsangan ekonomi melalui sektor perkilangan berteraskan intensif modal dan intensif teknologi.

Selain daripada industri-industri berat, sektor IKS juga memberi sumbangan kepada ekonomi daerah ini dengan menyediakan peluang yang banyak kepada para usahawan tempatan. Di samping itu, IKS ini juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada tenaga kerja daerah. Sektor perkhidmatan pula diteraskan oleh aktiviti perdagangan, perkhidmatan Kerajaan dan perkhidmatan lain. Pentadbiran oleh KETENGAH pada sebahagian Daerah Kemaman turut memajukan lagi daerah ini.

- 2.70 Pada amnya, daerah Kemaman mempunyai peluang untuk menjadi daerah termaju di Terengganu. Kedudukannya yang strategik dan menjadi tumpuan ramai pelabur terutama dalam industri perkilangan dan pembuatan serta disokong oleh sektor lain seperti perkhidmatan dan pelancongan menjadikan daerah ini lebih berpotensi untuk menjadi daerah maju setanding dengan Pantai Barat Semenanjung. Perbandingan antara daerah-daerah lain menunjukkan daerah Kemaman ialah daerah yang paling maju.

Daerah Kuala Terengganu

- 2.71 Daerah Kuala Terengganu terletak di persisiran Laut China Selatan di sebelah timur dan bersempadan dengan daerah lain seperti Marang, Setiu dan Hulu

Terengganu. Sungai utama yang terdapat di daerah ini ialah Sungai Terengganu, Sungai Ibai dan Sungai Nerus yang alirannya telah mewujudkan lembangan Kuala Terengganu dan seterusnya ke Laut China Selatan. Daerah Kuala Terengganu dibentuk oleh 23 buah mukim iaitu Atas Tol, Batu Buruk, Batu Rakit, Belara, Bukit Besar, Cabang Tiga, Cenering, Gelugur Kedai, Gelugur Raja, Kepung, Kuala Ibai, Kuala Nerus, Kubang Parit, Losong, Manir, Paluh, Pengadang Buluh, Pulau Redang, Rengas, Serada, Tok Jamal, Bandar Kuala Terengganu Dan Pulau Pulau serta 275 buah kampung. Mukim Belara adalah mukim terbesar yang mewakili keluasan 21,523 hektar atau 35.6 peratus daripada keluasan daerah iaitu 60,528.1 hektar, manakala Mukim Rengas adalah mukim paling kecil iaitu berkeluasan 194 hektar. Terdapat beberapa pulau di daerah ini iaitu Pulau Lang Tengah, Pulau Redang dan Pulau Bidong.

- 2.72 Penaiktarafan Daerah Kuala Terengganu sebagai 'Bandar Raya Pesisir Air' pada tahun 2008 telah memuncakkan lagi pembangunan sosioekonomi daerah ini. Aktiviti-aktiviti ekonomi daerah telah dirangsang oleh sektor perkhidmatan, sektor pertanian dan sektor perkilangan. Sebagai ibu Negeri Terengganu dan sebagai pusat wilayah, Bandar Kuala Terengganu merupakan pusat kegiatan bagi aktiviti perkhidmatan berasaskan subsektor kewangan, perdagangan, pemborongan dan runcit, insurans, hotel, harta benda dan perniagaan, perkhidmatan kerajaan dan pelancongan. Sektor perkilangan dan sektor pertanian masih lagi memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi daerah Kuala Terengganu. Melalui penempatan kawasan-kawasan industri Gong Badak dan Chendering dan pembukaan kawasan pertanian baru untuk tanaman komersial menunjukkan sektor-sektor ini masih berperanan dalam memajukan ekonomi daerah. Pelabuhan Perikanan Chendering juga memberi manfaat kepada kemajuan sektor perikanan laut di daerah Kuala Terengganu. Oleh yang demikian strategi-strategi pembangunan ekonomi yang telah dilaksanakan ialah dengan meneruskan pengembangan ekonomi melalui sektor-sektor ini berasaskan kepada subsektor masing-masing.
- 2.73 Pada keseluruhannya, pembangunan daerah Kuala Terengganu telah mencapai ke tahap tinggi jika dibandingkan dengan daerah lain disekitarnya. Kejayaan hala cara dalam usaha mencapai hala tuju ke arah peningkatan taraf sosioekonomi daerah menjadi matlamat utama dalam HPNT 2009-2013. Penyediaan infrastruktur dan prasarana yang mencukupi disamping pembangunan aspek ekonomi akan memertabatkan lagi 'Bandar Raya Pesisir Air' ini.

Daerah Marang

- 2.74 Daerah yang letaknya ke selatan Daerah Kuala Terengganu ini adalah bersempadan dengan Daerah Dungun, Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Daerah ini mempunyai keluasan 66,654.3 hektar atau merangkumi 5.2% daripada keluasan negeri. Sungai Merchang dan Sungai Marang adalah sungai utama bagi Daerah Marang.
- 2.75 Daerah ini mempunyai enam (6) mukim dan bandar Marang merupakan pusat pentadbiran bagi daerah ini. Mukim-mukim tersebut ialah Alur Limbat, Bukit Payong, Jerung, Merchang, Pulau Kerengga dan Rusila. Mukim Merchang adalah paling luas dengan memiliki kawasan 28,657 hektar atau 42.9% daripada jumlah keluasan daerah. Mukim Alur Limbat adalah daerah paling kecil bagi daerah Marang dengan keluasan hanya 5,445 hektar sahaja. Beberapa pulau terdapat di bahagian timur Daerah Marang iaitu Pulau Kapas dan Pulau Gemia.
- 2.76 Pembangunan ekonomi Daerah Marang adalah berasaskan kepada sumber asli sedia ada terutama yang berteraskan sektor pertanian melalui subsektor tanaman, akuakultur dan perikanan dan sektor perkhidmatan berteraskan industri pelancongan. Kegiatan subsektor tanaman merupakan sumbangan kepada pengeluaran dan juga kepada guna tenaga penduduk daerah.

Antara strategi pembangunan pertanian adalah dengan melaksana dan merangsang usaha pemodenan teknologi, bekalan input, kelengkapan infrastruktur, sistem pengairan, mekanisasi dan pembangunan sumber manusia melalui latihan giat tani dan sebagainya. Produk utama subsektor tanaman ialah kelapa sawit, getah, padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Bagi sektor perkilangan pula ianya lebih tertumpu kepada perkilangan IKS yang menjurus kepada pemprosesan hasil-hasil perhutanan, tanaman dan perikanan. Sektor perkhidmatan masih kurang kegiatannya pada masa kini. Sektor ini merupakan sektor penting dan menjadi penunjuk kepada aras pembangunan. Untuk menjadi daerah maju, sektor ini hendaklah di beri penekanan dalam HPNT 2009-2013. Sektor pelancongan hendaklah diberi penekanan kerana daerah ini mempunyai banyak sumber dan aset pelancongan yang belum dimanfaatkan secara optimum. Kegiatan perniagaan, perdagangan, hotel dan kewangan kebanyakan tertumpu dipusat bandar Marang dan kurang limpahannya di mukim-mukim lain.

- 2.77 Pada keseluruhannya pembangunan sosioekonomi dan taraf hidup rakyat Daerah Marang telah meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Walaupun begitu masih banyak lagi ruang yang boleh diisi dengan projek-projek

pembangunan kerana masih lagi banyak sumber dan aset daerah yang belum diterokai berbanding dengan bilangan penduduk daerah. Sungguhpun dalam RPNT 2004-2008 yang lalu, daerah ini telah mengalami banyak kemajuan dalam pembangunan, namun usaha-usaha hala cara baru harus dipergiatkan untuk mencapai sasaran ke arah menjadi daerah yang lebih maju.

Daerah Setiu

- 2.78 Daerah yang letaknya ke utara Daerah Kuala Terengganu ini mempunyai sempadan dengan Daerah Besut, Kuala Terengganu dan Hulu Terengganu. Daerah ini terdiri daripada tujuh (7) mukim iaitu Chalok, Guntung, Hulu Nerus, Hulu Setiu, Merang, Pantai dan Tasik. Sungai utama yang mengalir dalam Daerah Setiu adalah Sungai Setiu, Sungai Chalok, Sungai Bari dan Sungai Nerus. Bentuk muka buminya adalah landai di timur laut dan utara iaitu persisiran pantai, manakala beralun dan bertanah tinggi di bahagian barat daerah. Sebanyak 42.8% daripada keluasan daerah mempunyai ketinggian kurang daripada 20 meter dan 28.6% memiliki ketinggian antara 20 hingga 60 meter. Mukim Hulu Nerus yang merangkumi kawasan seluas 49,103 hektar adalah mukim paling luas dalam daerah ini, manakala Mukim Tasik yang luasnya 5,827 hektar merupakan mukim paling kecil. Bandar Permaisuri ialah pusat pentadbiran bagi daerah Setiu.
- 2.79 Daerah Setiu masih lagi berteraskan sektor pertanian sebagai asas pembangunan ekonomi daerah diikuti sektor perkilangan dan perkhidmatan. Oleh itu sektor ini telah diberi keutamaan dalam strategi merangsang dan menjana ekonomi penduduk setempat. Subsektor tanaman, akuakultur, perikanan dan penternakan telah dipertingkatkan ke taraf komersial melalui konsep industri tani dengan memodenkan kaedah-kaedah pengeluaran melalui mekanisasi, input-input, khidmat nasihat dan sebagainya. Tanaman komersial utama daerah Setiu ialah kelapa sawit, getah dan padi. Sektor perkilangan juga terus diberi insentif melalui pembukaan kawasan industri dan galakan kepada IKS.
- 2.80 Industri berasaskan kayu masih menjadi tumpuan di samping pemprosesan sumber laut, makanan dan herba. Dalam sektor perkhidmatan, sektor pelancongan terus diberi galakan dalam HPNT 2009-2013 kerana sektor ini banyak memberi sumbangan kepada KDNK daerah dan pekerjaan kepada penduduk setempat. Sumber alam semula jadi yang kaya dengan fauna dan flora merupakan aset utama kepada industri pelancongan. Subsektor perkhidmatan seperti perdagangan dan harta benda, peniagaan, kewangan,

runcit, restoran, hotel dan pekhidmatan kerajaan semakin berkembang terutama di kawasan bandar dan pekan.

- 2.81 Pada dasarnya, tahap pembangunan sosioekonomi daerah Setiu masih lagi rendah walaupun ada peningkatannya tahun demi tahun. Bagaimanapun jika dibandingkan dengan daerah lain dalam Negeri Terengganu tahap pembangunannya masih perlahan dan perlu diberi suntikan perangsang dalam RPNT 2009-2013 supaya kemajuan dapat dicapai setanding dengan daerah Kemaman dan daerah Kuala Terengganu.

Tahap Kemajuan Daerah

- 2.82 Bagi mengukur tahap kemajuan daerah secara perbandingan antara daerah, kriteria petunjuk-petunjuk sosial dan ekonomi digunakan sebagai kayu ukur tahap kesejahteraan hidup penduduk daerah. Berdasarkan petunjuk tersebut kedudukan perbandingan kemajuan antara daerah adalah seperti berikut:


Daerah Maju	Daerah Kurang Maju
Kuala Terengganu	Besut
Kemaman	Hulu Terengganu
Dungun	Marang
	Setiu

Jadual 3: Taraf Kemajuan Daerah 2009

Teras Pembangunan

- 2.83 Teras Pembangunan Negeri Terengganu adalah bersesuaian dengan agenda kepimpinan negeri yang berkonsepkan 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan'. Oleh itu dua (2) sektor utama telah dikenal pasti iaitu sektor ekonomi dan sektor sosial. Penyelesaian kepada kemiskinan adalah fokus utama negeri dan akan diberi perhatian serius. Pengintegrasian dalam menyelesaikan isu kemiskinan perlu dipikul oleh setiap sektor.

2.84 Elemen-Elemen tertentu yang menjadi tumpuan utama telah diwujudkan dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai projek/program pembangunan negeri. Tindakan ini adalah penting dan berkesan supaya peruntukan yang dibelanja akan mendatangkan manfaat maksimum kepada kumpulan sasaran dalam jangka masa bersesuaian dan kos yang efektif. Bagi merealisasikan matlamat ini, Kerajaan Negeri telah memilih teras-teras pembangunan ini sebagai terma rujukan untuk memajukan Negeri Terengganu dalam HPNT 2009-2013.



Carta 10: Sektor-Sektor Pembangunan dan Matlamat Negeri.

2.85 Beberapa teras di dalam sektor ekonomi dijadikan sumber untuk meningkat dan menjana pendapatan negeri disamping tidak meninggalkan bidang-bidang lain. Bidang-bidang yang terlibat adalah sebagaimana berikut;



Carta 11: Teras-Teras Sektor Ekonomi

- 2.86 Bagi sektor sosial pula teras-teras yang telah dikenalpasti turut memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi negeri samada memainkan peranan sebagai *'supporting'* ataupun sebagai pemangkin. Bidang-bidang yang terlibat adalah sebagaimana berikut;



Carta 12: Teras-Teras Sektor sosial

IV. PENUTUP

- 2.87 Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mencapai negeri maju melalui penetapan dasar-dasar awam dan garis panduan bagi menuju matlamat yang membawa peralihan paradigma ke dalam seluruh lapisan masyarakat di Terengganu. Bagi menjayakan hasrat dan matlamat kerajaan, sokongan padu rakyat dan kerjasama daripada sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan amatlah penting bagi menjamin semua sektor dan pihak dapat bersama-sama memberi sumbangan untuk membantu usaha-usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan membangunkan rakyat dan Negeri Terengganu. Oleh itu dalam HPNT 2009-2013, diharapkan rancangan program-program pembangunan akan dapat direalisasikan untuk faedah dan kepentingan semua rakyat negeri dengan semaksima mungkin.

BAB 3

KERAJAAN TEMPATAN

I. PENDAHULUAN

- 3.01 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi bagi menjayakan misi Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi menangani dan mengurus peningkatan kemajuan dengan lebih tersusun, perancangan, pembangunan dan pengurusan perkhidmatan perbandaran yang sistematik dan berkesan amat penting dalam memastikan kualiti hidup yang mampan dapat dinikmati oleh rakyat
- 3.02 Pembangunan perbandaran yang tidak terancang akan mengakibatkan wujud permasalahan di kalangan rakyat. Potensi pembangunan bandar wajar dirancang selaras dengan cabaran globalisasi supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Namun begitu, pembangunan perbandaran yang dirangka dan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan akan menghadapi pembangunan yang tidak seimbang sekiranya tiada perancangan yang rapi dan sistematik.
- 3.03 Merupakan salah satu agensi pelaksana utama dasar dan polisi pembangunan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa berusaha memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dilakukan sebaik mungkin agar dapat memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat seiring dengan gagasan Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri. Adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyediakan kemudahan fizikal dan sosial di dalam kawasan operasi masing-masing, serta perkhidmatan perbandaran yang berkualiti ke arah persekitaran kehidupan yang lebih baik dan terjamin.

II. MATLAMAT

- 3.04 Pembangunan dan pelestarian bandar yang terancang dengan sistem perbandaran yang berasaskan ciri-ciri warisan dan tradisi Negeri Terengganu dititikberatkan untuk keperluan penduduk yang semakin meningkat. Sebagai rangkaian bandar-bandar, Kerajaan Negeri memastikan pembangunan ini dapat memberi kesejahteraan kepada penduduk.

Perkhidmatan dan pembangunan kepada penduduk dapat diseimbangkan selaras dengan fungsi pempandarannya.

III. STRATEGI

3.05 Bagi memastikan kejayaan visi, beberapa strategi telah dikenalpasti iaitu :-

- Merancang dan mewujudkan bandar-bandar baru, pusat-pusat komersil, serta menyusun semula bandar sedia ada.
- Mewujudkan bandar-bandar yang beridentiti.
- Menceritakan bandar dengan pembangunan landskap yang unik.
- Mengindahkan suasana malam dengan cahaya lampu dan lampu hiasan yang menarik.
- Merancang dan menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti jalan dan longkang di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
- Menyediakan prasarana untuk industri kecil dalam bandar.

IV. PROGRAM DAN PROJEK

3.06 Peningkatan proses perbandaran memerlukan PBT melaksanakan perancangan yang lebih sistematik, pertadbiran yang cekap dan penyaluran perkhidmatan yang lebih baik. Tumpuan dalam pembangunan bandar adalah bertujuan memastikan proses perbandaran dirancang dan dilaksanakan secara sistematik bagi meningkatkan kualiti hidup serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Bagi mencapai hasrat ini infrastruktur asas seperti sistem perparitan, jalan-jalan raya, tempat rekreasi, hentian-hentian bas dan lain-lain akan ditambah dan dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan semasa. Projek-projek infrastruktur ini akan dilaksanakan di setiap PBT.

3.07 Pembinaan longkang jejari di dalam kawasan PBT merupakan langkah serius oleh PBT bagi menangani masalah banjir. Banjir kilat merupakan masalah yang dihadapi terutama bagi warga bandar di Terengganu. Bagi mengatasi masalah banjir dan longkang tersumbat yang sering kali tibanya musim tengkujuh maka projek menaiktaraf longkang utama dan sistem perparitan jejari sedia ada akan dirancang bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

- 3.08 Kerajaan Negeri memberi perhatian bagi menjadikan sistem pengangkutan awam yang lebih baik melalui pembinaan terminal pengangkutan awam. Projek ini adalah merupakan pemangkin bagi menghidupkan semula bandar-bandar di Terengganu dan aktiviti di *Central Business District (CBD)*. Ia sekaligus memberikan ruang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat.
- 3.09 Pembinaan taman-taman awam dan projek landskap merupakan salah satu daripada prasarana fizikal yang disediakan oleh PBT di seluruh Terengganu. Kebanyakannya terletak di persisiran pantai dan di pusat bandar. Ia dilengkapi dengan *hard landskap* dan *soft landscape* seperti pusat kraf tangan, kiosk dan lain-lain. Projek ini akan dilaksanakan bagi menaiktaraf taman sedia ada dengan menambah nilai elemen *hard landskap* dan *soft landscape*. Memperbaiki kemudahan sedia ada seperti peralatan di taman kanak-kanak, pejalan kaki dan lain-lain. Menambahkan semula penanaman pokok-pokok yang sesuai dengan kawasan laut dan pusat bandar serta mengaktifkan semula kawasan tersebut dengan kegiatan rekreasi.
- 3.10 Langkah yang akan diambil oleh PBT ialah melengkapkan usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi memajukan sektor pelancongan. Antara projek bagi memenuhi hasrat ini adalah dengan membangun dan menaiktaraf kawasan pesisir air dengan pengindahan dan landskap. Kebanyakan sungai-sungai di Terengganu merupakan kawasan yang berpotensi dimajukan sebagai aktiviti *river amuse* iaitu bermula dari bandar hingga kawasan pedalaman. Di kawasan pesisiran sungai yang kaya dengan keindahan semulajadi dan aktiviti *agro tourism* sememangnya amat sesuai untuk dimajukan.
- 3.11 PBT amat menyedari kepentingan infrastruktur seperti jalan sebagai alat penghubung dari satu tempat ke tempat lain. Pembinaan dan penyelenggaraan jalan oleh PBT dengan tujuan memberikan kemudahan kepada rakyat untuk berhubung antara satu tempat dengan tempat yang lain sekaligus dapat menjana interaksi ekonomi dan sosial rakyat.
- 3.12 PBT juga terlibat dalam usaha pembangunan sukan dikalangan rakyat. Selaras dengan peranan sukan sebagai wadah penyatuan rakyat serta menggalakkan amalan gaya hidup sihat. PBT juga berhasrat untuk membina mini stadium dan kompleks sukan di dalam kawasan masing-masing.
- 3.13 Mempertingkatkan imej pentadbiran PBT yang baik adalah merupakan hasrat kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan PBT. Membina bangunan pejabat baru untuk PBT dan pembinaan mercu tanda PBT adalah merupakan sebahagian daripada strategi di atas.

- 3.14 Kesukaran rakyat mendapatkan kemudahan tempat letak kereta amat difahami oleh kerajaan. Justeru itu pembinaan tempat letak kereta bertingkat dirancang bagi mengatasi kekurangan bilangan tempat letak kereta yang semakin kritikal terutama di pusat Bandaraya Kuala Terengganu terutama di waktu puncak. Pembinaan ini dijangka dapat menyelesaikan kekangan bilangan tempat letak kereta akibat ruang tanah yang terhad di pusat bandaraya.
- 3.15 Pemuliharaan alam semulajadi adalah merupakan elemen yang penting. Pembangunan yang tidak terkawal akan mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar.
- 3.16 Bagi melahirkan PBT Negeri Terengganu yang mempunyai hasil pendapatan yang teguh dan berterusan, pelbagai projek menjana pendapatan PBT akan dilaksanakan bagi memasti PBT memiliki aset dan keupayaan untuk berdikari tanpa terlalu bergantung kepada peruntukan kerajaan negeri.
- 3.17 Pembangunan eko-pelancongan adalah merupakan sebahagian daripada pembangunan sektor pelancongan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri menumpukan sektor pelancongan bagi menjana ekonomi negeri. Pihak Kerajaan Negeri Terengganu membantu mengembangkan sektor ini dengan pembangunan projek fizikal bagi menyokong industri ini.
- 3.18 Bagi mempertingkatkan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sisa pepejal di pulau, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu akan menggunakan *mini incinerator*. Mini insinerator adalah satu alat yang berupa tungku pembakaran yang dapat digunakan untuk pengolahan limbah padat. Teknologi insinerator ini merupakan teknologi yang banyak digunakan dipelbagai negara maju untuk mengatasi masalah limbah padat yang berasal dari industri mahupun domestik.
- 3.19 Kaedah ini merupakan jalan yang sesuai untuk melupuskan bahan yang tidak terbiodegrasi dan bahan dikitar semula. Kaedah insinerator dibuat pengasingan atau pemilihan sisa untuk dibakar supaya hanya bahan kimia tertentu sahaja yang akan dibebaskan. Tidak perlu kawasan tapak yang luas dan meminimumkan penggunaan tanah. Ia boleh digunakan dalam penghasilan tenaga elektrik.
- 3.20 Pada masa ini terdapat 7 sistem incinerator mini dilaksanakan dengan kos sekitar 17 billion di beberapa pulau peranginan seperti Pulau Langkawi, Pangkor, Tioman dan Labuan. Tidak keterlaluan jika dikatakan insinerator adalah satu-satunya jalan penyelesaian drastik.

- 3.21 Penekanan pelbagai program akan diberi termasuk pembinaan rumah-rumah kedai, bangunan-bangunan perniagaan, dan premis-premis disepanjang jalan utama bagi memenuhi permintaan penduduk setempat yang semakin meningkat.
- 3.22 Pencerahan dalam bandar merupakan perkara yang diberikan penekanan. Ia merupakan penyediaan bagi kemudahan awam disekitar bandar dan pinggir bandar yang kian membangun dengan kepadatan penduduk. Pembesaran kawasan PBT semenjak tahun 1996 memerlukan penambahan kemudahan ini. Kawasan-kawasan baru yang terlibat dengan pembesaran belum diberi kemudahan tersebut. Kemudahan ini diharap akan menyelesaikan masalah dan aduan orang ramai sekaligus memberi kemudahan yang selesa kepada rakyat dan menghindari masalah gejala sosial yang tidak sihat serta mencerikan kawasan bandar. Penyediaan kamera litar tertutup (CCTV) juga amat penting bagi kegunaan PBT pada masa kini. Ia bertujuan bagi meningkatkan tahap pemantauan keselamatan terutama di kawasan pusat bandar dan tumpuan utama para pengunjung. Ini memberikan rasa selamat kepada rakyat serta dapat memberikan imej yang baik terhadap keselamatan negeri.

V. PENUTUP

- 3.23 Rancangan pembangunan ini dirancang bagi memastikan pembangunan Negeri Terengganu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, teratur dan terkawal, serta memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan membantu menjana ekonomi negeri.

BAB 4

PERUMAHAN

I. PENDAHULUAN

- 4.01 Pembangunan perumahan merupakan salah satu tanggungjawab sosial penting Kerajaan Negeri. Menyedari hakikat ini, pembangunan perumahan akan menjadi teras pembangunan dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu. Menyedari hakikat bahawa pembinaan projek-projek perumahan memerlukan peruntukkan yang besar dan Kerajaan Negeri tidak mampu melakukan secara bersendirian. Justeru itu kerjasama dan bantuan daripada Kerajaan Pusat, Perbadanan Negeri serta pihak swasta amat dialu-alukan. Penyediaan perumahan akan terus diberi keutamaan dalam program pembangunan negeri yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah masyarakat penyayang.
- 4.02 Berasaskan kadar pertambahan penduduk dan juga bilangan rumah kediaman yang perlu diganti dalam tempoh Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu, jangkaan permintaan kepada perumahan adalah sebanyak 31,000 buah dengan 35% daripadanya akan merangkumi permintaan kepada rumah-rumah kos rendah. Berasaskan kepada maklumat tersebut Kerajaan Negeri akan memastikan permintaan ini dapat dipenuhi khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi merealisasikan matlamat ini tercapai kaedah penswastaaan akan dilaksanakan dalam penyediaan perumahan yang mencukupi kepada golongan sasaran. Langkah ini juga dijangka akan meransang serta mengembangkan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri. Selain daripada itu, infrastruktur dan kemudahan asas untuk melengkapkan penyediaan perumahan akan juga disediakan oleh Kerajaan Negeri. Langkah ini adalah untuk memastikan setiap projek perumahan menjadi penepatan yang selesa dan tersusun kepada mesyarakat.

II. MATLAMAT

- 4.03 Dalam tempoh RMKe 9, matlamat program-program pembangunan perumahan peringkat negara ialah untuk meningkatkan peluang semua penduduk daripada pelbagai peringkat pendapatan mendapatkan rumah dengan mencukupi, berkualiti dan mampu dibeli atau disewa.

Dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu, matlamat penyediaan perumahan adalah untuk memastikan rumah kediaman ini kondusif, aspek-aspek persekitaran tempat tinggal, keselamatan, kesihatan, infrastruktur asas, kemudahan sosial dan landskap akan juga disediakan sebagai matlamat sampingan yang ingin dicapai.



- 4.04 Pada asasnya Kerajaan Negeri akan memastikan supaya setiap keluarga mempunyai tempat tinggal sendiri dan pada masa yang sama menyelesaikan masalah setinggan. Di samping itu, tindakan akan juga diambil untuk menyusun semula perkampungan dan penempatan sedia ada agar tersusun dan mesra alam sekitar lengkap dengan kemudahan asas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kejiranan yang harmonis, selain daripada memperbanyakkan pembinaan perumahan kos rendah atau mampu milik bagi memenuhi keperluan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Kerajaan Negeri juga akan membangunkan pusat-pusat pertumbuhan termasuk pekan-pekan dan bandar-bandar baru supaya penempatan penduduk akan berada dalam keadaan tersusun dan terancang.
- 4.05 Dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu keutamaan akan terus diberikan kepada pembangunan rumah kos rendah dan rumah mampu milik. Dalam hal ini, sektor awam dan swasta akan disarankan berganding bahu untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha melaksanakan projek-projek penyediaan perumahan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

III. STRATEGI

4.06 Strategi-strategi untuk penyediaan perumahan di Terengganu adalah seperti berikut :

- Mensasarkan satu(1) rumah bagi satu(1) keluarga menjelang tahun 2020 yang akan mewujudkan peluang-peluang pemilikan rumah kepada semua rakyat (keluarga) menikmati kemudahan perumahan sendiri yang selesa di dalam suasana yang teratur dan tersusun khususnya kepada golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah disamping mengurangkan kawasan-kawasan setinggan dan pertumbuhan kawasan baru setinggan;
- Memperbanyakkan projek perumahan kos rendah dan perumahan mampu milik serta mengenalpasti kawasan-kawasan yang bersesuaian untuk dibangunkan;
- Menggalakkan pembangunan perumahan secara penswastaan dan mengenakan syarat pembinaan perumahan mampu milik atau pembinaan perumahan kos rendah bagi projek-projek penswastaan dan/atau bagi hartanah milikan yang dibangunkan dengan projek-projek perumahan;
- Melaksanakan perumahan yang mempunyai standard yang sama bagi sesuatu kategori;
- Melaksanakan dan mewujudkan mekanisme 'One-Stop Agency' bagi memudahkan dan mempercepatkan projek-projek perumahan.

IV. PROGRAM/PROJEK

Keperluan rumah kos rendah (Rumah Mampu Milik)

4.07 Dalam tempoh HPNT, dijangkakan permintaan kepada rumah-rumah kos rendah di Terengganu akan meningkat sehingga 10,000 unit. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah pun mengenalpasti tanah-tanah kerajaan yang masih kosong dan sesuai untuk dibangunkan dengan komponen perumahan. Tapak-tapak yang telah dikenal pasti itu dijangka dapat membina sebanyak 10,000 unit Rumah Mampu Milik dengan anggaran kos projek sebanyak RM 1billion.

- 4.08 Satu program yang akan diberi penekanan khas oleh Kerajaan Negeri ialah menyediakan perumahan kos rendah dan perumahan mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah.
- 4.09 Golongan ini terdiri daripada mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,500.00 sebulan. Tindakan yang akan diambil ialah dengan membantu dan memperbanyakkan Program Perumahan Awam oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk golongan ini.



Kesesuaian Kawasan Perumahan

- 4.10 Pembangunan perumahan mestilah mengambil kira kepada kawasan yang mempunyai permintaan. Jika tidak unit-unit rumah kediaman tidak akan mempunyai pembeli yakni permintaan. Justeru, dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri akan menggalakkan sektor awam dan swasta untuk menyelaras projek-projek perumahan di kawasan yang mempunyai permintaan yang tinggi dan terdapat akses kepada kemudahan sosial. Satu perkara yang ditekankan ialah pembangunan perumahan mestilah selaras dengan rancangan struktur dan rancangan tempatan. Dalam pada itu, jentera penyelarasan dan pemantauan yang berkesan akan dibentuk di peringkat negeri bagi memastikan kelulusan projek-projek perumahan oleh PBT mematuhi rancangan-rancangan pembangunan yang telah diluluskan Kerajaan Negeri.

Penyediaan Perumahan Secara Penswastaan Dan Perkongsian Bijak

- 4.11 Bagi memenuhi permintaan rumah-rumah kediaman di Terengganu, kaedah usahasama dan perkongsian bijak akan dilakukan, Kerajaan Negeri akan memberi galakan dan sokongan kepada badan-badan berkanun seperti PMINT dan UDA di dalam melaksanakan projek-projek perumahan. Masalah lazim apabila projek-projek perumahan dilaksanakan oleh pemaju-pemaju dari sektor swasta ialah kelewatan untuk memulakannya setelah mendapat kelulusan. Sebagai penyelesaian, Kerajaan Negeri akan berusaha mengurangkan kadar sumbangan serta kelonggaran syarat yang dikenakan kepada pemaju-pemaju berasaskan kemudahan infrastruktur yang terlibat bagi mengatasi masalah para pembeli yang berkelelahan mendapat rumah mampu milik tetapi tidak dapat membuat pinjaman bank atau institusi kewangan atau pelanggan '*unbankable*', Kerajaan Negeri akan berkerjasama dengan institusi-institusi kewangan dan juga para pembeli untuk memastikan pemilikan rumah kediaman ini menjadi kenyataan.
- 4.12 Salah satu aspek yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri ialah mengenai tanah-tanah kerajaan yang ada untuk dibangunkan tetapi terdiri daripada tanah-tanah berbukit dan berpaya. Dan untuk membangunkannya bagi maksud pembinaan perumahan akan melibatkan kos pembangunan yang tinggi. Oleh itu, satu kaedah yang akan dilakukan ialah dengan mereka bentuk rumah-rumah kediaman jenis teres dan rumah pangsa bagi menggantikan jenis sesebuah untuk mengurangkan penggunaan tanah. Selain daripada itu, kerajaan negeri akan juga menggalakkan projek-projek perumahan dilaksanakan secara '*mixed development*' bagi mengimbangi kos pembangunan, mengoptimumkan penggunaan tanah dan melengkapkan persekitaran perumahan.

Mekanisme pengurusan pembangunan perumahan

- 4.13 Penubuhan dan memperkasakan fungsi '*one-stop agency*' bagi melicinkan pelaksanaan program perumahan adalah salah satu kaedah bagi memudahkan pelaksanaan projek-projek perumahan di Terengganu. Dengan cara ini setiap proses permohonan untuk pembangunan perumahan akan mengambil masa yang singkat untuk mendapat kelulusan. Untuk menjayakan tindakan ini semua jabatan dan agensi sama ada negeri ataupun persekutuan yang mempunyai kaitan dengan perumahan dan juga PBT akan memberi kerjasama bersepadu supaya projek-projek pembangunan perumahan akan menjadi lebih berkesan.

Aspek-aspek Penyediaan Perumahan

- 4.14 Kerajaan Negeri sendiri telah '*comitted*' bagi menyediakan 10,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik dalam HPNT bagi memberi peluang kepada keluarga berpendapatan sederhana dan rendah memiliki rumah melalui peruntukkan perbelanjaan kerajaan.
- 4.14 Selain daripada penglibatan Kerajaan dalam Pembangunan Projek Perumahan, Agensi Kerajaan, Perbadanan negeri serta anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam industri pembinaan dan hartanah juga perlu memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bersama dengan membantu Kerajaan Negeri menyediakan projek perumahan kepada golongan sasaran.



- 4.15 Dalam memastikan penyediaan perumahan khusus untuk rumah mampu milik, Kerajaan Negeri akan meminta kerjasama syarikat-syarikat pemaju perumahan untuk menambahkan kadar peratusan pembinaan rumah kos rendah. Walaupun begitu, ia masih menjadi syarat tetapi akan melihat kepada kemampuan sektor swasta. Bagi melengkapkan tindakan ini, langkah-langkah tertentu akan diambil untuk menggalakkan lebih banyak lagi pembangunan secara bersepadu kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan.

Penempatan setinggan

- 4.16 Masalah setinggan di Terengganu tidaklah kritikal seperti negeri-negeri di pantai barat semenanjung. Pada tahun 2003, bilangan perumahan setinggan seluruh negeri adalah sebanyak 2,080 buah sahaja iaitu hanya 0.4% daripada peratusan penduduk setinggan di seluruh Malaysia. Walaupun begitu, Kerajaan Negeri semasa akan juga menyediakan program/projek tertentu bagi menangani salah satu gejala sosial ini. Pada dasarnya program/projek tertentu bagi dimaksudkan akan difokuskan kepada pemberian lot-lot perumahan dengan kadar premium tanah berpatutan, penawaran rumah-rumah kos rendah kepada penghuni-penghuni setinggan, dan lain-lain yang bersesuaian.
- 4.17 Pada masa yang sama jabatan dan agensi negeri yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan dari segi tanah dan juga PBT akan mengambil langkah untuk merobohkan rumah-rumah setinggan ini supaya ia tidak didiami oleh golongan-golongan lain. Kerajaan negeri yakin masalah ini akan dapat diatasi dalam RPNT kelak.

V. PENUTUP

- 4.18 Matlamat asas pembangunan perumahan di Terengganu adalah untuk memastikan setiap keluarga memiliki tempat tinggal sendiri yang selamat dan selesa disamping dapat menyelesaikan juga masalah setinggan. Tanggungjawab penyediaan perumahan ini terutama kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah adalah di bahu Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Oleh yang demikian, kerjasama erat antara jabatan dan agensi negeri dan persekutuan akan memastikan kejayaan projek-projek perumahan kos rendah dan perumahan mampu milik. Selain daripada itu, dengan pertambahan penduduk keperluan kepada perumahan akan juga meningkat. Sektor swasta juga digalakkan untuk menyediakan perumahan dengan jenis-jenis rumah mampu milik yang mampu dibeli oleh rakyat Negeri Terengganu. Peranan kerajaan dalam hal ini pula ialah penyediaan prasarana sosial yang lengkap bagi memastikan kawasan-kawasan perumahan itu kondusif dan selesa untuk diami. Sesungguhnya program/projek pembangunan perumahan adalah satu tanggungjawab yang berterusan yang perlu dipikul oleh Kerajaan Negeri.

BAB 5
PELAJARAN, PENGAJIAN TINGGI,
SAINS & TEKNOLOGI DAN SUMBER MANUSIA

I. PENDAHULUAN

- 5.01. Menyadari kepentingan ilmu yang mampu mengubah nasib individu, Kerajaan Negeri nekad melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan fokus kepada kecemerlangan pendidikan rakyat. Justeru, peruntukan yang secukupnya disediakan pada setiap tahun di bidang pendidikan, khususnya untuk membiayai pembangunan kecemerlangan pelajar. Usaha-usaha sentiasa dilakukan bagi menerokai idea baru serta mengkaji pelbagai alternatif yang strategik untuk dijana secara menyeluruh di semua peringkat.
- 5.02 Kesungguhan Kerajaan Negeri meningkatkan bidang pendidikan di Terengganu terserlah dengan pengistiharan 'Terengganu Negeri Anjung Ilmu'. Pelbagai program berkaitan pendidikan menjadi agenda utama pembangunan negeri seperti, penggunaan *E-Book*, *Virtual Classroom*, *Cyber School* dan lain-lain lagi. Pembangunan pendidikan dijadikan instrumen utama ke arah merealisasikan hasrat menjadikan Terengganu Anjung Ilmu.
- 5.03 Antara alternatif utama yang dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri memperkenalkan penggunaan E-book kepada murid tahun 5 di semua sekolah rendah di seluruh negeri Terengganu. Di peringkat pra-sekolah pula diperkenalkan program *Terengganu Brilliant Kids* (TB-Kids) yang menggunakan kemudahan teknologi maklumat bagi menarik minat kanak-kanak belajar.
- 5.04 Terengganu mampu menjadi peneraju kepada negeri-negeri lain dalam usaha memajukan bidang pendidikan kerana sebahagian besar program yang dilakukan di negeri ini belum dibuat di tempat lain. Dalam memberi pengukuhan kepada sektor pendidikan di peringkat yang lebih tinggi, beberapa pusat pengajian tinggi diwujudkan bagi memberi peluang rakyat tempatan dan luar Terengganu melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang.
- 5.05 Sektor Sains & Teknologi memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan dalam penggunaan teknologi ICT. Kerajaan telah menfokuskan pengaplikasian yang meluas dalam teknologi terkini, seperti mewujudkan infrastruktur yang lengkap dan melaksanakan lebih banyak program yang berkualiti.

- 5.06 Antara program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah meliputi konsep kelas maya (*Virtual Classroom*) yang menggunakan teknologi *Smartboard* sebagai medium pengajaran & pembelajaran. Pengisian modul sekolah peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan menengah dalam bentuk digital ini merupakan satu lagi usaha Kerajaan Negeri ke arah merencanakan pembangunan ekonomi negeri dalam sektor sains dan teknologi.
- 5.07 Melalui konsep menjadikan Terengganu Negeri Anjung Ilmu, Kerajaan Negeri menfokuskan penyediaan pembangunan fizikal & kerohanian, pembentukan asas pendidikan serta kemahiran untuk menghasilkan modal insan yang progresif dan menyeluruh.

II. MATLAMAT

5.08 Terdapat tiga (3) sektor di bawah portfolio ini iaitu:

- Sektor Pelajaran
- Sektor Pengajian Tinggi
- Sektor Sains & Teknologi dan ICT
- Sektor Sumber Manusia

Sektor Pelajaran

5.09 Sektor Pelajaran memainkan peranan penting dalam merangka strategi dan program untuk pelajar-pelajar di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Antara matlamat sektor ini ialah:

- **Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuhkan Bahasa Inggeris**

5.10 Kerajaan Negeri mempunyai tumpuan utama untuk menjayakan agenda memertabatkan Bahasa Melayu memperkukuhkan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah. Agenda ini akan dijayakan melalui aktiviti Program 'Confratute', 'English Teaching Asssistant (ETA) dan kursus/latihan Bahasa Inggeris bagi memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Manakala bagi memartabatkan Bahasa Melayu program peningkatan kemahiran berbahasa Melayu di kalangan guru/pelajar akan dilaksanakan melalui kursus/latihan Bahasa Melayu secara berterusan.

- **Memperkasakan Bahasa Arab dan Meningkatkan Penghayatan Al-Quran**

- 5.11 Nilai pegangan agama perlu diperkuatkan semasa kanak-kanak masih kecil lagi. Tumpuan diberikan kepada Kanak-kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu, Tadika Kemas dan program Pra-Sekolah JPNT untuk menjadi pemangkin utama dalam menghasilkan generasi al-Quran yang bukan sahaja mahir untuk membaca al-Quran dengan fasih tetapi juga akan berjaya menyahut agenda menambah bilangan hafiz dan hafizah dikalangan umat Islam di Negeri Terengganu Darul Iman.
- 5.12 Kerajaan Negeri memberi perhatian dalam menghasilkan guru/pelajar yang berkemahiran tinggi dalam Bahasa Arab melalui program P & P Bahasa Arab disamping menyediakan makmal-makmal Bahasa Arab yang lengkap dengan kemudahan terkini untuk kegunaan guru/pelajar. Bagi memastikan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyediakan kemudahan P & P Bahasa Arab, guru-guru yang fasih berbahasa Arab dari Timur Tengah akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah Terengganu.

- **Mempertingkatkan Pencapaian dan Prestasi Peperiksaan Awam**

- 5.13 Peningkatan prestasi peperiksaan awam Negeri Terengganu akan disokong melalui strategi 201052 bagi memastikan peningkatan pencapaian peperiksaan awam di peringkat UPSR, PMR, SPM dan STPM akan sentiasa bertambah baik dari tahun ke tahun. Dalam masa yang sama adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri dalam memastikan semua pelajar dalam kategori lemah di semua peringkat persekolahan berupaya mencapai minimum gred C dalam semua matapelajaran. Ke arah mencapai matlamat ini, maka Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pendidikan Terengganu Terbilang Negeri Anjung Ilmu (PPTTNAI).

- **Mewujudkan Sekolah Berkualiti Tinggi**

- 5.14 Sasaran utama matlamat ini adalah untuk menambah bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi dikalangan sekolah elit, premier dan Imtiaz. Dalam mencapai matlamat ini, strategi meningkatkan kemudahan prasarana, P & P serta profesionalisme guru akan diberi keutamaan. Oleh itu JPNT, JHEAT dan YT akan berperanan secara aktif dan berkesan melalui program pembangunan sekolah elit, premier dan Imtiaz.

- **Membangunkan Sukan dan Kokurikulum**

5.15 Penghasilan utama matlamat ini adalah untuk menubuhkan sekolah sukan yang lengkap dengan kemudahan dalam menghasilkan atlet dikalangan pelajar-pelajar negeri Terengganu yang bertaraf kebangsaan dan dunia. Hasrat ini akan dicapai melalui penubuhan Sekolah Sukan Bukit Nenas dan Sekolah Sukan Gong Badak.

- **Mengangkasarayakan 'ICT'**

5.16 Teras utama matlamat ini adalah berlandaskan program e-Book, TB Kids dan 'Virtual Classroom' dalam pendidikan, di mana aplikasi terkini akan digunapakai dalam melaksanakan program-program pendidikan Negeri Terengganu. Bagi mencapai hasrat penggunaan aplikasi terkini, Kerajaan Negeri akan sentiasa proaktif terhadap perkembangan aplikasi pendidikan terkini melalui lawatan-lawatan akademik serta penglibatan dalam konvensyen ICT di luar Negara seperti ASTC atau ASPAC. Hasrat utama matlamat ini adalah untuk memaksimumkan penggunaan ICT dalam pendidikan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan Negeri Terengganu melalui penghasilan pelajar yang berdaya saing, inovatif dan kreatif.

- **Menubuhkan Sekolah Imtiaz International**

5.17 Dalam memastikan merakyatkan pembangunan pendidikan dan sumber manusia seluruh lapisan masyarakat di Negeri Terengganu dan Malaysia amnya, satu cadangan penubuhan Imtiaz International School akan diwujudkan. Penubuhan sekolah tersebut dapat merealisasikan hasrat kerajaan dalam membentuk golongan professional dikalangan pelajar. Ianya menyokong hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat pendidikan yang terulung dan bertaraf antarabangsa.

- **Memantapkan Penguasaan Pendidikan Pra Sekolah**

5.18 Untuk mempertingkatkan penguasaan pelajaran dan kemahiran asas dikalangan pelajar pra sekolah, Kerajaan Negeri Terengganu akan memberi penekanan penguasaan kemahiran asas awal pendidikan kepada pelajar dari peringkat pra sekolah lagi. Kerajaan Negeri berharap pelajar pra sekolah di Terengganu dapat menguasai sepenuhnya liberasi & numerasi sebelum mereka memasuki alam persekolohan nanti.

Sektor Pengajian Tinggi

5.19 Di dalam Sektor Pengajian Tinggi, usaha-usaha banyak ditumpukan kepada pembangunan pendidikan di institusi pengajian tinggi dengan harapan dapat melahirkan generasi yang berilmu dalam pelbagai bidang. Oleh itu matlamat sektor ini adalah ke arah meningkatkan prestasi pelajar di peringkat pengajian tinggi seperti berikut:

- **Matlamat Menjadikan Negeri Terengganu Sebagai Negeri Anjung Ilmu**

5.20 Matlamat menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri Anjung Ilmu dapat dicapai dengan pertambahan bilangan universiti di negeri ini. Kewujudan Taman Ilmu dan penubuhan kampus cawangan oleh universiti dalam dan luar negara akan memberi lebih banyak peluang kepada penduduk Terengganu melanjutkan pelajaran di peringkat tertiar. Ini juga akan meletakkan Negeri Terengganu didalam peta dunia sebagai lokasi penting pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa. Sebagai impaknya, kualiti pendidikan negeri akan meningkat. Sekaligus dapat merealisasikan konsep 1 Rumah 1 Graduan.

- **Mendokong Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi**

5.21 Bagi mencapai matlamat Mendokong Pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi, strategi yang digunakan termasuklah penerangan kepada semua agensi yang terlibat tentang matlamat pelan strategik negeri berpandukan plan strategik Negara, di samping membuat pemantauan pelan tindakan oleh pihak berwajib dari semasa ke semasa. Manakala pelan jangka pendek yang perlu dilaksanakan ialah dengan mengadakan bengkel mengenai plan strategik negeri serta mengenalpasti agensi-agensi yang terlibat.

- **Peluang Melanjutkan Pelajaran Ke Peringkat Lebih Tinggi**

5.22 Bagi merealisasikan matlamat di atas, kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama IPT di dalam & luar negara serta mempelawa dan membuka peluang IPT dalam dan luar negara untuk membuka cawangan di Terengganu. Kerajaan akan melaksanakan pelan jangka pendek iaitu dengan memperbanyakkan perbincangan dan lawatan, serta menghantar lebih ramai pelajar di bidang perubatan, pergigian, Nanoteknologi, kejuruteraan dan automotif (150 pelajar setahun). Selain itu juga, kerajaan akan mengenalpasti bilangan pelajar-pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian.

- **Memperkasakan Masyarakat IPT**

5.23 Matlamat seterusnya ialah Memperkasakan Masyarakat IPT. Kerajaan akan melantik wakil-wakil IPT dalam jawatankuasa (*comitee*) kerajaan negeri yang berkaitan serta memperbanyakkan *intership* program. Program-program kemahiran (*skill education*) serta penubuhkan persatuan PERMATA di semua universiti adalah penting dalam menjayakan matlamat ini. Selain itu juga, Kerajaan Negeri akan mengenalpasti & melantik ahli akademik mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. Ianya turut juga melibatkan pelajar-pelajar yang dikenalpasti berpotensi dan berkemahiran dalam industri yang berkaitan.

- **Galakan Kepada Pelajar Cemerlang**

5.24 Kerajaan turut memberi galakan kepada pelajar cemerlang dengan menyediakan tempat di universiti-universiti yang terkemuka di dunia. Galakan insentif pengecualian pinjaman, anugerah kecemerlangan, mengadakan program-program mentor mentee, dan mengenalpasti universiti-universiti tersohor akan dilaksanakan bagi memenuhi matlamat ini.

Sektor Sains & Teknologi dan ICT

5.25 Sektor Sains & Teknologi dan ICT memberi penumpuan kepada program meningkatkan daya saing dalam bidang teknologi maklumat dan teknologi-teknologi lain yang penting dalam kehidupan. Kemahiran yang tinggi diperlukan untuk menguasai teknologi ini. Oleh yang demikian, matlamat sektor ini menekankan kepentingan sains dan teknologi untuk semua golongan antaranya:

- **Meningkatkan Kesedaran Sains dan Teknologi Dalam Kehidupan Masyarakat**

5.26 Strategi utama sektor ini adalah memberi pendedahan maklumat mengenai sains dan teknologi kepada semua golongan termasuk individu dan masyarakat tanpa mengira batas usia. Penyediaan maklumat secara digital menggunakan pengaplikasian teknologi terkini seperti penggunaan *smartboard*, eBook, pengisian TB Kids dan lain-lain lagi.

- **Meningkatkan Penghayatan Sains dan Teknologi Dalam Kehidupan Masyarakat**

5.27 Untuk meningkatkan penghayatan Sains dan Teknologi dalam kehidupan masyarakat, kerajaan akan mengadakan 'inreach' dan 'outreach' program berkaitan sains dan teknologi iaitu dengan menyediakan kemudahan dan suasana kondusif serta membekalkan produk yang berinteraktif.

- **Meningkatkan Pengaplikasian Sains dan Teknologi Dalam Kehidupan Masyarakat**

5.28 Dalam meningkatkan pengaplikasian sains dan teknologi dalam kehidupan masyarakat, strategi yang digunakan adalah mengadakan hubungan kerjasama dengan jabatan dan agensi yang berkaitan, menyediakan alatan sokongan yang secukupnya, memperkukuhkan penguasaan sains dan teknologi di kalangan kakitangan, serta menghubungkan peranan sains dan teknologi dalam kehidupan.

- **Memastikan Dasar dan Maklumat Kerajaan Dapat Disalurkan Kepada Masyarakat Dengan Cepat dan Tepat**

5.30 Bagi memastikan dasar dan maklumat kerajaan dapat disalurkan kepada masyarakat dengan cepat dan tepat dengan mewujudkan komunikasi dua hala di antara masyarakat dan kerajaan. Di samping itu juga, ianya memberi peluang kepada masyarakat untuk membuat aduan, memberi pandangan secara terus kepada pihak kerajaan.

Sektor Sumber Manusia

5.31 Mengutamakan modal insan yang lengkap dengan ilmu dan kemahiran menjadi matlamat sektor ini. Sektor ini memfokuskan matlamat seperti:

- **Memperkasakan Modal Insan Dengan Tambah Nilai Pengetahuan Kemahiran Dan Teknikal Ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Rakyat**

5.32 Matlamat pembangunan pendidikan dan sumber manusia memainkan peranan yang merangkumi proses penyampaian, pembelajaran dan perkembangan ilmu di semua peringkat dan secara berterusan akan diperkukuhkan dengan menyediakan peluang latihan yang cukup dan pada tahap yang lebih tinggi dan mewujudkan peluang latihan kepada golongan khas (*latent workforce*).

- 5.33 Susulan untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan bantuan berbentuk dana, latihan, *smartpartnership* dan lain-lain yang memberi penekanan kepada peningkatan akademik dan kemahiran sumber manusia. Selain daripada itu, pendidikan dan kemahiran yang berterusan mampu menambahkan penawaran tenaga kerja yang berkualiti dan profesional dan ini akan diselarikan dengan menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat.
- 5.34 Matlamat dan strategi yang akan dilaksanakan adalah mencari rangkaian industri yang mempunyai potensi untuk melahirkan tenaga kerja professional, berkualiti dan berkemahiran dapat direalisasikan. Di samping itu juga, memperkenalkan modul latihan asas kemahiran kepada pelajar sekolah peringkat rendah dan menengah. Pendedahan awal dapat memberi manfaat dan kesedaran mengenai kepentingan memperkasakan modal insan dengan menambahkan nilai pengetahuan dari sudut kemahiran dan teknikal.
- 5.35 Strategi yang akan dimanfaatkan adalah dengan menggubal semula kursus latihan dengan memasukkan elemen modal insan, jati diri dan perubahan minda agar membentuk modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang serta berdedikasi & berkaliber dalam menjana bidang keusahawanan dan industri.

III. PROGRAM/PROJEK

Program Pintar Al-Quran

- 5.36 Kerajaan Negeri memberi penumpuan dalam bidang pendidikan dan pelajaran bermula dari peringkat tadika, serendah-rendah tahap pendidikan di Malaysia. Anak-anak ini diberi pendidikan terbaik seiring dengan nama Terengganu Darul Iman, pelbagai program tadika dan taska diperkenalkan dalam membina modal insan yang berilmu tidak hanya ilmu dunia, tetapi ilmu akhirat juga.
- 5.37 Program Pintar Al-Quran yang bermula pada tahun 2006 telah berjaya melahirkan pelajar tadika yang khatam Al-Quran 30 juzu' seramai 937 orang diperintis oleh Tadika Yayasan Islam Terengganu. Peningkatan jumlah kanak-kanak yang berjaya khatam Al-Quran sebanyak 30 juzu' dari tahun ke tahun adalah amat memberangsangkan.



- 5.38 Kini program Pintar Al-Quran telah berjaya menjadi perintis di Terengganu kini diikuti oleh negeri-negeri lain. Inilah yang dinamakan **Mendahului Perubahan** ilmu dan teknologi.

Program Confratute

- 5.39 Dalam mempertingkatkan kemahiran guru-guru Terengganu, sebahagian guru terpilih telah dihantar ke USA untuk mempertingkatkan ilmu dalam pendidikan dan pelajaran untuk membawa satu perubahan positif dalam bidang pendidikan dan pelajaran dalam kursus *Confratute*.
- 5.40 Kini seramai 72 orang guru telah berjaya mengikuti kursus ini dan telah mengaplikasikan program *Schoolwide Enrichment Module (SEM)* di sekolah Elit, Premier dan Imtiaz. Bagi memperkembangkan lagi pelaksanaan aktiviti SEM sebagaimana yang diamalkan di semua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kerajaan Negeri mengambil langkah memperkenalkan konsep *master trainer* di dalam program ini setelah empat tahun menghantar guru-guru ke University Of Connecticut untuk mendalami ilmu methodology pendidikan.



- 5.41 Guru-guru yang telah menghadiri kursus dihantar sekali lagi untuk dijadikan master trainer dan seterusnya bertanggungjawab membimbing kesemua guru di sekolah masing-masing dalam mengaplikasikan methodologi pendidikan Confratute ke dalam sistem pengajaran dan pembelajaran seharian.
- 5.42 *Schoolwide Enrichment Module (SEM)* adalah satu program pengayaan untuk memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan minat, pengetahuan dan idea kreatif dalam bidang kajian yang diminati yang dimestikan pelaksanaannya di semua sekolah Elit, Premier dan Imtiaz, selain dari kaedah pengajaran yang baru, tidak terikat dengan kaedah pengajaran yang konservatif. Aktiviti SEM akan dilaksanakan di peringkat setiap sekolah yang menyertai program ini dan kemuncaknya adalah di peringkat negeri.

Program e-Book

- 5.43 Usaha Kerajaan Negeri memperkenalkan e-Book dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dan menengah adalah kerana menuntut perubahan ilmu dan teknologi.
- 5.44 e-Book adalah satu program jangka masa panjang dalam membina modal insan yang berkualiti dan berkebolehan seiring dengan kehendak suasana sekarang, celik IT, berpengetahuan dalam bidang komputer kerana bidang ini bukan lagi satu kehendak, tetapi adalah satu keperluan. Usaha ini tidak dapat dilihat kesannya dengan drastik kerana inilah cabaran membangunkan modal insan.



- 5.45 Tujuan untuk merapatkan jurang digital di kalangan pelajar kurang berkemampuan dan mendedahkan mereka dengan perkembangan ICT mendapat respon positif hasil kajian yang telah dijalankan oleh beberapa pihak antaranya Universiti Malaysia Terengganu dan *Intel International*.
- 5.46 Kerajaan Negeri untuk melihat setiap pelajar sekolah rendah Terengganu yang memasuki tahun 4 akan dibekalkan dengan e-Book dan pelajar yang telah tamat pengajian di sekolah rendah akan membawa e-Book ke peringkat sekolah menengah. Langkah ini adalah untuk memastikan kesemua pelajar Terengganu yang tamat pengajian sekolah rendah mempunyai pengetahuan asas ICT.
- 5.47 Perisian yang terkandung di dalam eBook seperti buku teks, e-kamus, Asas Fardu Ain, JQAF, T-Score dan Virtual Class merupakan pengisian permulaan bagi eBook. Usaha sedang dijalankan agar perisian eBook lebih kompetatif dan berkesan dalam membantu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk melihat penggunaan eBook bukan hanya sebagai alat bantuan mengajar di sekolah, tetapi sebagai medium di peringkat komuniti dan masyarakat setempat untuk membentuk satu masyarakat yang berilmu dan elit.
- 5.48 Pengenalan program '*Virtual Classroom*' akan dilaksanakan di beberapa buah sekolah sebagai projek perintis. Pelaksanaan '*Virtual Classroom*' adalah satu kaedah pengaplikasian ICT maksimum dan penyelesaian masalah e-Book menyeluruh dalam penggunaan e-Book. Tiada lagi alasan tidak menggunakan e-Book dalam sistem pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Program Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz

- 5.49 Program Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz akan terus diperkasakan dengan perancangan penaiktarafan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) atau Sekolah Agama Kerajaan Negeri sebagai sekolah Elit dan Premier. Usaha ini bagi memastikan SABK di bawah Kerajaan Negeri mendapat perhatian dan tumpuan yang sama dengan sekolah Elit dan Premier yang lain.
- 5.50 Selain itu, perancangan sekolah Imtiaz untuk dibina di setiap daerah. Pada masa ini terdapat 4 buah Imtiaz iaitu Imtiaz Dungun, Imtiaz Kuala Terengganu, Imtiaz Besut dan Imtiaz Hulu Terengganu. Manakala 2 buah lagi Imtiaz Kemaman dan Imtiaz Marang akan dibina dalam HPNT 2009-2013.



- 5.51 Kerajaan Negeri juga berhasrat menguruskan Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Kesemua sekolah-sekolah ini berkeupayaan untuk menjadi kalangan sekolah terbaru bukan sahaja di peringkat negeri malah di peringkat kebangsaan jua.

Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT).

- 5.52 Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT) adalah satu program untuk memastikan kecemerlangan peperiksaan awam UPSR, PMR, SPM dan STPM dapat diteruskan.

- 5.53 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM12 juta bagi tahun 2011 bagi tujuan kecemerlangan peperiksaan awam dengan tema 201052 iaitu 20% *straight A* untuk UPSR, 10% *straight A* untuk PMR, 5% *straight A* untuk SPM dan 2% *straight A* untuk STPM.
- 5.54 Keunggulan Terengganu dalam peperiksaan awam terbukti apabila mendapat tempat pertama SEPULUH TAHUN BERTURUT-TURUT dalam UPSR, tiga tahun berturut-turut mendapat tempat pertama dalam PMR dan diharap Terengganu dapat meneruskan keunggulan dalam peperiksaan SPM bagi tahun kedua berturut-turut.



- 5.55 Selain daripada kecemerlangan akademik, Kerajaan Negeri juga tidak melupakan pelajar yang tercicir dalam pelajaran dan pelajar berisiko tinggi. Seramai 3,000 orang pelajar seluruh Terengganu yang berisiko gagal dalam peperiksaan diberi pendedahan awal tentang aliran teknikal dan kemahiran secara '*hands on*' dengan kerjasama institusi-institusi teknikal di Terengganu. Mereka diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran sesudah tamat pengajian sekolah menengah dengan syarat kelulusan yang dipertimbangkan. Ini adalah langkah proaktif yang diambil agar tiada lagi pelajar Terengganu lepasan SPM gagal melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi.
- 5.56 Program yang memberi penumpuan kepada kemerlangan dan tidak melupakan kepada pelajar yang berisiko gagal dalam peperiksaan merupakan pencapaian yang membanggakan bagi Kerajaan Negeri kerana dapat mengimbangi kedua-dua aspek dalam bidang pendidikan dan pelajaran Terengganu.

Pegawai Teknologi Maklumat (EIO) dan Pegawai Pembantu Teknikal (TSO)

- 5.57 Pewujudan Pegawai Teknologi Maklumat (EIO) dan Pegawai Pembantu Teknikal (TSO) yang ditempatkan di semua sekolah rendah Terengganu ketika ini, sebanyak 360 orang untuk tujuan penyenggaraan e-Book telah membuka peluang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu yang mempunyai kemahiran dan kelulusan dalam bidang ICT. Sebanyak RM10 juta diperuntukkan bagi tahun 2011 dan program ini akan dilanjutkan ke peringkat sekolah menengah sebanyak 136 buah sekolah seiring dengan kemasukan e-Book ke sekolah menengah.

Penajaan Pelajar Melalui Yayasan Terengganu

- 5.58 Kerajaan Negeri menyediakan peruntukkan bagi tujuan penghantaran pelajar cemerlang ke luar negara melalui Yayasan Terengganu. Penajaan pelajar akan dibuat secara berterusan bagi membolehkan pelajar cemerlang Terengganu melanjutkan pelajaran ke Mesir, Jordan, Rusia, Morocco dan United Kingdom dalam bidang perubatan, pergigian, pengajian islam, dan lain-lain.
- 5.59 Selain menaja pelajar menyambung pelajaran ke luar negara, melalui Yayasan Terengganu, Kerajaan Negeri turut menaja pelajar ke universiti dalam negara baik ke IPTA ataupun IPTS. Pada tahun 2010 sebanyak RM 5,049,760.00 telah dibelanjakan bagi 1012 pelajar menyambung pelajaran di IPTA, RM 6,909,280.00 diperuntukkan bagi 391 pelajar di IPTS dan RM 3,650,280.00 dibelanjakan bagi 406 pelajar di Pusat Latihan Kemahiran (MLVK) menjadikan jumlah perbelajaan keseluruhan adalah sebanyak RM 15,609,420.00. Bagi tahun 2011, sebanyak RM 39 juta diperuntukkan bagi tujuan yang sama.
- 5.60 Penajaan pelajar Terengganu ke luar negara dalam terutamanya dalam bidang perubatan bukan satu penghantaran yang tiada tujuan. Tujuan murni Kerajaan Negeri adalah untuk melihat pada satu hari nanti, pesakit wanita dirawat oleh doktor wanita dan pesakit lelaki dirawat oleh doktor lelaki. Di sini, Kerajaan Negeri berjaya menunaikan tanggungjawab fardu kifayah kepada rakyat Terengganu yang **Dituntut** oleh Islam.

Bantuan Persediaan Menyambung Pelajaran

- 5.61 Kerajaan Negeri juga membantu dalam meringankan beban rakyat dengan memberi bantuan persediaan menyambung pelajaran. Pada tahun 2010, sebanyak RM21.5 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut dengan RM500.00 untuk menyambung pelajaran ke Sekolah Bantuan Penuh, RM500.00 untuk persijilan, RM 500.00 untuk matrikulasi, RM 750.00 untuk ke diploma dan RM 1000.00 untuk ijazah.


Jumlah ini untuk menampung seramai 23,533 pelajar Terengganu. Pada tahun 2011 sebanyak RM 22 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut.

Anugerah Kecemerlangan Pelajar

- 5.62 Pencapaian pelajar yang memberangsangkan dalam peperiksaan awam amatlah dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010, sebanyak RM 939,160.00 telah dibelanjakan bagi memberi penghargaan di atas kecemerlangan pelajar Terengganu seramai 6,639 orang dalam peperiksaan awam. Bagi tahun 2011 sebanyak RM 1.6 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Program penghargaan ini akan diteruskan lagi bagi merangsang lebih ramai pelajar cemerlang di peringkat negeri.

Pembangunan Taman Ilmu

- 5.63 Taman Ilmu adalah projek mega Kerajaan Negeri dalam usaha memartabatkan bidang pendidikan ke peringkat antarabangsa yang bernilai RM400 juta. Pembangunan infrastruktur asas yang dijangka siap sepenuhnya bulan Jun 2011 yang melibatkan beberapa universiti tempatan dan antarabangsa dilihat dapat menjadikan Terengganu sebagai hub pendidikan terbaik di peringkat negara mahupun antarabangsa.



5.64 Taman Ilmu yang berkonsepkan *edutourism* yang melibatkan penubuhan beberapa universiti berlainan di satu kawasan yang sama. Ini dapat memberi nafas baru kepada bidang pendidikan selain memberi impak besar kepada rakyat sekeliling dengan pembangunan bandar baru dan ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup penduduk setempat.

English Teaching Assistant (ETA)

5.65 ETA adalah satu program kerjasama dengan *Malaysian American Commission on Education Exchange*. pada tahun seramai 14 orang '*Fullbright Scholars*' dari Amerika Syarikat telah ditempatkan di 14 buah sekolah menengah terpilih seluruh Terengganu. Penempatan seramai 16 orang '*Fullbright Scholars*' di 16 buah sekolah menengah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar Terengganu untuk membina keyakinan diri dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan efektif dan berkesan.



5.66 Program ini telah mendapat perhatian pihak Kerajaan Persekutuan dengan pelaksanaan program yang sama akan diperkenalkan kepada sekolah-sekolah kementerian yang lain di luar Terengganu.

PENUTUP

- 5.69 Jika diteliti kembali, perancangan dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri meliputi semua aspek dalam bidang pendidikan dan pelajaran. Bermula dengan pendidikan kanak-kanak tadika yang berjaya khatam Al-Quran 30 juzu', program kecemerlangan pendidikan yang merangkumi ICT dan teknologi, iaitu program eBook, Program Pendidikan Terengganu Terbilang (PPTT), dan pembangunan sekolah berkualiti tinggi seperti Sekolah Elit, Premier dan Imtiaz.
- 5.70 Tidak ketinggalan penajaan pelajar yang akan melanjutkan pelajar ke menara gading dalam bidang perubahan, kejuruteraan dan sebagainya. Kerajaan Negeri juga memberi peluang kepada guru-guru menerima impak dan kesan pemerintahan dengan penghantaran guru-guru mempertingkatkan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran sehingga ke Australia dan pelbagai lagi. Kerajaan berharap dengan adanya program seperti ini, hasrat Kerajaan untuk memperkasakan budaya pendidikan dan meningkatkan modal insan di negeri ini akan tercapai.

BAB 6
KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN
WANITA

I. PENDAHULUAN

- 6.01 Kebajikan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita akan menjadi teras ke arah proses pembangunan sosial di negeri Terengganu, di mana program Pembangunan Masyarakat akan menjadi penyokong serta pelengkap kepada pembangunan sosial di negeri Terengganu. Halatuju dan fokus Kebajikan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita adalah kearah melahirkan modal insan yang cemerlang dan seimbang bagi memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi.
- 6.02 Pembangunan masyarakat yang merangkumi kumpulan masyarakat bermula dari awal kelahiran sehingga akhir hayat manusia. Kelompok masyarakat yang pelbagai ragam dan isu amatlah sukar jika tidak mempunyai fokus khusus sasaran yang hendak di capai.
- 6.03 Penekanan kepada usaha-usaha pembasmian kemiskinan dengan menumpukan kepada aspek pembangunan sahsiah diri dan keluarga untuk membentuk masyarakat yang cemerlang adalah diutamakan.

II. MATLAMAT

- 6.04 Matlamat utama pembangunan masyarakat adalah selari dengan Visi ke arah melahirkan masyarakat seimbang dan cemerlang memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi dengan Misi membasmi kemiskinan dan gejala sosial melalui peningkatan kualiti hidup dan pembangunan insan yang menyeluruh menjelang 2013.
- 6.05 Bagi mencapai Visi dan Misi ini beberapa strategi telah diambil untuk memperkasa individu, institusi keluarga dan komuniti setempat melalui program perubahan minda dan kerohanian.

III. STRATEGI

- 6.06 Hala cara program dan aktiviti telah di fokuskan kepada empat teras utama yang akan menjadi fokus portfolio bagi mencapai strategi yang di rangka seperti berikut;

- Membasmi kemiskinan
- Mengurangkan gejala sosial
- Meningkatkan kualiti keluarga
- Pembangunan masyarakat menyeluruh

IV. PROGRAM / PROJEK

Pembasmian Kemiskinan

- 6.07 Program Bantuan Rumah (PBR) adalah bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang selamat untuk didiami serta sempurna dan lengkap dengan kemudahan asas bekalan air, elektrik dan tandas. Terdapat tiga bentuk PBR iaitu Bina Baru, Baik Pulih dan Menukar Bumbung Rumah yang Uzur / Rosak.
- 6.08 Dalam Program Bina Baru, bantuan akan diberi untuk membina baru rumah sekiranya rumah yang sedang didiami begitu usang dan dhaif dan jika dibaikpulih memerlukan peruntukan yang banyak serta tidak praktikal. Kos baru pembinaan rumah yang dicadangkan ialah RM33,000.00 oleh UPEN;



- 6.09 Dalam Program Baik Pulih, bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk bahan-bahan binaan untuk memperbaiki bahagian-bahagian rumah yang rosak dan tidak selamat diduduki.

Bahagian-bahagian rumah yang boleh dibaiki adalah seperti lantai, gelegar, dinding, bumbung, tiang rusuk, palang, kuda-kuda, bahagian dapur dan sebagainya yang merupakan komponen asas daripada rumah tersebut. Ia tidak termasuk bahagian luar rumah seperti pagar, longkang dan lain-lain lagi.



- 6.10 Dalam Program Menukar Bumbung Rumah yang Uzur / Rosak, bantuan hanya diberikan untuk bahan-bahan gantian bagi mengganti bahagian/komponen asas di atas sahaja dan bukan untuk tujuan menambah atau membesarkan rumah yang sedia ada. Kos maksima yang dicadangkan untuk membaikpulih rumah ialah RM11,000.00 sebuah. Bantuan diberi kepada rumah golongan miskin yang uzur dan bocor. Bantuan diberi dalam bentuk atap, kos gantian / tambahan kerangka dan kos upah kerja-kerja berkaitan.



Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

- 6.11 Dalam usaha-usaha pengurangan kemiskinan, tingkat pendapatan yang rendah serta kurang mobilisasi tenaga kerja adalah dianggap sebagai salah satu elemen yang menyumbang kepada masalah kemiskinan di negara ini. Sehubungan dengan itu, kepentingan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dijadikan sebagai tunjang utama terhadap kejayaan program berkenaan.
- 6.12 Program Peningkatan Pendapatan boleh direalisasikan dengan cara sebagaimana berikut:-
- Mengeluarkan golongan miskin dari belunggu kemiskinan dan membawa mereka menyertai arus pembangunan melalui penyertaan yang berkesan dari projek-projek yang dijalankan;
 - Menyumbangkan kepada kegiatan-kegiatan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berjaya;
 - Mengurangkan mentaliti subsidi dan meningkatkan keupayaan di kalangan kumpulan sasar untuk membantu diri sendiri; dan
 - Melatih golongan miskin menguruskan sumber dengan efisien.
 - Mempertingkatkan dan memperkukuhkan taraf ekonomi golongan miskin melalui projek-projek ekonomi yang berdaya maju dan berpotensi untuk berkembang;
 - Memantapkan pakej ekonomi bagi kawasan-kawasan penempatan semula Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS);
 - Mewujudkan dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan utama dan sampingan;
 - Mengada dan menambahkan kegiatan-kegiatan ekonomi di pelbagai bidang supaya asas ekonomi kampung adalah lebih 'broad-based';
 - Mengembang dan memperkayakan ilmu pengetahuan dan kemahiran golongan miskin supaya berupaya mengusahakan projek-projek ekonomi secara berkesan;

- Mengeluarkan golongan miskin dari belenggu kemiskinan dan membawa mereka menyertai arus pembangunan melalui penyertaan yang berkesan dari projek-projek yang dijalankan;
- Menyumbangkan kepada kegiatan-kegiatan untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berjaya;
- Mengurangkan mentaliti subsidi dan meningkatkan keupayaan di kalangan kumpulan sasar untuk membantu diri sendiri; dan
- Melatih golongan miskin menguruskan sumber dengan efisien.
- Mempertingkat dan memperkukuhkan taraf ekonomi golongan miskin melalui projek-projek ekonomi yang berdaya maju dan berpotensi untuk berkembang;
- Memantapkan pakej ekonomi bagi kawasan-kawasan penempatan semula Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS);
- Mewujud dan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan utama dan sampingan;
- Mengada dan menambahkan kegiatan-kegiatan ekonomi di pelbagai bidang supaya asas ekonomi kampung adalah lebih 'broad-based';
- Mengembang dan memperkayakan ilmu pengetahuan dan kemahiran golongan miskin supaya berupaya mengusahakan projek-projek ekonomi secara berkesan;

Program Latihan Kemahiran & Kerjaya (PLKK)

6.13 Tumpuan utama program diberikan kepada Ahli Isi Rumah (AIR) yang masih dalam persekolahan dan lepasan sekolah supaya mereka bersedia untuk mengharungi cabaran hidup dengan lebih yakin dan bukan bakal pewaris kemiskinan keluarga. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) ini bertujuan untuk :

- Meningkatkan tahap pendidikan ahli isirumah yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup kumpulan sasar;

- Memberikan peluang kepada kumpulan sasar terutama ahli-ahli isirumah yang bakal menghadapi peperiksaan untuk berjaya dalam bidang pendidikan;
- Memberikan bimbingan serta kemahiran kepada kumpulan sasar agar kemahiran yang dipelajari dapat membantu kumpulan sasar keluar dari belenggu kemiskinan;
- Sebagai persediaan kepada AIR yang akan meninggalkan alam persekolahan dan yang akan menghadapi alam pekerjaan.

Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)

- 6.14 Memberi Motivasi dan Ubah sikap kepada ketua keluarga miskin dan ahli isi rumah seterusnya membantu kerajaan untuk mengurangkan gejala kemiskinan dikalangan keluarga miskin disamping meningkatkan keupayaan diri keluarga miskin untuk mampu berdikari serta berdaya tahan seterusnya dapat mewujudkan masyarakat yang cemerlang dalam bidang yang diceburi bagi membolehkan mereka keluar dari belenggu kemiskinan.

Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)

- 6.15 Program ini melibatkan pembangunan secara bersepadu dan keseluruhan keluarga-keluarga termiskin samada memerlukan mereka ini ditempatkan semula di kawasan-kawasan baru ataupun pembangunan di kawasan-kawasan sedia ada (in-situ). PPMS adalah satu kaedah multi-dimensional di mana kemudahan-kemudahan asas, projek-projek ekonomi yang berdaya maju di bidang pertanian dan bukan pertanian serta komponen pembangunan manusia dan institusi disediakan secara sepadu sebagai satu gandingan usaha untuk membawa kejayaan menyeluruh dan bersinambungan di kawasan-kawasan yang dimajukan.

Program Latihan Anak Keluarga

- 6.16 Program ini memfokuskan kepada anak-anak daripada keluarga miskin supaya kemiskinan ahli keluarga tidak diwarisi. Beberapa program latihan melibatkan pelbagai sektor seperti keusahawanan, latihan kemahiran, latihan dibengkel dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan kualiti hidup keluarga dan seterusnya kemiskinan ibu bapa mereka tidak diwarisi oleh anak-anak.

Mengurangkan Gejala Sosial

- 6.17 Program Taklif ialah program yang dirangka untuk anak-anak remaja yang bakal memasuki alam dewasa. Secara umumnya kebanyakan anak-anak mengetahui tanda samada dia sudah baligh atau belum baligh, tetapi berapa ramai dikalangan mereka yang tahu apakah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh mereka. Ada dikalangan ibubapa mengambil sikap mudah dalam menerangkan keperluan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh anak-anak mereka secara tidak formal dan berangapan perkara ini suatu kebiasaan.
- 6.18 Melalui program ini “ penyerahan tanggungjawab / taklif” ini dibuat secara formal dan lebih menimbulkan rasa sikap keperihatinan dalam melaksanakan penyerahan ini di antara ibubapa dan anak-anak mereka. Melalui program Taklif ini, ia mampu melahirkan sikap kematangan dikalangan anak-anak yang baru baligh dengan sikap kepimpinan, bertanggungjawab, amanah, pewaris pembentukan generasi atau keturunan yang baik dan sebagainya.



- 6.19 Program Ingat Sebelum Terkena adalah program pengukuhan jati diri dalam menangani gejala sosial dikalangan remaja wanita dan gaya hidup sihat sepanjang masa. Program disasarkan kepada semua pelajar wanita seluruh sekolah menengah di Terengganu . Program ini bertujuan memberi kesedaran tentang isu-isu sosial dikalangan remaja wanita dengan memberi kefahaman tentang implikasi salah laku mereka kepada masa depan diri, keluarga dan masyarakat.

- 6.20 Gejala sosial dikalangan remaja kian meningkat dan amat membimbangkan justeru itu, program Ingat Sebelum Terkena amat sesuai dan menepati hasrat kerajaan dalam mengurangkan gejala sosial dikalangan remaja dengan memfokuskan kepada semua pelajar wanita yang akan menjadi sasaran.



- 6.21 Pasa masa kini, masih ramai belia yang terkapai-kapai dalam mencari halatuju dan matlamat hidup. Mereka mempunyai potensi diri yang cemerlang dan hanya perlu digilap dengan ilmu dan kemahiran yang terbaik untuk bersaing dalam arus kemodenan dan globalisasi. Saya Anak Terengganu adalah program kecemerlangan bagi meningkatkan Potensi Diri ke arah membentuk budaya cemerlang anak-anak Terengganu melalui penghayatan nilai-nilai murni dan jati diri.



Meningkatkan Kualiti Keluarga

- 6.22 Program pasca perkahwinan (second honeymoon) adalah program untuk merapatkan pasangan suami isteri yang telah lama berumahtangga. Statistik perkahwinan Negeri Terengganu bagi tahun 2004 sehingga pertengahan tahun 2008 menunjukkan sejumlah 33,533 pasangan berkahwin telah didaftarkan. Sebanyak 5,365 jumlah pasangan pula telah bercerai. Walaupun dilihat berlaku pertambahan dari segi kesedaran pasangan untuk berkahwin, peratusan perceraian juga dikenalpasti bertambah dari tahun ke tahun. Situasi ini mewujudkan satu keadaan yang kurang baik di mana kesan pertambahan kadar perceraian telah menimbulkan banyak permasalahan sosial dikalangan masyarakat seperti isu kemiskinan, pendidikan, gejala sosial dan gangguan emosi anak-anak.
- 6.23 Perceraian dalam jangkamasa 1-5 tahun usia perkahwinan paling banyak berlaku. Beberapa faktor perceraian yang dapat dikenalpasti membabitkan masalah ekonomi, konflik dan tekanan, hubungan kelamin, mementingkan keluarga sendiri dan sebagainya.
- 6.24 Adalah wajar setiap pasangan perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya bagi melayari bahtera rumahtangga agar sentiasa bahagia hingga ke akhir hayat. Melalui program ini pasangan akan lebih bersedia dan berkeyakinan untuk menghadapi cabaran dalam hidup berumahtangga dengan memberi kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan mengenali pasangan di samping memperkukuh dan memperkuat ikatan suami isteri. Melalui program ini juga, pasangan di semai dengan nilai-nilai murni seperti sifat bertimbangrasa, bertanggungjawab dan prihatin demi menjaga keharmonian rumahtangga.
- 6.25 Perkahwinan adalah salah satu jalan untuk mencapai kebahagiaan, ketenteraman dan kasih sayang.

Sebagaimana maksud Firman Allah Taala dalam surah Ar- Ruum (30): 21 yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

Anugerah Keluarga Mithali

- 6.26 Institusi keluarga yang cemerlang merupakan aset negara yang amat penting dalam pembangunan modal insan kelas pertama. Oleh sebab itu Anugerah Keluarga Mithali merupakan medan percambahan ilmu yang terbaik dalam membentuk keluarga bahagia dan cemerlang. Majlis sambutan bagi memberi pengiktirafan kepada keluarga yang berjaya dalam membentuk anak-anak cemerlang dan berkualiti dan menjadi contoh ikutan kepada masyarakat.
- 6.27 Anugerah Keluarga Mithali dilaksanakan sebanyak 32 kali setahun merangkumi semua DUN dalam negeri Terengganu Anugerah ini akan dapat meningkatkan dan memantapkan institusi keluarga dalam menyumbang pencapaian yang cemerlang dan seimbang dalam pembangunan masyarakat dan negara.



Forum Keibubapaan

- 6.28 Forum keibubapaan adalah 'one shot' program yang menekankan kepada pengukuhan institusi keluarga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan keluarga bahagia dan cemerlang. Program ini akan memberi kesedaran dan motivasi tentang tanggungjawab / peranan ibubapa yang sebenar bagi mewujudkan sebuah keluarga bahagia di samping memberi pendedahan teknik dan kemahiran keibubapaan dalam mengurus kehidupan berumahtangga.



Perkhidmatan Bimbingan Keluarga

- 6.29 Perkhidmatan Bimbingan Keluarga adalah suatu usaha bertujuan untuk memberi bimbingan dan panduan kepada individu dan keluarga yang menghadapi masalah kekeluargaan. Perkhidmatan ini menyediakan pembimbing terlatih untuk membantu menyelesaikan sesuatu masalah. Kaunselor Pakar dari Institusi Pengajian Tinggi dan Badan-Badan bertauliah turut diadakan sekiranya masalah tersebut memerlukan perkhidmatan yang lebih rapi dan professional.
- 6.30 Program ini dapat membantu keluarga di Negeri Terengganu sekiranya mereka menghadapi masalah berkaitan kekeluargaan. Perkhidmatan Bimbingan Keluarga dapat mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan bimbingan Kaunselor dan Pembimbing terlatih.

Pembangunan Masyarakat Menyeluruh

- 6.31 Tabung Darul Iman diwujudkan bagi menyempurnakan kebajikan kepada rakyat Terengganu khususnya dalam membantu golongan yang daif, di timpa bencana alam, berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik demi meningkatkan kualiti hidup mereka
- 6.32 Program atau bantuan di bawah Tabung Darul Iman telah banyak menyumbang kepada kemudahan dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh rakyat. Bagi kes bencana alam seperti kejadian ribut, kebakaran dan lain-lain memerlukan tindakan segera untuk diselesaikan.

Bantuan di bawah Tabung Darul Iman akan memberi impak kepada kes-kes yang memerlukan tindakan segera dan menangani had peruntukkan jabatan yang terhad serta perlu prosidur kerja yang ketat.

- 6.33 Suatu hakikat yang diketahui umum bahawa terdapat banyak rayuan dari golongan keluarga miskin atau mereka yang kurang bernasib baik memohon berbagai jenis bantuan termasuk memohon bantuan bagi mendapatkan rawatan perubatan dan urusan yang berkaitan dengannya. Rayuan-rayuan tersebut biasanya dikemukakan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta, pemimpin-pemimpin masyarakat dan ada yang memohon terus kepada Kerajaan Negeri. Tidak kurang juga penderitaan mereka disiarkan di akhbar-akhbar tempatan dan media elektronik bagi mendapat belas kasihan dan simpati dari orang ramai. Terdapat juga kes-kes yang tidak diberi perhatian langsung oleh pihak berkenaan kerana mereka tidak mengetahui tempat rujukan kes-kes tersebut serta tidak memahami prosidur-prosidur tertentu. Ada juga di antara rayuan-rayuan mereka tidak atau kurang mendapat perhatian yang sewajarnya kerana di luar skop dan bidang tugas agensi-agensi yang berkenaan.
- 6.34 Kerajaan Negeri mengambil suatu langkah segera bagi menangani masalah berkait kesihatan dikalangan golongan miskin ini dengan berkesan. Antara langkah diambil ialah dengan menubuhkan sebuah Tabung Amanah Penyakit Kronik bagi memastikan kebajikan golongan sasaran dapat disempurnakan sebaik mungkin dengan kadar yang segera bagi mencapai Visi dan Misi yang telah ditetapkan.

Program Pembangunan Wanita

- 6.35 Usaha-usaha untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam perniagaan dan tenaga kerja mahir akan diteruskan. Latihan dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan dan kemahiran seperti bengkel jahitan, kelas memasak untuk restoran, bengkel membuat kuih dan aktiviti lain yang akan menyumbang kepada pembangunan wanita. Kursus asas perniagaan seperti pemasaran, perakaunan, belajawan akan dilaksanakan bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing, berkualiti dan produktif. Di samping itu juga bantuan kewangan juga di sediakan bagi memudahkan para usahawan mendapatkan dana bagi memulakan perniagaan.
- 6.36 Peranan wanita sebagai penyumbang ekonomi keluarga juga di pergiatkan. Wanita hari ini bukan hanya sebagai surirumah sahaja dan perlu dilibatkan dengan pekerjaan yang sesuai supaya garis kemiskinan keluarga dapat di kurangkan.

Kaum wanita akan di dedahkan dengan aktiviti sampingan seperti kraf tangan, jahitan manik, sulaman dan lain-lain aktiviti yang boleh menyumbang pendapatan keluarga.

Cakna Ibu Tunggal

6.37 Program Cakna Ibu Tunggal disusun berdasarkan kepada (4) jenis bantuan atau keperluan utama golongan ibu tunggal di Negeri Terengganu iaitu Bantuan Ekonomi, Bantuan Undang-Undang, Bantuan Kekeluargaan dan Bantuan Kesihatan. Melalui empat (4) jenis keperluan ini, enam (6) komponen utama Program Cakna Ibu Tunggal telah diwujudkan sebagaimana berikut:

- *Program Pengupayaan Ibu Tunggal*
- *Bantuan Pengurusan Kelab Ibu Tunggal*
- *Program Peningkatan Ekonomi*
- *Program Bimbingan Undang-Undang*
- *Program Bimbingan Kekeluargaan Dan Pendidikan*



- *Program Kesedaran Dan Bimbingan Kesihatan*

- 6.38 Program ini dapat membantu golongan Ibu Tunggal untuk meningkatkan taraf hidup serta keluar dari garis kemiskinan setelah mereka dapat meningkatkan tahap ekonomi dan mutu keluarga masing-masing dari segala input/aktiviti yang dilaksanakan untuk mereka.

Kepimpinan Komuniti

- 6.39 Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung merupakan tunjang dalam membantu menangani dan sekaligus mengurangkan masalah komuniti. Mereka telah banyak memberi sumbangan selama ini dan masih mempunyai potensi dalam menangani masalah-masalah komuniti berasaskan prinsip-prinsip sosiologi dan psikologi.
- 6.40 Di antara objektif program adalah untuk meningkatkan kefahaman tentang tugas-tugas dan peranan sebagai seorang pemimpin peringkat komuniti dan memberi kemahiran dalam menangani segala tugas dan peranan yang spesifik dengan berkesan sebagai pemimpin komuniti. Program ini dapat melahirkan pembimbing masyarakat yang aktif dan kreatif dalam menangani masalah komuniti di peringkat akar umbi. Cara ini dapat melahirkan individu yang produktif dan seterusnya berupaya membina keluarga yang bahagia dan modal insan yang cemerlang dan berkual.

Perkembangan Awal Kanak-Kanak

- 6.41 Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak memberi penekanan terhadap penjagaan, pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak di bawah umur 4 tahun yang ditempatkan di Taska Keluarga dan Taska Permata kelolaan Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Terengganu. Objektif Program Perkembangan Awal Kanak-Kanak adalah bagi meningkatkan dan menyempurnakan pertumbuhan dan perkembangan menyeluruh bayi dan kanak-kanak dari segi fizikal, bahasa, sosio emosi dan kognitif di samping membantu ibubapa bekerja menguruskan penjagaan bayi dan kanak-kanak.



PENUTUP

- 6.42 Dalam mencapai Visi melahirkan masyarakat seimbang dan cemerlang memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi serta Visi membasmi kemiskinan dan gejala sosial melalui peningkatan kualiti hidup dan pembangunan insan yang menyeluruh menjelang 2013, Kerajaan Negeri berusaha bersungguh-sungguh melalui projek dan program yang memfokuskan kepada empat teras utama iaitu membasmi kemiskinan, mengurangkan gejala sosial, meningkatkan kualiti keluarga dan pembangunan masyarakat secara menyeluruh.
- 6.43 Melalui projek dan program ini, diharapkan supaya masyarakat terutamanya golongan miskin dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dengan berdikari dan mengubah minda, remaja dapat mengukuhkan jati diri agar gejala sosial dapat dikurangkan, dan membentuk keluarga mithali dengan mendidik ibu bapa dan anak-anak bersama-sama mengukuhkan institusi kekeluargaan.

BAB 7

PELANCONGAN DAN SEKTOR PERKHIDMATAN

I. PENDAHULUAN

- 7.01 Penumpuan kepada sumber ekonomi yang baru selepas kemungkinan kesan kehabisan sumber asli iaitu minyak dan gas pada masa akan datang mendorong kerajaan untuk memberikan tumpuan kepada industri pelancongan. Khazanah negeri seperti pulau-pulau, pantai, tasik dan hutan hujan tropika merupakan sebahagian daripada aset yang perlu dijaga bukan sahaja untuk mengekalkan kelestariannya, malah dapat menarik kunjungan pelancong dan seterusnya dapat memberikan sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negeri dengan peningkatan jumlah pelancong asing dan domestik.
- 7.02 Walaupun berlaku penguncupan jumlah kedatangan pelancong dari tahun 2008-2010 akibat daripada faktor-faktor seperti kemelesetan ekonomi global, penularan wabak penyakit dan bencana, dijangka akan berlaku perkembangan pada tahun-tahun yang akan datang melalui usaha mempertingkatkan kempen galakan dan promosi serta penyediaan dan penambahbaikan prasarana infrastruktur dan infostruktur oleh Kerajaan Negeri. Industri pelancongan mampu merangsang pertumbuhan industri-industri lain seperti industri penginapan, kraftangan, penyediaan makan minum, pengangkutan dan perkhidmatan malah dapat juga memberi sumbangan kepada industri lain melalui kesan gandaan perbelanjaan pelancong terhadap industri pertanian, perikanan dan pembuatan. Malah industri pelancongan amat berkait rapat dengan pelbagai industri lain, termasuklah pendidikan (edu tourism), pertanian (agro tourism), budaya (culture tourism), sukan (sports tourism) dan kesihatan (health care tourism) dan lain-lain lagi di mana ianya saling berkait antara satu sama lain.
- 7.03 Pertambahan pelancong bermakna peningkatan kepada aktiviti ekonomi dalam negeri dan secara tidak langsung dapat merangsang aliran masuk wang ke Negeri Terengganu melalui perbelanjaan pelancong sepanjang bercuti di Negeri Terengganu termasuk perbelanjaan penginapan, makan minum, kraftangan, pengangkutan dan perkhidmatan sokongan lain. Pelbagai pihak dapat meraih manfaat daripada industri ini yang akan berkembang dengan lebih pesat pada masa-masa akan datang.
- 7.04 Visi pelancongan Terengganu adalah untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini dan punca pertumbuhan baru ekonomi Negeri Terengganu.

Beberapa misi telah digariskan untuk menjayakan visi tersebut antaranya adalah dengan memperkasakan produk-produk pelancongan yang sedia ada di Terengganu, meningkatkan kadar kedatangan pelancong ke Negeri Terengganu dan merakyatkan pelancongan.

- 7.05 Kerajaan Negeri berusaha untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi Negeri Terengganu sebanyak 20% daripada KDNK pada penghujung tahun 2013. Jumlah kedatangan pelancong yang meningkat dapat menggalakkan lagi aktiviti pelancongan yang bakal dimanfaatkan oleh masyarakat tempatan. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri berusaha untuk meningkatkan kadar kedatangan pelancong sebanyak 25% setahun bagi tempoh 2009 hingga 2013.
- 7.06 Penyediaan prasarana pelancongan yang baik, masyarakat yang mesra pelancong, sistem pengangkutan yang efisien, kualiti perkhidmatan yang baik, galakan dan promosi yang berterusan serta penganjuran acara-acara pelancongan dalam negeri adalah antara faktor yang membantu meningkatkan purata hari penginapan pelancong asing kepada 6 hari dan pelancong domestik pada 5.5 hari (2007 : 4.6 hari & 3.1 hari). Melalui pertambahan bilangan hari penginap pelancong juga menggalakkan kepada peningkatan jumlah perbelanjaan pelancong tempatan kepada RM350.00 seorang dan pelancong asing sebanyak RM500.00 seorang pada penghujung 2013 berbanding pada tahun (2008 : RM200.00 & RM330.00). Perbandingan jumlah kedatangan pelancong dapat dilihat melalui jadual dibawah :

Perbandingan Jumlah Kedatangan Pelancong dari 2004 – 2009

Tahun	Pelancong Domestik	Pelancong Asing	Jumlah	Peratus Perbandingan Tahun Sebelum
2004	1,418,141	162,826	1,580,967	14.3 %
2005	1,624,726	197,952	1,822,678	15.3 %
2006	2,061,486	238,893	2,300,379	26.2 %
2007	2,572,299	295,084	2,867,383	24.6 %
2008	3,147,873	380,281	3,528,154	23.0 %
2009	2,963,250	341,526	3,304,776	(6.4%)

II. MATLAMAT

Memperkasakan Produk Pelancongan

- 7.07 Matlamat makro pembangunan pelancongan Negeri Terengganu adalah untuk memantapkan infrastruktur dan infostruktur pelancongan agar berada setanding dengan negara-negara maju. Begitu juga meningkatkan penglibatan sektor swasta dan badan-badan NGO pelancongan secara menyeluruh dalam sama-sama menjana kearah pembangunan sektor pelancongan negeri. Pemuliharaan warisan Negeri Terengganu termasuklah alam semulajadi, kebudayaan dan kesenian melalui program Semarak Seni Budaya Warisanku mampu memberi impak bukan sahaja untuk pemuliharaan warisan bangsa, malah sebagai faktor tarikan pelancong. Kerajaan Negeri akan memberi nilai tambah kepada produk pelancongan sedia ada dan mengenal pasti produk-produk baru yang berpotensi dan berimpak tinggi melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Meningkatkan Kadar Kedatangan Pelancong

- 7.08 Kerajaan Negeri juga merancang program promosi dalam dan luar negeri yang lebih fokus dengan mengenal pasti segmen pasaran yang mempunyai kelebihan perbandingan melalui pendekatan baru. Penganjuran acara-acara pelancongan berasaskan identiti (*signature events-participation events, spectators event & event followers*) Negeri Terengganu seperti Kenyir Lake International Triathlon, Kapas-Marang International Swimathon, Karnival Candat Sotong, Perhentian Island Challenge, Sultan's Cup Terengganu Endurance Challenge dan Monsoon Cup dan lain-lain lagi yang dapat memberikan kesan pulangan yang baik kepada negeri. Kerajaan Negeri merancang penubuhan satu entiti khusus yang berperanan untuk merancang, melaksanakan dan memantau projek/program serta promosi sektor pelancongan. Entiti ini akan lebih fokus kepada pembangunan pelancongan dengan kemudahan untuk bergerak dengan sendiri dengan sokongan minimum kerajaan.

'MERAKYATKAN PELANCONGAN'

- 7.09 Anjakan minda kearah lebih 'mesra pelancong' harus ditanam kepada masyarakat. Kefahaman yang jelas berkait pentingnya industri pelancongan dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri adalah amat penting yang dapat memberi pulangan terus pula kepada masyarakat baik dalam bentuk peluang keusahawanan mahu pun perbelanjaan secara langsung kepada masyarakat. Selain pengusaha dan kakitangan dalam industri pelancongan, masyarakat juga boleh membantu menyalurkan bantuan kepada pelancong.

Oleh itu program pembangunan modal insan sektor pelancongan akan terus dipergiatkan. Penyediaan pelbagai skim insentif dalam sektor pelancongan dapat mendorong lebih banyak pengusaha-pengusaha pelancongan untuk bergiat secara lebih serius dalam industri ini. Keunikan budaya dan warisan negeri ini dapat ditonjolkan melalui aktiviti pelancongan, antaranya dengan memperluaskan pelaksanaan program homestay yang memberikan pengalaman kepada pelancong untuk merasai sendiri suasana kehidupan masyarakat kampung melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Program serampang dua mata ini memberikan manfaat kepada pelancong dan juga penduduk tempatan.

PELAN TINDAKAN

- 7.10 Mengenalpasti dan membantu pelabur-pelabur yang komited dengan menawarkan insentif pelaburan yang kompetitif. Pelabur-pelabur yang sebegini dapat menyokong usaha kerajaan untuk memajukan industri pelancongan ke tahap yang lebih baik dengan mengurangkan kebergantungan sumber kewangan daripada pihak Kerajaan Negeri.
- 7.11 Pemuliharaan Warisan Negeri melalui tindakan pewartaan dan penerbitan dokumen- dokumen yang menggambarkan keunikan warisan negeri dapat direkodkan dan menjadi tatapan dan sumber rujukan kepada generasi akan datang.
- 7.12 Pengekalkan ciri-ciri binaan warisan dalam rekabentuk bangunan baru dalam kawasan pelancongan dapat menonjolkan lagi keunikan negeri ini yang tidak meminggir unsur kesenian dan kebudayaan dalam arus pembangunan moden.
- 7.13 Memperkasa aktiviti menyusur sungai melalui penswastaan pengurusannya dapat memberikan fokus khusus kepada aktiviti sungai yang akan menjadi salah satu produk pelancongan yang digemari oleh pelancong.
- 7.14 Faktor kemudahsampaian menjadi elemen penting dalam usaha meningkatkan jumlah kehadiran pelancong. Oleh itu menyediakan jalinan pengangkutan yang cekap yang efisien adalah perlu. Melalui pembinaan lebuh raya dan susun atur jaringan lebuh raya yang lebih baik akan memungkinkan perkara ini tercapai.
- 7.15 Merangka, menyediakan dan memberi latihan yang berterusan kepada penggiat pelancongan yang terlibat samaada secara langsung atau tidak akan mempergiatkan lagi minat pengusaha dan masyarakat setempat untuk mengambil peluang hasil daripada aktiviti pelancongan ini.

- 7.16 Pengaktifan jawatankuasa pembangunan pelancongan di peringkat daerah yang dipengerusikan Pegawai Daerah dalam usaha memajukan industri pelancongan secara khusus di daerah-daerah yang membolehkan pelarasan program dapat dijalankan dengan lebih mudah.
- 7.17 Mempromosikan Terengganu melalui sub-sektor pelancongan:-
- eco-tourism (pelancongan ekologi)
 - edu-tourism (pelancongan pendidikan)
 - agro-tourism (pelancongan tani)
 - culture-tourism (pelancongan budaya)
 - histo-tourism (pelancongan sejarah)
 - sports-tourism (pelancongan sukan)
 - health-tourism (pelancongan kesihatan)
 - homestay (inap desa)
- 7.18 Arus pembangunan dunia sekarang ini lebih memberikan tumpuan kepada penggunaan alat-alat pemasaran (*marketing tools*) dan kepelbagaian pemasaran (*marketing mix*) yang lebih fokus dan strategik. Sehubungan dengan itu pengetahuan berkait teknologi maklumat dikalangan pengusaha dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan memberikan kelebihan untuk lebih berdaya saing dan berdaya maju dalam dunia global.
- 7.19 Antara kaedah pemasaran yang boleh digunakan adalah melalui perkhimatan yang menyediakan portal pelancongan dan penerbitan bahan-bahan bercetak bagi tujuan promosi.
- 7.20 Memupuk kesedaran kepentingan pelancongan dari peringkat awal melalui penubuhan kelab-kelab pelancongan di sekolah. Melalui cara ini pendedahan awal dikalangan pelajar dapat dipupuk agar mempunyai tahap kesedaran pentingnya industri pelancongan dan dapat menimbulkan minat meneruskan karier dalam industri pelancongan.
- 7.21 Mewujudkan sekurang-kurangnya dua perkampungan Inap Desa (Homestay) bagi setiap Parlimen berasaskan kekuatan dan keunikan produk yang ada. Produk Inap Desa ini dapat menggambarkan keunikan budaya masyarakat setempat melalui aktiviti kemasyarakatan tradisional dan dapat memberi pengalaman berharga kepada pelancong yang menginap disitu.


- 7.22 Tasik Kenyir bakal dibangunkan sebagai destinasi percutian keluarga dan kepada pelancong asing. Sebanyak 10 buah pulau akan dibangunkan dibawah Projek Kenyir Island Hopping dengan peningkatan kemudahan infrastruktur dan kemudahsampaian diantaranya Pulau Burung, Pulau Orkid, Pulau Eco Park, Pulau Rama-Rama dan Pulau Buah Tropika. Begitu juga pembangunan Pulau Bebas Cukai yang dilihat bakal menarik pelancong tempatan dan asing bercuti sambil berbelanja.
- 7.23 Penyusunan semula pembangunan di belakang Kg. Cina, Kuala Terengganu dan menaiktaraf Pasar Payang Kuala Terengganu.
- 7.24 Membangunkan Pulau Warisan sebagai destinasi pelancongan berasaskan kesenian, kebudayaan dan warisan Negeri Terengganu di mana akan dibangunkan sebagai pusat satu hentian (one stop centre) demonstrasi, pameran dan jualan kraftangan tradisional negeri.
- 7.25 Menaiktaraf dan menjenamakan semula Rantau Abang, Dungun, Terengganu dengan mengembalikan semula Rantau Abang sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia melalui produk-produk yang berasaskan penyusutan dan penyelidikan.
- 7.26 Membangunkan Pulau Bidong sebagai pulau untuk pelancong harian dan pengedaran warisan pelarian Vietnam.
- 7.27 Menambah sekurang-kurangnya 1000 buah bilik penginapan di dalam Bandaraya Kuala Terengganu. Projek adalah dilaksanakan secara penswastaan dengan tumpuan utama di kawasan pembangunan tambakan utara (north breakwater), Benteng Pemecah Ombak Kuala Terengganu.
- 7.28 Pembinaan Terminal dan Dataran Pelancongan Kuala Terengganu di tambakan selatan (south breakwater) sebagai pintu masuk kapal pelayaran mewah dan ke pulau-pulau peranginan. Kapal-kapal pelayaran mewah yang setiap kali singgah membawa seramai 3000 pelancong dan anak kapal berpeluang singgah di Bandaraya Kuala Terengganu sehari suntuk mengenali produk dan destinasi pelancongan yang terdapat di sekitar Bandaraya Warisan Pesisir Air.
- 7.29 Pembinaan projek Taman Pemuliharaan Hidupan Liar Negeri Terengganu di Sungai Ketiar, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu.
- 7.30 Menaiktaraf infrastruktur seperti solar panel, sistem kumbahan (*sewerage system*), penyaluran air bersih dan sistem pembentungan di Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Kapas.

III. PROGRAM/PROJEK

Tasik Kenyir sebagai Pusat Pelancongan Keluarga Bertaraf Antarabangsa

- 7.40 Tasik Kenyir merupakan fokus utama pelancongan di Negeri Terengganu bawah HPNT 2009 – 2013. Sebagai tasik buatan manusia yang terbesar di Asia dengan keluasan tanah hampir 200 ribu hektar, tasik yang merangkumi 340 buah pulau, 14 air terjun, jeram, hutan simpan, gua dan sungai ini kaya dengan potensi untuk diperkembangkan sebagai destinasi pelancongan utama negeri. Sehubungan dengan itu, menjelang 2013, Tasik Kenyir akan bersedia sepenuhnya untuk memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan Negeri Terengganu khususnya dalam sektor pelancongan.
- 7.41 Bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Tasik Kenyir sebagai Pusat Pelancongan Keluarga Bertaraf Antarabangsa, beberapa projek pelancongan telah dirancang di sini iaitu Projek Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir, Projek Kenyir Island Hoping (KIH) dan Taman Tema Air. Ketiga – tiga projek ini akan menjadi projek perdana yang akan dilaksanakan dalam HPNT 2009 – 2013.
- 7.42 Melalui Projek Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir, Tasik Kenyir yang dahulunya lebih terkenal sebagai destinasi eko–pelancongan akan turut memainkan peranan sebagai antara “Syurga Membeli–belah” di negara ini. Pembangunan fizikal yang bakal melibatkan pembinaan kompleks membeli belah yang akan dikenali sebagai “Kenyir Trade Centre (KTC)” akan menjadi mercu tanda pembangunan di Pulau Bayas di samping pembinaan komponen pembangunan sokongan lain seperti jeti penumpang, lot-lot perniagaan, taman rekreasi dan restoran. Dengan tarikan tambahan sebagai “Kawasan Bebas Cukai”, Kerajaan Negeri yakin Tasik Kenyir akan menjadi destinasi pelancongan utama negara baik kepada pelancong domestik mahupun antarabangsa menjelang 2013.

KENYIR TRADE CENTRE (KTC)



- 7.43 Tasik Kenyir merangkumi 340 buah pulau – pulau kecil yang terdiri daripada pelbagai saiz dan bentuk. Kewujudan pulau – pulau kecil ini di Tasik Kenyir memberi ilham kepada Kerajaan Negeri bagi membangunkan Projek Kenyir Island hopping (KIH) yang melibatkan 10 buah pulau kecil ini. Melalui pelaksanaan projek ini, setiap pulau tersebut akan dibangunkan dengan tema tertentu seperti Taman Burung, Taman Rama - rama, Taman Tropika, Taman Orkid, Taman Heliconia, Taman Anggur, Taman Kaktus, Taman Rambutan Taman Eko dan Taman Botani. Kerajaan Negeri optimis pelaksanaan projek ini akan menampilkan suasana eko - pelancongan yang lebih sistematik dan selesa kepada para pengunjung.
- 7.44 Selaras dengan “trend” pelancongan semasa, sebuah Taman Tema Air akan turut dibina di Tasik Kenyir. Taman Tema Air ini akan memberi nilai tambah kepada perancangan projek – projek pelancongan yang sedia ada di Tasik Kenyir memandangkan tarikan Taman Tema Air sebagai pusat rekreasi keluarga. Oleh itu, pelaksanaan projek ini sudah pasti akan menjadi satu lagi elemen penting dalam membangunkan Tasik Kenyir sebagai hub pelancongan keluarga di negeri ini.
- 7.45 Bagi mengintergrasikan setiap projek pelancongan di sini, satu rangkaian infrastruktur pengangkutan yang efisien akan disediakan bagi memudahkan capaian pelancong ke setiap destinasi pelancongan yang bakal dibina di Tasik Kenyir ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bercadang menyediakan pengangkutan air berupa feri yang berkapasiti 50 - 100 penumpang bagi memenuhi keperluan ini. Feri ini akan menjadi nadi utama pengangkutan di kawasan Tasik Kenyir yang sebahagian besarnya merupakan kawasan perairan dengan disokong oleh satu rangkaian kereta kabel yang bakal dibina di Pengkalan Gawi. Kerajaan Negeri juga akan turut menyelaraskan pengangkutan awam seperti bas dan teksi ke arah penyediaan pengangkutan kelas pertama kepada para pengunjung.

- 7.46 Dalam konteks penginapan pula, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lebih banyak tempat penginapan bermula konsep asrama untuk golongan *backpacker* hingga bertaraf hotel. Selain itu, kemudahan penginapan sedia ada seperti chalet di Sungai Petang serta Rumah Persekutuan di Pulau Sah turut dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan pada masa hadapan.
- 7.47 Namun demikian, sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), segala pembangunan di Tasik Kenyir akan dirancang tanpa mengabaikan kepentingannya sebagai Pusat Biodiversiti dan sebahagian daripada Taman Negara Terengganu.
- 7.48 Oleh itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Kajian Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tasik Kenyir (Pusat Pertumbuhan Gawi) 2020 bagi dijadikan panduan penting dalam memandu arah pembangunan spatial melibatkan aspek-aspek pembangunan infrastruktur pelancongan dan pembangunan fizikal yang lain yang bakal dijalankan di Pengkalan Gawi dan kawasan sekitarnya supaya selaras dengan dasar - dasar sedia ada dalam usaha untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa, meningkatkan sosio ekonomi tempatan, seterusnya memastikan kemampuannya sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

IV. PENUTUP

- 7.46 Kejayaan sektor pelancongan sebagai punca utama pertumbuhan ekonomi negeri dapat diterjemahkan dengan kerjasama dan penglibatan semua. Terengganu yang kaya dengan sumber jaya pelancongan, keindahan alam semulajadi, kemurnian tradisi dan keunikan warisan budaya negeri, perlu dijalinkaitkan sepenuhnya untuk peningkatan industri pelancongan. Pembangunan produk-produk pelancongan ini perlu seiring dengan pembangunan insan.

Isu Dan Cabaran

- Sektor pelancongan amat *fragile* dan terdedah kepada faktor luaran seperti ketidakstabilan politik, kemelesetan ekonomi dunia, keganasan dan isu-isu tempatan dan antarabangsa. Kesukaran menerapkan sikap dan amalan (*think and act tourism*) di kalangan agensi kerajaan dan rakyat.
- Memupuk minat di kalangan generasi muda terhadap aktiviti kesenian dan kebudayaan ke arah pengekalannya.
- Konflik antara desakan pembangunan pelancongan dengan usaha pengekalan warisan dan pemuliharaan alam sekitar. Isu perundangan yang melibatkan usaha penubuhan sebuah entiti pelancongan tersendiri di negeri.
- Galakan dan Insentif Negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud dengan membawa masuk Charter & Direct Flight terbantut dengan Open Sky Policy oleh Kementerian Pengangkutan.
- Promosi Pulau Bidong yang terbatas kerana kekangan Diplomatik

BAB 8
**PEMBANGUNAN LUAR BANDAR,
USAHAWAN DAN KOPERASI**

I. PENDAHULUAN

- 8.01 Sektor Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi akan terus diberikan perhatian dan penekanan yang khusus oleh Kerajaan Negeri Terengganu kerana ianya dilihat mampu untuk meningkatkan pendapatan, taraf dan kualiti hidup rakyat secara holistik dan seterusnya merangsang kepada perkembangan pertumbuhan sosioekonomi negeri yang mampan.
- 8.02 Keupayaan sektor ini dalam penjanaaan pembangunan ekonomi negeri bakal menyaksikan keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar yang lebih lengkap perkembangannya, seterusnya mampu menampilkan usahawan dan koperasi negeri yang lebih berdaya saing dan maju dalam sektor ekonomi negeri.
- 8.03 Bagi menjayakan pembangunan Terengganu sebagai Negeri Maju menjelang tahun 2020, Kerajaan Negeri akan terus merencana dan melaksanakan segala perancangan transformasi bagi memperkasakan para usahawan mahupun rakyat agar lebih berdaya maju serta kompetitif, berpandukan Gagasan Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu.
- 8.04 Melalui perancangan secara strategik ini juga, Pembangunan luar bandar, usahawan dan koperasi negeri akan terus dipergiatkan dan diperkukuhkan melalui projek atau program perdana yang ditetapkan dalam tempoh pembangunan ini, dengan pemantauan yang berkesan.

II. MATLAMAT

- 8.05 Bagi menjayakan teras pembangunan luar bandar, usahawan dan koperasi negeri, terdapat 14 matlamat telah dikenalpasti yang meliputi:
- Memperkasakan struktur pengurusan dan pentadbiran kampung dan mukim;
 - Memastikan program pembasmian kemiskinan mencapai sasaran;
 - Mewujudkan masyarakat desa yang berkualiti;
 - Menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi kepada penduduk luar bandar;

- Membudayakan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan di kalangan rakyat Terengganu;
- Menyediakan dan menambahbaik infrastruktur dan infostruktur;
- Menambahkan dana dan kemudahan kewangan untuk pembiayaan melalui modal permulaan, tabung pusingan dan insentif serta Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI);
- Menjadikan YPUT sebagai *one stop center*;
- Meningkatkan bilangan dan keahlian koperasi;
- Mengaktifkan semula koperasi yang berpotensi untuk dimajukan;
- Mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan meningkatkan jalinan kerjasama aktif dikalangan koperasi dan pihak luar;
- Meningkatkan program latihan dan pembangunan koperasi;
- Meningkatkan pusingan modal koperasi; dan
- Meningkatkan sumbangan koperasi kepada KDNK Terengganu.

III. STRATEGI

8.06 Bagi mencapai matlamat ini yang menekankan kepada pembangunan luar bandar, usahawan dan koperasi, beberapa strategi dicadangkan dalam perancangan ini dan antaranya ialah:

- Memperkukuhkan organisasi pembangunan desa melalui Pelan Tindakan
- Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar;
- Membangunkan modal insan khususnya melalui peningkatan kemahiran dan kerjaya;
- Melaksanakan proses pemantauan berkesan dan berterusan;
- Membangunkan semula nilai-nilai murni masyarakat;
- Memberi pendedahan keusahawanan kepada golongan muda;
- Meningkatkan program latihan perniagaan dan keusahawanan;
- Melaksanakan program *attachment*, mentor-mantee, vendor dan latihan kerja;
- Membina lebih banyak ruang niaga;
- Menyediakan lebih banyak tabung pembangunan keusahawanan;
- Mendaftarkan lebih banyak koperasi dan memperkasakan koperasi sedia ada;
- Memperluaskan bidang niaga koperasi;
- Memberi keutamaan kepada koperasi dalam tender kerajaan;
- Mewujudkan rangkaian perniagaan dan rangkaian kerjasama dengan perniagaan lain;

- 8.07 Berasaskan kepada strategi-strategi di atas, pelbagai aktiviti pembangunan luar bandar, usahawan dan koperasi dirancang sebagai suatu langkah stimulasi pembangunan jangka pendek dan jangka panjang. Semua aktiviti ini mempunyai indikator atau tanda aras pencapaian yang disasarkan beserta dengan jangka masa pelaksanaan yang dilihat sejajar dan seiring dengan hasrat Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia yang menekankan kepada *performance based management* dalam rangka kerja melaksanakan tugas yang berasaskan keutamaan rakyat.
- 8.08 Dalam usaha memberikan suntikan daya maju kepada usahawan tempatan dan sektor koperasi, maka adalah penting fokus strategik berasas sumber yang dimiliki diberikan keutamaan. Usaha merintis kecemerlangan portfolio ini melalui pembangunan ekonomi bersepadu perlu melihat kepada isu-isu strategik yang difokuskan sepertimana berikut :
- Meningkatkan penglibatan usahawan tempatan dalam sektor minyak dan gas;
 - Meningkatkan perkembangan industri makanan halal dan asas tani;
 - Meningkatkan keusahawanan dalam industri pelancongan dan hospitaliti;
 - Meningkatkan sektor logistik dan pengangkutan; dan
 - Menggalakkan kegiatan keusahawanan menerusi industri perkhidmatan.
- 8.09 Fokus yang dikenalpasti ini membuktikan kerajaan amat serius dalam memantau perkembangan positif yang menggalakkan berkaitan dengan sektor-sektor ini.

IV. PROGRAM/PROJEK

Mewujudkan dan Memajukan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

- 8.10 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) adalah merupakan satu perancangan program pembangunan ekonomi di pusat pertumbuhan seluruh Negeri Terengganu yang dikenalpasti boleh dimajukan atau berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pertumbuhan di peringkat kampung. Projek ini memberi peluang kepada masyarakat desa untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan melalui penyediaan premis perniagaan dan juga kemudahan lain untuk kegunaan masyarakat setempat.

- 8.11 Keutamaan program ialah untuk menumpukan aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial (*centralised activity*) supaya sesuatu kawasan yang telah dikenalpasti akan menjadi lebih cepat membangun. Kriteria utama yang digunakan dalam pemilihan lokasi PPD ialah jumlah bilangan penduduk iaitu kurang daripada 5,000 orang. Aksesibiliti atau kemudahsampaian bagi masyarakat setempat dan jarak tampungan yang relevan ialah 5 kilometer di antara PPD dan petempatan lain. Komponen bagi pembangunan PPD akan melibatkan tiga (3) segmen utama iaitu infrastruktur, ekonomi dan sosial.
- 8.12 Projek-projek PPD melibatkan pembinaan rumah kedai 4 unit 2 tingkat di seluruh Negeri Terengganu yang dimulakan pada tahun 2009 dan dijangka akan siap dibina pada tahun 2011. Lanjutan daripada ini, Kerajaan Negeri meneruskan projek PPD dengan pembinaan rumah kedai 8 unit 2 bagi sasaran jangka panjang. Setiap daerah di negeri Terengganu akan dimajukan dengan 2 projek rumah kedai 8 unit 2 tingkat ini di lokasi-lokasi PPD yang dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan dari segi ekonominya.

Memperkasakan dan Meningkatkan Pencapaian Usahawan Ke Arah Penjana Kemajuan Negeri

- 8.13 Kerajaan Negeri sentiasa cakna dan komited untuk meningkatkan kualiti hidup dan hasil pendapatan rakyat melalui pembangunan keusahawanan negeri. Dengan itu, pelbagai infrastruktur, kemudahan dan prasarana menjurus ke arah matlamat tersebut, telah dirancang dan dibina selaras dengan agenda *merakyatkan pembangunan*. Pembinaan Kompleks Usahawan Terengganu (KUT) di Kampung Kubang Jela, Mukim Manir, Kuala Terengganu merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang dijangka dapat memberikan manfaat secara total kepada masyarakat usahawan yang bercirikan komersial. Kompleks Usahawan Terengganu dibina bertujuan untuk menyediakan kemudahan ruang perniagaan dan pejabat serta kilang untuk industri ringan dalam satu kawasan atau perkampungan usahawan (*E-village*).
- 8.14 Penyediaan ruang pameran, pusat rekabentuk, pusat R&D, pusat kajian produk serta konsep perkedaian francais dan perkedaian khusus untuk produk-produk tempatan akan menjadi platform kepada para usahawan untuk memajukan dan mengukuhkan usaha niaga dan sekaligus memperluaskan pasaran produk-produk yang dihasilkan. Fokus bagi HPNT 2009 - 2013 masih mengekalkan asas ke arah menggemilangkan industri warisan dengan memberi penekanan kepada peningkatan produk tradisional dan kraf tangan.

- 8.15 Selaras dengan matlamat ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi tujuan pembinaan Kompleks Yayasan Tuanku Nur Zahirah di Tanjung Bunut, Mukim Manir, Kuala Terengganu. Penubuhan Pusat Pameran ini adalah untuk memartabatkan industri songket, batik dan kraf negeri selaras dengan hasrat kerajaan ke arah mengangkat martabat kraf negara di mana kehadiran kraf melambangkan pola pemikiran dan budaya masyarakat Malaysia.
- 8.16 Desa Ukiran Kayu (DUK) yang terletak di Kg. Raja, Besut merupakan langkah Kerajaan Negeri ke arah memartabatkan dan mengekalkan warisan seni ukiran kayu. Pembangunan Fasa Pertama yang terdiri daripada komponen pejabat pentadbiran, bilik kuliah, bengkel dan ruang pameran. Pembangunan Fasa Kedua yang mengandungi komponen muzium ukiran kayu, asrama pelatih, bengkel berat, pentas budaya dan restoran, dilihat akan berperanan sebagai sebuah institusi yang menawarkan pengajian formal berteraskan pendidikan vokasional keusahawanan dalam seni ukiran kayu. Adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri supaya DUK akan melahirkan pengukir-pengukir mahir (*master craftsmen*) yang bukan sahaja akan menjadi pelapis kepada pengukir-pengukir tersohor bahkan mempunyai ciri-ciri keusahawanan
- 8.17 Program Inkubator akan diteruskan untuk mewujudkan usahawan-usahawan baru. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain seperti YPU, PMINT, SME Bank, SME Corp, TEKUN dan MARA dalam mewujudkan program inkubator yang sistematik dan efisien. Usahawan pelancongan diberi perhatian agar rakyat tempatan dapat menceburi bidang ini sesuai dengan Terengganu sebagai Gerbang Pelancongan di bawah Pelan Induk Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECER). Melalui peranan dan fungsi YPU sebagai *one stop center* dalam keusahawanan Negeri Terengganu, projek atau program penjenamaan T'Brand terus dipergiatkan melalui T'Shoppe, T'Kafe, T'Crafts, T'Lodge, T'Hotel dan T'Mall agar para usahawan tempatan akan terus dimantapkan dan diperkasakan dari segi pencapaian mereka.



- 8.18 Di samping itu juga, Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (T'P3) akan dibangunkan di setiap daerah yang dilengkapi dengan mesin-mesin dan kemudahan terkini bagi memastikan semua usahawan dapat membungkus produk berasaskan pertanian mereka menerusi khidmat nasihat daripada FAMA, SIRIM, MARDI dan YPU.
- 8.19 Usaha ini secara langsung akan memberikan nilai tambah kepada produk mereka dan memberikan nilai yang lebih tinggi. Program ini akan turut diintegrasikan dengan khidmat nasihat tatacara pembungkusan yang betul daripada YPU agar produk yang dihasilkan dapat dipasarkan di hypermarket di seluruh negara .Dalam pada itu bidang peruncitan akan terus diberi penekanan khususnya menerusi MARA.
- 8.20 Usaha kerajaan akan diteruskan dan digiatkan dalam memastikan setiap produk Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dapat dibangunkan menerusi inovasi dan penyelidikan produk. Kerajaan Negeri menerusi pejabat-pejabat daerah dan Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Terengganu akan cuba mengenalpasti beberapa produk SDSI yang boleh di '*groom big*' dan diberi nilai tambah.
- 8.21 Kerajaan Negeri akan terus berusaha mempromosikan usahawan di negeri ini dengan mengadakan 2 siri *Terengganu Showcase* setiap tahun di bandar-bandar terpilih agar produk Terengganu dan usahawan negeri ini dapat menembusi

pasaran nasional di samping dapat menambahkan rakan kongsi yang dapat mengembangkan perniagaan mereka.



- 8.22 Menerusi pelbagai program promosi setahun, termasuklah IDAMAN Terengganu, MIHAS, Showcase SDSI, Gulfood, FESBAK, Terengganu Showcase dan sebagainya akan menjadi platform yang terbaik untuk usahawan Negeri Terengganu memperkenalkan dan seterusnya memasarkan produk mereka. Kerjasama dengan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan seperti MITI, KPDKK dan sebagainya akan terus ditingkatkan agar segala promosi produk-produk IKS Terengganu dapat dipasarkan secara lebih meluas menerusi program promosi produk ke luar negara khususnya di negara-negara Asia yang lain.
- 8.23 Program T'Fund yang telah dimulakan pada tahun 1999 (dikenali sebagai Tabung Pembangunan Usahawan Terengganu 1–TPUT1) bertujuan untuk menyediakan bantuan modal berbentuk pembiayaan perniagaan kepada usahawan tempatan. Kerajaan Negeri Terengganu melalui YPU telah menyalurkan dana bagi tujuan modal pusingan dan perbelanjaan modal yang dijalankan menerusi 5 skim pembiayaan iaitu :

- Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF)
- Skim Pinjaman Kecil (SPK)
- Skim Sahabat Penjaja Melayu (SSPM)
- Skim Sahabat Peniaga Pasar Malam (SSPPM)
- Skim Pinjaman Khas Kanopi (SPKK)

- 8.24 Pelaksanaan program T'Fund di bawah RMK10 masih kekal dengan objektif untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada lebih ramai usahawan tempatan. Dalam masa yang sama program ini juga mempunyai objektif dari segi impak berbentuk lonjakan prestasi perniagaan serta penyediaan peluang kerjaya dan perniagaan yang lebih meluas kepada komuniti setempat.
- 8.25 Program ini dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh sekurang-kurangnya 10,000 orang usahawan sepanjang RMK10. Impak kepada pelaksanaan program ini ialah memberi peluang dari segi suntikan modal sama ada untuk tujuan permulaan perniagaan dan pengembangan perniagaan kepada usahawan IKS di Negeri Terengganu.

Satu Kampung Satu Koperasi

- 8.26 Melalui program Satu Kampung Satu Koperasi ini, Kerajaan Negeri menerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), mensasarkan sebanyak 200 koperasi yang sah berdaftar di bawah SKM diwujudkan dalam tempoh tahun 2009 hingga 2013. Dengan sasaran, peningkatan bilangan dan keanggotaan dalam koperasi akan dapat menjana kepelbagaian aktiviti ekonomi serta meningkatkan jalinan kerjasama yang aktif di kalangan rakyat terutamanya komuniti desa.
- 8.27 Dengan program perdana ini juga, bilangan koperasi dalam negeri, yang bermodal pusingan RM800,000 ke atas, turut akan ditingkatkan daripada 44 buah koperasi kepada 100 buah koperasi menjelang tahun 2013. Pertambahan bilangan rakyat yang terlibat di dalam sektor koperasi dan keusahawanan secara langsung memberi impak dari segi peningkatan taraf hidup serta punca pendapatan selain menyediakan peluang pekerjaan. Pembangunan sektor ini juga secara tidak langsung memberi kesan kepada penambahan pendapatan kerajaan secara amnya menerusi hasil percukaian dan pelesenan yang berkenaan.

V. PENUTUP

- 8.28 Pembangunan luar bandar, usahawan dan koperasi terus diberikan penekanan di dalam tempoh HPNT 2009 – 2013 di mana sumbangan dengan pendekatan yang berorientasikan rakyat dilihat akan dapat mengurangkan kadar kemiskinan luar bandar dengan penglibatan di bidang-bidang keusahawanan. Usaha ini akan dijayakan dengan penglibatan semua agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan dengan tujuan untuk memastikan matlamat yang ditetapkan akan dapat dicapai sepenuhnya.

BAB 9

PERTANIAN DAN ASAS TANI

I. PENDAHULUAN

- 9.01 Perancangan yang dibuat dalam HPNT ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negeri Terengganu 1992-2010, Dasar Pertanian Negara Ketiga 1996-2010 (DPN3), Pelan Induk Pertanian Negeri 2001-2010 dan Pelan Pembangunan Agro Makanan Negeri Terengganu.
- 9.02 Dalam usaha menyokong pengeluaran makanan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menangani masalah beras dengan memperkasakan tanaman padi. Komponen tradisi iaitu pertanian, penternakan dan perikanan diberi nafas baru dengan pendekatan yang menggunakan teknologi, pembangunan pemprosesan, penyelidikan dan intergrasi.
- 9.03 Visi Portfolio Pertanian ialah menjadikan sektor pertanian sebagai penyumbang penting kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Terengganu. Sementara misi pula ialah membentuk petani, penternak dan nelayan yang progresif melalui teknologi, perladangan komersil dan mapan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup sara diri.

II. MATLAMAT

- Untuk meningkatkan sumbangan beras kepada keperluan negeri daripada 46% kepada 85% menjelang 2013.
- Mengupayakan pekebun sawit supaya mampu menghasilkan 20 metrik tan sehektar setahun.
- Meningkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat nelayan dan memajukan Perindustrian Perikanan Negeri.
- Meningkatkan kadar sara diri sektor ruminan (kambing & lembu) kepada 65% dan pendapatan perkapita mereka yang terlibat melebihi tahap kemiskinan menjelang tahun 2013.

- Memaksimumkan pengeluaran sektor pertanian melalui kaedah berteknologi tinggi dengan penekanan kepada sektor pertanian yang berasaskan makanan dan industri asas tani.

III. STRATEGI

- Mengenalpasti kesesuaian kawasan untuk aktiviti pertanian.
- Mewujudkan prasarana pertanian bagi memaju serta memacu halatuju industri pertanian.
- Menggalakkan sektor swasta untuk turut terlibat dalam industri pertanian.
- Menjalankan aktiviti R&D bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian.
- Memperluaskan dan meningkatkan kemahiran kepada petani, penternak dan nelayan dengan teknologi terkini.
- Memajukan industri maritim sebagai sumber pendapatan tambahan penduduk tempatan.
- Mempergiatkan pembangunan industri asas tani selaras dengan teras pembangunan koridor timur.

VI. PROGRAM/PROJEK

PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN

- **Pembangunan Industri Tanaman Padi.**

- 9.04 Terdapat seluas 15,475 hektar kawasan tanaman padi di Negeri Terengganu . Dari jumlah keluasan ini, 5,156 hektar berada di dalam kawasan jelapang padi KETARA, manakala seluas 8,472 hektar lagi di luar kawasan jelapang dan bakinya merupakan kawasan tanah sawah terbiar. Kebanyakan kawasan padi di luar jelapang terletak di daerah Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Kemaman, Marang dan Setiu.
- 9.05 Kerajaan Negeri akan berusaha meningkatkan pengeluaran beras supaya Tahap Sara Diri (SSL) beras Negeri Terengganu sekarang sebanyak 46% meningkat kepada 85% menjelang tahun 2013.

Bagi tujuan tersebut pembangunan kawasan baru untuk tanaman padi akan dibuka seluas 1600 hektar lagi selain meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan sedia ada dan tanah sawah terbiar. Kerajaan juga akan meningkatkan lagi khidmat sokongan dan mekanisme ladang untuk menggalakkan lagi petani-petani mengusahakan tanaman padi ini.



- **Projek Pembangunan Industri Buah-Buahan.**


- 9.06 Keluasan tanaman buah-buahan utama seperti duku, dokong, durian, rambutan, cempedak dan salak di Negeri Terengganu pada tahun 2008 adalah 21,308.6 hektar. Dari jumlah tersebut didapati, hanya 30% sahaja yang mampu mengeluarkan hasil dengan baik. Ini disebabkan sebahagian besar kawasan buah-buahan ini terbiar dan tidak diuruskan dengan berkesan.
- 9.07 Teras pelaksanaan program pembangunan buah-buahan Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu 2009–2013 adalah berdasarkan kepada jenis buah-buahan yang terdapat dalam *Balance of Trade* (BOT), mempunyai prospek pasaran yang baik, dibangunkan dikawasan tanah yang telah ditentukan kesesuaiannya, mempunyai hubungan rangkaian dengan sektor lain seperti produk industri hiliran dan mengutamakan aspek kualiti dan keselamatan makanan.
- 9.08 Di bawah projek ini Kerajaan Negeri bercadang untuk memulihkan kawasan buah-buahan sedia ada (duku) serta membangunkan kawasan lain dengan tanaman berpotensi tinggi seperti tembikai, nenas, pisang, melon fertigasi, nangka dan kelapa.

Dengan adanya projek ini, adalah diharapkan ia menyumbang kepada pertambahan pengeluaran sektor buah-buahan sekaligus dapat memajukan kawasan tanah-tanah terbiar.

- 9.09 Melalui program pembangunan ini dianggarkan penambahan kepada pengeluaran buah-buahan sedia ada dijangka meningkat dari 25,633 tan (41% SSL) kepada 59,650 tan (90% SSL) menjelang 2013.
- 9.10 Bagi mencapai tujuan tersebut, ia perlu dilaksanakan secara komersil dan berkelompok untuk mempercepat dan meningkatkan pengeluaran hasil yang bermutu dan memuaskan. Pelaksanaan projek ini juga akan dapat membantu meningkatkan sumbangan ekonomi dalam sektor pertanian Negeri Terengganu untuk pasaran tempatan dan eksport.

- **Projek Pembangunan Industri Sayur-sayuran dan Tanaman Ladang.**

- 9.11 Pada tahun 2008 jabatan merekodkan 10,729.60 metrik tan pengeluaran pelbagai jenis sayur dan tanaman ladang dengan keluasan bertanam bernilai RM13,282,028. Ia menyumbang kepada SSL sayuran Negeri Terengganu sebanyak 17.6%. Keluasan tanaman sayuran dan tanaman ladang utama seperti kangkung, sawi, bendi, cili, kacang panjang, labu manis, petola segi, terung, timun, jagung dan keledak adalah 1,024 hektar telah menyumbang pengeluaran sebanyak 10,571 metrik tan dengan nilai RM13,143,328.



- 9.12 Dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT) 2009 – 2013 selain memastikan tanaman lain berjalan seperti biasa, tanaman cili, jagung, labu manis dan ubi vitato diberi tumpuan. Tanaman-tanaman ini mendapat permintaan yang tinggi pada setiap masa dan masih belum mencukupi serta mempunyai rantaian dengan sektor penternakan dan industri hiliran.
- 9.13 Teras pelaksanaan program pembangunan sayuran dan tanaman ladang adalah berdasarkan kepada jenis tanaman yang terdapat dalam '*Balance of Trade*' (BOT), mempunyai prospek pasaran yang baik, dibangunkan di kawasan tanah yang telah ditentukan kesesuaiannya serta dapat diusahakan pada sepanjang tahun, mempunyai hubungan rantaian dengan sektor lain seperti penghasilan produk industri hiliran dan mengutamakan aspek kualiti dan keselamatan makanan.
- 9.14 Melalui program pembangunan ini dianggarkan penambahan kepada pengeluaran sayuran dan tanaman ladang sedia ada dijangka meningkat dari 10,728.60 metrik tan (17.6% SSL) kepada 48,100 metrik tan (35% SSL) menjelang 2013. Bagi mencapai tujuan tersebut, ia perlu dilaksanakan secara komersil dan berkelompok untuk mempercepat dan meningkatkan pengeluaran hasil yang bermutu dan memuaskan. Pelaksanaan projek ini juga akan dapat membantu meningkatkan sumbangan ekonomi dalam sektor pertanian negeri Terengganu untuk pasaran tempatan dan eksport.

- **Program Pembangunan Industri Asas Tani.**

- 9.15 Program Pembangunan Industri Asas Tani adalah antara program yang diberi perhatian di peringkat nasional dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan RMKe-10. Program ini akan diberi penekanan kepada pembangunan produk dan teknologi pemprosesan yang berpotensi dan berdaya maju untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan seterusnya dieksport ke luar negara. Ia merangkumi pemprosesan produk berasaskan buah-buahan, produk berasaskan labu manis serta produk berasaskan ubi terutama Vitato seperti kerepek, chip, jus, jem dan produk baru yang berpotensi. Selain produk-produk berasaskan sumber pertanian tempatan tumpuan juga akan diberi kepada pembangunan produk sedia ada berpotensi terutama makanan asas seperti bakeri dan mee, makanan sejuk beku dan makanan ringan.

PEMBANGUNAN KOMODITI KELAPA SAWIT

- **Program Peningkatan Pendapatan Isi Rumah Melalui Tanaman Kelapa Sawit.**

9.17 Program ini adalah berkonsepkan penanaman kelapa sawit di sekitar kawasan kediaman peserta bagi memanfaatkan ruang tanah yang masih ada. Program tanaman sawit keliling rumah akan dilaksanakan dengan kaedah membekalkan anak sawit dan lain-lain input seperti baja kepada peserta. Program ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan isi rumah seramai 2,075 peserta dengan kadar antara RM300 hingga RM700 sebulan.

- **Program Pembasmian Kemiskinan Melalui Pembangunan Ladang Kelapa Sawit Rakyat.**

9.18 Program ini pula adalah bertujuan untuk membangunkan ladang kelapa sawit bagi pembasmian kemiskinan di kalangan rakyat Negeri Terengganu. Pembangunan Ladang Kelapa Sawit Rakyat ini adalah susulan daripada cetusan idea YAB Menteri Besar untuk memajukan kawasan tanah kerajaan seluas 20,000 hektar bagi tempoh 5 tahun yang akan datang. Statistik e-kasih sehingga 31 Mac 2008 menunjukkan seramai 6,732 orang penduduk Negeri Terengganu merupakan golongan miskin tegar. Oleh yang demikian program ini juga merupakan inisiatif berterusan Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kemiskinan ini. Dijangkakan seramai 5,000 orang dapat dikeluarkan dari kelompok miskin tegar melalui program ini dengan memperolehi pendapatan tambahan sebanyak RM750 sebulan menjelang tahun 2015.

PROGRAM KESEJAHTERAAN NELAYAN TERENGGANU MELALUI PENJANAAN EKONOMI

9.19 Terengganu sememangnya terkenal dengan aktiviti penangkapan ikan sejak dahulu lagi. Industri perikanan di negeri ini terdiri dari vesel penangkapan ikan laut dalam dan vesel-vesel kecil yang beroperasi di kawasan pesisir pantai yang kebanyakan diusahakan oleh nelayan tempatan dan pengusaha bumiputera. Namun demikian nelayan hari ini terutamanya nelayan kecil berhadapan dengan pelbagai isu terutamanya pendapatan yang kurang stabil. Ianya disebabkan oleh beberapa faktor seperti aktiviti menangkap ikan hanya dapat dilakukan secara bermusim, punca pendapatan tunggal, peningkatan kos operasi dan beberapa isu lain lagi.

- 9.20 Program Kesejahteraan Nelayan ini diperkenalkan melalui pendekatan Penjanaan Ekonomi Nelayan Negeri Terengganu. Komponen program ini dibahagi kepada tiga iaitu Penyusunan Semula Masyarakat Nelayan, Peningkatan Kemudahan Infrastruktur dan Pemasaran serta Pemuliharaan dan Pengurusan Sumber Perikanan. Setiap komponen ini mengambil kira aspek pembangunan fizikal dan bukan fizikal dengan merangkumi semua peringkat rantaian pengeluaran, termasuk aktiviti hulu dan hiliran.

INDUSTRI TERNAKAN KAMBING TERENGGANU

- **Program Mikro Kaprima**

- 9.21 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu telah mula memperkenalkan Skim Mikro Kaprima pada awal tahun 2008, ekoran kenaikan harga makanan kambing. Sebagai permulaan sebanyak 20 projek telah dilaksanakan. Kaedah perternakan Mikro Kaprima hanya memerlukan kawasan yang keluasanya sekitar $\frac{1}{4}$ ekar sahaja dengan projek dijalankan berhampiran dengan rumah peserta dan penternakan adalah secara berkurung. Makanan utama kambing untuk skim ini adalah terdiri daripada rumput yang ditanam dan dedaun kayu yang berhampiran seperti sisik puyu, balik angin, daun baru, leban dan sebagainya.
- 9.22 Melalui skim ini, para penternak akan dibekalkan dengan satu pakej penternakan kambing yang terdiri daripada 10 ekor kambing betina Jamnapari dengan 1 ekor baka jantan Jamnapari yang diberikan secara pawah. Selain itu, penternak juga dibekalkan dengan sebuah bangsal, peralatan memotong dan tanaman rumput foder.
- 9.23 Skim ini bertujuan meningkatkan pendapatan penternak sekitar RM700.00 sebulan, selain daripada dapat meningkatkan pengeluaran daging kambing secara penternakan kos berekonomi. Pendapatan dapat diperolehi daripada jualan anak kambing muda (sekitar 8 bulan) dan jualan baja (separuh proses).



- **Program Galakan Usahawan**

- 9.24 Program ini diwujudkan bagi memberi galakan kepada usahawan menyertai usaha penternakan kambing secara komersil di Terengganu disamping mengalakkan dan meningkatkan penyertaan usahawan korporat.
- 9.25 Bagi melaksanakan program, peruntukan akan disalurkan terus kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu dan sebahagiannya akan disalurkan melalui Agro Bank sebagai pinjaman mudah kepada para usahawan yang ingin melabur dalam industri ternakan kambing. Melalui skim pinjaman ini, pengusaha akan diberikan pinjaman samada tanpa faedah atau pun mengikut Skim Al-Mudharabah. Skim ini pernah dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedikit masa dahulu yang dikenali sebagai Skim Kemudahan Kredit (SKK). Prosedur untuk mendapatkan pinjaman sama seperti pinjaman lain yang dikendalikan oleh pihak bank, samada memerlukan penjamin atau cagaran. Setiap pemohon pinjaman mestilah mendapat sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu

- **Program Pembangunan Insan**

- 9.26 Kekangan utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan projek perternakan ialah kekurangan ilmu dan kemahiran yang ketara di kalangan pengusaha ternakan dan juga kakitangan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri merasakan program ini perlu dilaksanakan untuk mewujudkan para pengusaha dan kakitangan yang berilmu, berkemahiran serta profesional di dalam bidang masing-masing.

Bidang latihan yang akan diberikan tumpuan termasuklah bidang-bidang teknikal, ekonomi perladangan dan juga amalan penternakan yang baik (GAHP).

- **Program Pemprosesan Baja Organik.**

9.27 Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan penternak, usaha yang bersepadu perlu dijalankan. Program tambah nilai sumber (TNS) perlu diberi penekanan yang serius. Dalam konteks perternakan kambing, pengeluaran baja organik merupakan salah satu industri hiliran yang perlu diketengahkan. Industri ini mampu memberi pendapatan lumayan kepada pengusaha. Menyedari hakikat ini, Kerajaan akan berusaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan bantuan input kepada pengusaha memandangkan industri ini baru diperkenalkan dan memerlukan sokongan yang berterusan.

- **Program Pengeluaran Produk Berasaskan Kulit.**

9.28 Perusahaan produk berasaskan kulit sudah lama berkembang. Menyedari akan kepentingan bidang ini maka Kerajaan Negeri melalui Jabatan Veterinar Terengganu (JPVNT) mengorak langkah untuk memajukan bidang ini. Usaha ini juga dilihat sebagai suatu tuntutan Fardhu Kifayah kerana umum mengetahui bahawa terdapat banyak produk yang berasaskan kulit tidak halal disisi Islam. Sebagai permulaan JPVNT dengan kerjasama pihak swasta akan membawa masuk kulit kambing yang siap diproses dari Indonesia. Kulit kambing tersebut akan diproses untuk dijadikan pakaian seperti jaket, kasut, dompet dan barangan cenderahati. Bagi tujuan ini, sebuah bengkel jahitan yang lengkap dengan asrama akan dibina. Bagi jangka masa panjang, kulit kambing tempatan akan digunakan sebagai sumber bahan mentah utama untuk projek ini. Program ini akan memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 50 orang yang terdiri daripada ibu tunggal, disamping mewujudkan usahawan produk berasaskan kulit kambing dan sekaligus akan memberikan pendapatan tambahan kepada penternak.

- **Program Perkhidmatan Sokongan.**

9.29 Dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan “Pertanian Adalah Perniagaan” pengembelian semua faktor pengeluaran akan dilaksanakan. Penggunaan jentera yang sesuai adalah perlu bagi merencanakan lagi pertumbuhan industri ternakan khususnya kambing. Begitu juga dengan penggunaan bahan ubatan dan penggunaan makanan tambahan akan memberikan kesan positif terhadap pembangunan ternakan kambing.

Untuk menjayakan program ini beberapa komponen penting seperti kawasan berumput, perumahan, makanan tambahan, ubatan, vitamin dan galian perlu disediakan dengan secukupnya.

PEMBANGUNAN KENAF NEGERI TERENGGANU

9.30 Industri tembakau mengalami perubahan yang drastik dengan pelaksanaan 'Asean Free Trade Area' (AFTA) dan Dasar "Tak Nak" rokok. Pengeluaran tembakau tempatan mengalami kemerosotan ekoran tekanan pasaran terbuka. Pengusaha-pengusaha tembakau mengalami pengurangan pendapatan akibat situasi ini. Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara (LKTN) sedang menjalankan pembangunan tanaman alternatif baru bagi mengimbangi tanaman ini. Di antara tanaman alternatif baru yang dikenalpasti adalah kenaf. Bermula pada tahun 2000 melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah mengenalpasti tanaman kenaf sebagai sumber pertumbuhan baru.



9.31 Kenaf (*Hibiscus Cannabinus*L.) dalam famili Hisbicus ialah sejenis pokok berserat bukan berkayu berasal dari Afrika. Pada masa ini, terdapat minat yang mendadak terhadap tanaman kenaf di Malaysia kerana ia merupakan tanaman jangka pendek yang mempunyai nilai tinggi serta banyak kegunaan. Serat daripada batang kenaf boleh digunakan untuk membuat kertas berkualiti tinggi thermoplastic dan *Orientated MDF Boards*.

- 9.32 Serat kenaf juga gentian untuk *fiber glass* dan lain-lain serat sentatik dan mempunyai daya penyerapan yang tinggi dalam industri petroleum dan kimia. Kerajaan Negeri akan turut memainkan peranan bagi membangunkan tanaman kenaf ini sebagai salah satu sumber pendapatan baru kepada petani-petani.

V. PENUTUP

- 9.33 Sektor pertanian dan asas tani telah dikenal pasti sebagai sektor yang perlu diberi rangsangan khusus didalam menangani kemelut ekonomi. Sektor ini juga berfungsi sebagai sumber penjanaan ekonomi negeri yang baru selepas kebergantungan kepada sektor minyak dan gas dikurangkan. Sektor ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana ia dapat mengurangkan import negara disamping menjamin keselamatan negara. Peningkatan kemahiran dan ilmu dalam bidang bioteknologi dan penerokaan kepada teknologi baru akan meningkatkan kualiti pengeluaran hasil pertanian. Dijangkakan setiap cabang subsektor tanaman, ternakan dan perikanan akan mengalami perubahan dari segi teknologi-bio dengan kerjasama pakar universiti dan agensi-agensi penyelidikan dalam serta luar negeri.
- 9.34 Hasrat kerajaan menjadikan Terengganu sebagai 'Gedung Makanan' perlulah disambut baik oleh semua yang terlibat di dalam sektor ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memberi penekanan dalam melaksanakan semua projek/program pertanian di Terengganu. Program yang dirancang akan merangkumi semua rantaian yang terlibat supaya pembangunannya nanti akan memberi impak yang lebih ketara terutama dalam aspek pemasaran.

BAB 10
PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN DAN
ALAM SEKITAR

I. PENDAHULUAN

- 10.01 Agenda utama pembangunan Sektor Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar di Terengganu adalah menjadikan Negeri Terengganu sebagai hub pelaburan utama di Pantai Timur di samping mengekalkan kualiti alam sekitar negeri ini. Sehubungan dengan itu, setiap perancangan pembangunan projek-projek industri dipastikan supaya mengambil kira kesan secara langsung atau tidak langsung kepada alam sekitar. Dalam senario pembangunan industri semasa, tidak dapat dinafikan masih banyak lagi yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi mutu dan taraf hidup rakyat Negeri Terengganu.
- 10.02 Walaupun Kerajaan Negeri meletakkan usaha yang gigih dalam pembangunan industri di Terengganu, namun Kerajaan Negeri tidak pernah mengetepikan aspek pembangunan alam sekitar negeri ini. Dalam memastikan pembangunan industri selari dengan pembangunan alam sekitar, Kerajaan Negeri melihat terdapat cabaran utama yang perlu ditangani, seperti berhubung pertembungan antara keperluan pengekalan sumber alam sekitar dengan penggunaan sumber alam sekitar sebagai penjana pendapatan penduduk setempat. Oleh itu, bagi memastikan cabaran ini diuruskan dengan sebaik mungkin, strategi yang sesuai akan dirangka supaya konflik ini akan ditangani tanpa mengabaikan kepentingan mana – mana pihak.
- 10.03 Cabaran-cabaran di dalam pembangunan industri dan alam sekitar ini akan menjadi antara fokus utama Kerajaan Negeri dalam HPNT 2009 – 2013 bagi memastikan segala perancangan Pembangunan Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu dapat dilaksanakan secara sistematik bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

II. MATLAMAT

- 10.04 Pelan lima tahun ini adalah kerangka kesinambungan halacara-halacara dalam Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT). Cadangan-cadangan dalam Pelan ini akan direalisasikan sepanjang lima tahun meliputi tahun 2009 hingga 2013.

Dengan kaedah '*flowing plan*' yang diguna pakai dalam melaksanakan pelan ini, maka dari semasa ke semasa penyesuaian mengikut kehendak semasa dan setempat akan dilakukan. Secara khususnya pelan ini dijangka akan mempercepatkan proses perindustrian negeri ke halatuju yang telah ditetapkan seterusnya dapat mengekalkan keseimbangan pembangunan tanpa mengganggu ekosistem semulajadi alam.

10.05 Matlamat yang disasarkan bagi agenda Pembangunan Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu dalam HPNT 2009 – 2013 ini adalah untuk memantapkan projek dan program bagi menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri pilihan utama pelabur dalam pembangunan industri dan perdagangan dengan mengekalkan kualiti alam sekitar.

10.06 Selain daripada itu, beberapa matlamat sektor perindustrian juga telah dirangka bagi mempercepatkan proses perindustrian negeri sebagaimana berikut:

- Sektor industri sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri dengan rangsangan daripada sektor perkilangan berasaskan IKS dan sektor perkhidmatan berteraskan subsektor perdagangan dan pelancongan;
- Kemunculan industri-industri khusus yang mempunyai kelebihan perbandingan dan kelebihan persaingan di Terengganu seperti petrokimia dan granit;
- Menembusi pasaran antarabangsa yang lebih luas;
- Menyediakan sekurang-kurangnya 25,000 peluang-peluang kepada gunatenaga dan pengwujudan usahawan-usahawan tempatan memajukan tahap pekerjaan dan peluang pekerjaan masing-masing melalui insentif-insentif dan dasar-dasar Kerajaan Negeri;
- Meningkatkan sumbangan sektor industri kepada KDNK dari 19% kepada 25%;
- Memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk menambah pendapatan dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup;
- Mewujudkan pengkalan tenaga kerja dan usahawan yang berkemahiran dan berpengetahuan seiring dengan permintaan dan penawaran pekerjaan dan keusahawanan setempat dan semasa;

III. STRATEGI

10.07 Bagi memastikan matlamat berikut dapat dicapai, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi untuk pelaksanaan HPNT 2009 – 2013:

- Mewujud dan membangunkan kawasan industri baru.
- Menyediakan pakej insentif yang menyeluruh dan kompetitif untuk pelabur melabur di negeri ini dengan menyediakan aktiviti promosi secara lebih aktif dan berkonsepkan antarabangsa.
- Memperhebatkan peranan Pusat Pelaburan Strategik (OSC) dalam meningkatkan Pelaburan Asing (FDI).
- Menyediakan satu pakej insentif yang boleh bertindak sebagai pelengkap kepada pakej insentif MIDA/ECERDC.
- Menjalankan aktiviti promosi yang lebih menyeluruh dan berkonsepkan antarabangsa.
- Menaiktaraf infrastruktur yang sempurna dan menepati kehendak keperluan pembangunan industri.
- Mencari beberapa '*Anchor Company*'.
Mematuhi prosedur perancangan fizikal bagi aktiviti dan memastikan pembangunan di sesebuah kawasan tidak melebihi '*Carrying Capacity*'.
- Meningkatkan program/kempen kesedaran awam bagi semua lapisan masyarakat dan menggunakan institusi pendidikan sebagai instrumen pemeliharaan alam sekitar.
- Memastikan kawasan hutan melebihi 40% daripada keluasan tanah negeri bagi menjamin kestabilan alam sekitar, pemeliharaan kepelbagaian hayat dan pembangunan mampan.
- Memelihara alam sekitar bagi pulau-pulau, taman laut, tasik dan *wetland* di Negeri Terengganu dengan memperkenalkan pengurusan secara mampan.
- Mengekal dan menguruskan kawasan '*wetland*' secara mampan.
- Memperkasakan institusi negeri bagi kawalan alam sekitar, memperkukuhkan '*taskforce*' dengan meningkatkan jaringan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan. Meningkatkan pemantauan bersepadu melalui udara, laut dan darat dan memperkasa penguatkuasaan, undang-undang dan peraturan.

IV. PROGRAM/PROJEK

Membangunkan Zon Industri tertentu dan melengkapkan infrastruktur.

- 10.08 Pembangunan kawasan industri di negeri ini merangkumi seluruh kawasan yang dilihat berpotensi untuk menarik lebih ramai pelabur dari dalam dan luar negeri. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk membangunkan kawasan-kawasan perindustrian sebagaimana pelan yang telah dirangka dalam lima tahun ini termasuklah menambahbaik dan menaiktaraf kawasan perindustrian utama di bawah pelan ECER dan membangunkan elektrik dan elektronik serta industri berasaskan kayu.

Kertih Polimer Park Fasa 3 Seluas 250 Hektar

- 10.09 Pembangunan projek ini dapat mewujudkan kawasan perindustrian yang berasaskan polimer yang lebih mampan. Projek pembangunan fasa 3 ini merupakan kesinambungan kepada fasa 1 dan 2 yang sudah dijalankan sebelumnya. Keluasan kawasan yang terlibat untuk pembangunan bagi fasa 3 ialah sebanyak 250 hektar.
- 10.10 Projek ini dibangunkan supaya dapat menjamin peningkatan pelaburan polimer iaitu sebanyak RM2 billion. Selain itu, projek ini juga dapat menjamin peningkatan peluang pekerjaan dalam industri polimer sebanyak lebih kurang 10,500 pekerja.

Lapangan Terbang Sultan Mahmud Diberi Status "Free Zone" Seluas 50 Hektar

- 10.11 Projek Zon Perdagangan Bebas Lapangan Terbang Sultan Mahmud adalah bertujuan untuk membangunkan kawasan zon bebas berhampiran dengan Lapangan Terbang Sultan Mahmud sebagai pusat tarikan bagi industri pembuatan. Selain itu, pembangunan projek ini turut dapat mempromosikan Terengganu sebagai pintu masuk kargo udara bagi Koridor Wilayah Pantai Timur (ECER).



- 10.12 Zon berkenaan dibina untuk menempatkan pelbagai kemudahan kargo udara termasuk keperluan teknologi dan komunikasi maklumat untuk kegunaan perniagaan. Selain itu, kewujudan zon tersebut adalah satu usaha untuk mempromosikan Terengganu sebagai pintu masuk utama sektor perdagangan ke Pantai Timur. Keluasan kawasan yang terlibat untuk Cadangan Projek Zon Perdagangan Bebas Lapangan Terbang Sultan Mahmud ialah sebanyak 50 hektar.
- 10.13 Projek ini dijangka dapat menggalakkan perdagangan entrepot dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport. Selain itu, projek ini dijangka dapat menjamin peningkatan pelaburan dalam industri zon bebas perdagangan iaitu sebanyak RM228 juta. Projek ini juga dapat menjamin peningkatan peluang pekerjaan dalam industri Zon Bebas Perdagangan iaitu sebanyak kira-kira 2000 pekerja.
- 10.14 Projek ini dapat memberi satu lagi kemudahan pengangkutan udara khususnya bagi Terengganu dan negeri-negeri di Pantai Timur.

Membangunkan Kawasan Industri Teluk Kalong Sebagai Taman Industri Berat Seluas 500 Hektar Di Bawah ECER

- 10.15 Kawasan Perindustrian Teluk Kalong telah mula dibangunkan pada tahun 1997 terletak dalam kawasan Majlis Perbandaran Kemaman. Kawasan ini terletak kira-kira 4 km daripada bandar Chukai, Kemaman dan bersebelahan dengan Pelabuhan Kemaman.

- 10.16 Keseluruhan Kawasan Perindustrian Teluk Kalong adalah seluas kira-kira 1200 hektar. Kedudukannya yang strategik menjadikannya sebagai salah satu kawasan industri yang terbesar di Pantai Timur. Dengan adanya kemudahan sokongan seperti pelabuhan, sumber air yang banyak, sumber gas, dan elektrik menjadikan kawasan ini sebagai salah satu kawasan industri premier.
- 10.17 Projek Taman Industri Berat ini dijangka dapat membangunkan industri berat dan industri berkaitan berkonsepkan kluster di Kemaman melalui model pembangunan '*plug and play*'. Keluasan kawasan yang terlibat untuk pembangunan Taman Industri Berat ialah sebanyak 500 hektar.
- 10.18 Projek ini dijangka dapat meningkatkan pelaburan dalam bidang perindustrian dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Mewujudkan kawasan industri elektrik dan elektronik di Gong Badak seluas 10 Hektar.

- 10.19 Pada masa ini, industri elektronik Malaysia berjaya membina keupayaan dan kemahiran yang signifikan bagi mengeluarkan rangkaian meluas peranti semikonduktor, barangan elektronik pengguna lebih canggih dan produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- 10.20 Cadangan mewujudkan Kawasan Industri Elektrik dan Elektronik di Kawasan Perindustrian Gong Badak ini, dilihat bakal menjana ekonomi Negeri Terengganu sekaligus menjadi industri sokongan kepada industri-industri lain.
- 10.21 Pembinaan Kilang e-Book di Kawasan Perindustrian Gong Badak seluas kira-kira 2.47 hektar merupakan usaha permulaan Kerajaan Negeri untuk memajukan industri elektrik dan elektronik di negeri ini. Kilang ini merupakan kilang pemasangan komputer riba yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah Tahun 5 dan 6. Kilang ini adalah dibawah seliaan Top IT Industries Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dilantik oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Kilang e-Book ini dianggarkan dapat mengeluarkan sebanyak 10,000 unit komputer riba sebulan.



- 10.22 Selain daripada itu, pembinaan kilang e-Book ini dilihat sebagai sokongan kepada Pusat ICT Terengganu yang bakal dibina di Kawasan Perindustrian Batu Rakit kelak. Projek ini dilihat dapat mengembangkan lagi industri elektrik dan elektronik di Terengganu dan bakal membina keupayaan dan kemahiran yang signifikan bagi mengeluarkan rangkaian meluas peranti semikonduktor, barangan elektronik pengguna lebih canggih dan produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menaiktaraf kawasan industri berasaskan kayu di Al-Muktafi Billah Shah seluas 200 Hektar.

- 10.23 Pembangunan industri berasaskan kayu di negeri ini akan ditumpukan pada kegiatan hiliran kelompok kayu getah memandangkan faedah ekonominya yang besar dan juga daya maju industri itu sendiri.
- 10.24 Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan memperuntukkan kawasan tanah yang mencukupi bagi membekalkan sumber kayu yang sesuai. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga bakal menyediakan infrastruktur yang sesuai di kawasan tersebut.
- 10.25 Usaha menaiktaraf ini adalah untuk menjadikan semula kawasan ini kawasan tumpuan para pelabur dan pengeluar kayu getah utama di Negeri Terengganu.

- 10.26 Projek ini juga adalah selaras dengan pembangunan Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang ingin menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pengeluar perabot berasaskan kayu getah di negeri ini.



- 10.27 Selain mendirikan kilang-kilang perabot di kawasan ini, tumpuan Pelan Induk ECER ini juga adalah untuk membina pusat reka bentuk serta kemudahan piawaian dan ujian. Pembangunan ini bakal menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada kira-kira 13,000 orang pekerja mahir.
- 10.28 KETENGAH bakal mengkaji semula tanaman pokok-pokok getah dan kayuan lain untuk dijadikan bekalan bahan mentah kepada para pengilang di kawasan tersebut.

Mewujudkan dan membangunkan kawasan industri baru.

- 10.29 Di bawah projek ini, Kerajaan Negeri sedang melihat dan mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi bagi menjadikan kawasan perindustrian baru. Di bawah projek ini, Kerajaan Negeri sedang mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi bagi menjadikan kawasan perindustrian baru. Perancangan ini amat perlu memandangkan kawasan perindustrian yang sedia ada kini amat terhad dan tidak cukup untuk menampung lebih banyak pembangunan pada masa depan. Projek ini termasuklah:

Membangunkan Kawasan Industri Ringan (IKS) Berhampiran Dengan Jajaran Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa 2

- 10.30 Keseluruhan projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) Fasa 2 dari Jabor, Pahang ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu dijangka siap Disember 2011 dan akan dibuka kepada pengguna pada awal tahun 2012. LPT Fasa 2 itu adalah kesinambungan LPT Fasa 1 dari Karak ke Kuantan sepanjang 169 kilometer yang dibuka kepada pengguna pada 2004.
- 10.31 Laluan LPT Fasa 2 ini akan melalui kawasan-kawasan seperti Gemuruh, Telemung, Ajil, Cheneh, Bukit Besi, Dungun, Kijal dan Chukai ini dilihat dapat memberi peluang kepada pencarian kawasan-kawasan perindustrian baru memandangkan kawasan berhampiran jajaran LPT Fasa 2 ini bakal menjadi laluan utama untuk ke Terengganu.
- 10.32 Kini, Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mencari kawasan yang berpotensi dijadikan kawasan perindustrian baru bagi membangunkannya sebagai kawasan Industri Ringan (IKS). Pada masa ini, kawasan yang dilihat dapat membuka peluang kepada para pelabur adalah Kawasan Perindustrian Mak Lagam, Kemaman. Kawasan ini terletak berhampiran dengan pembinaan LPT Fasa 2 ini.

Mewujudkan Kawasan Perindustrian Perkapalan di Pulau Kucing, Kemaman.

- 10.33 Pembangunan Kawasan Pulau Kucing, Kemaman bertujuan untuk membangunkan industri pembinaan dan pembaikan bot serta industri berkaitan berkonsepkan kluster di Chukai melalui model pembangunan '*plug and play*'. Keluasan kawasan yang terlibat untuk Cadangan Pembangunan Kawasan Pulau Kucing sebagai Kawasan Industri Perkapalan ialah kira-kira 60 hektar.
- 10.34 Projek ini dibangunkan supaya dapat menjamin peningkatan pelaburan dalam industri pembinaan dan pembaikan bot. Projek ini juga dijangka dapat meningkatkan pelaburan dalam bidang perindustrian dan meningkatkan peluang pekerjaan di dalam sektor yang berkaitan.

Menyediakan Satu Pakej Insentif Dan Menjalankan Aktiviti Promosi

- 10.35 Dalam usaha Kerajaan Negeri menjadikan sektor industri sebagai pemacu utama pembangunan ekonomi bagi Negeri Terengganu, kemudahan insentif sedia ada perlu dikaji semula bagi menjadikan Terengganu sebagai sebuah negeri yang kompetitif di Pantai Timur. Selain menyediakan prasarana yang kondusif di tapak perindustrian sedia ada, pakej insentif ini akan dijadikan sebagai alat promosi bagi menarik pelabur-pelabur sama ada dari dalam atau luar negeri bagi memulakan operasi di Terengganu. Pakej insentif ini juga bertujuan untuk mengurangkan kos permulaan seterusnya meringankan beban di peringkat awal operasi, khasnya kepada golongan usahawan IKS.
- 10.36 Pakej insentif ini juga diperkenalkan bagi mengelak spekulasi dan memastikan pelabur tidak mengambil peluang di atas tawaran diskaun harga tanah yang diluluskan seperti yang telah berlaku di beberapa kawasan perindustrian sebelum ini yang menyebabkan perancangan membangunkan kawasan berkenaan terjejas serta terbantut. Kerajaan Negeri telah menawarkan beberapa insentif kepada para pelabur di kawasan-kawasan perindustrian di negeri ini bagi menggalakkan kemasukan pelabur. Selain daripada insentif Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat iaitu MIDA dan ECER turut menawarkan insentif yang menarik kepada para pelabur untuk menjalankan projek di Terengganu.



10.37 Antara program promosi yang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri ialah sebagaimana berikut:

- a) Misi Galakan Pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA/MATRADE.
- b) Pengiklanan.
 - Pengiklanan '*billboard*' di Kuala Lumpur, Johor atau Penang.
 - Pengiklanan di dalam majalah industri atau pelancongan.
 - Penulisan artikel dalam majalah atau akhbar.
 - Penerbitan dokumentari TV, video promo, brosur, pamflet ataupun lembar iklan (*flyer*).
 - Penyertaan dalam misi dagang ke luar negara dan negeri-negeri seperti Selangor, Penang dan Johor.
 - Penyertaan dalam pameran atau seminar.
 - Penganjuran seminar promosi Terengganu.
 - '*Hard selling*' terus kepada pelabur yang telah dikenalpasti.

10.38 Insentif yang ditawarkan daripada Kerajaan Negeri ialah diskaun di antara 10% hingga 50% kepada pelabur yang layak bergantung pada lokasi kawasan perindustrian, penangguhan bayaran ke atas premium tanah, bayaran premium tanah secara ansuran sehingga setahun, rebat sehingga 30% ke atas premium tanah industri kepada pelabur yang melaksanakan projek dalam tempoh yang ditetapkan, dan diskaun sehingga 50% ke atas nilai taksiran untuk tempoh maksimum tiga tahun kepada industri yang layak.

10.39 Insentif daripada Kerajaan Pusat melalui MIDA ialah pengecualian ke atas 100% cukai pendapatan untuk tempoh lima tahun pertama operasi (pioneer status), atau '*Investment Tax Allowance*' (ITA) dan '*Reinvestment Tax Allowance*', di mana pelabur boleh mendapat pengecualian cukai sehingga 100 peratus ke atas pelaburan yang dibenarkan yang dibuat dalam tempoh lima tahun dari pelaburan pertama dibuat, pengecualian cukai ke atas perbelanjaan pembinaan kemudahan infrastruktur seperti jalan, jeti, jambatan untuk tempoh lima tahun, insentif khusus untuk projek '*hi-tech*', insentif untuk R&D, insentif untuk latihan

tenaga kerja, insentif untuk projek pertanian dan pengeluaran makanan dan insentif tertentu untuk projek penghasilan barangan eksport.

- 10.40 Untuk melayakkan sesebuah syarikat menerima inisiatif tambahan daripada ECER, sesebuah syarikat itu mestilah memulakan operasi sebelum tahun 2015. Insentif ini menawarkan pengecualian cukai pendapatan selama lima hingga sepuluh tahun dari tahun syarikat mula memperoleh keuntungan, atau ITA 100% daripada perbelanjaan modal yang layak selama lima tahun bagi syarikat yang membangunkan infrastruktur bagi taman perindustrian, potongan berganda bagi perbelanjaan semasa mempromosikan taman perindustrian di seberang laut, dan pengecualian duti setem ke atas instrumen pemerolehan atau pajakan hartanah berkaitan.

Menaiktaraf Infrastruktur Yang Sempurna Bagi Menepati Kehendak Keperluan Pembangunan Industri

- 10.41 Program menaiktaraf dan menyediakan infrastruktur ini termasuklah melengkapkan kawasan perindustrian dengan jalan, longkang, elektrik dan bekalan air yang lebih sempurna. Selain daripada itu, perancangan ini juga menitikberatkan penyediaan kemudahan telekomunikasi serta '*wideband*' atau '*wireless*' internet di kawasan industri penting bagi memudahkan para pelabur berkomunikasi dengan pelanggan dalam menjalankan perniagaan.

Mencari beberapa '*Anchor Company*'

- 10.42 Dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pembangunan industri di Terengganu, Kerajaan Negeri juga telah merangka usaha untuk mencari pelabur yang amat berpotensi untuk melabur di negeri ini sekaligus mencapai matlamat yang telah dirangka dalam HPNT 2009 – 2013 ini. Di antara perancangan yang telah dilaksanakan adalah dengan mewujudkan Pusat ICT di Kawasan Perindustrian Batu Rakit. Pusat ICT ini bakal menempatkan para pelabur yang berpotensi dalam bidang ICT selain menempatkan kemudahan-kemudahan IT bagi perniagaan mereka.

Mewujudkan sebuah Pusat Pelaburan Setempat (*One-Stop Investment Center*).

10.43 Bagi memastikan pelabur yang datang ke negeri ini mendapat layanan yang sepatutnya daripada Kerajaan Negeri, usaha yang sedang giat dijalankan ialah dengan mewujudkan sebuah Pusat Pelaburan Setempat. Dengan adanya Pusat Pelaburan Setempat ini diyakini dapat mencapai matlamat dalam memberi maklumat yang tepat dan cepat kepada para pelabur yang berminat menjalankan perniagaan di negeri ini.

Kerajaan Negeri sedang mengenalpasti agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menguruskan kemasukan para pelabur ke Terengganu tidak kira pelabur tempatan atau antarabangsa.

Projek Pemeliharaan dan Pemuliharaan Persisiran Pantai

10.44 Negeri Terengganu mempunyai 244 km persisiran pantai dari Kemaman hingga ke Besut. Kawasan persisiran pantai di Terengganu merupakan kawasan tumpuan penduduk di negeri ini untuk tujuan penempatan, perikanan, rekreasi dan pelancongan.

Oleh itu, berdasarkan peranan kawasan persisiran pantai di Terengganu, usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan ini akan diberikan tumpuan sepenuhnya. Antara projek yang telah dikenalpasti dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan persisiran pantai di Terengganu adalah:

- Chendering ke Kuala Marang. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Pasir Jong, Pulau Perhentian. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Batu Pelanduk, Dungun. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Benting Lintang, Besut. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Teluk Bayu, Besut. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Seberang Takir Ke Mengabang Panjang, Kuala Terengganu. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Tanjung Seberang Marang Ke Kampung Kelulut, Marang. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Teluk Lipat, Dungun. Projek Pencegahan Hakisan Pantai
- Pantai Dataran Kuala Besut, Besut. Projek Menaiktaraf Struktur Hakisan

- Projek Menaiktaraf Struktur Hakisan Pantai di Tebing Kiri Muara Sungai Besut, Besut.



10.45 Melalui pelaksanaan projek-projek pemeliharaan dan pemuliharaan persisiran pantai ini, Kerajaan Negeri berharap kawasan persisiran pantai di Terengganu akan terus selamat sebagai destinasi penempatan, perikanan, rekreasi dan pelancongan Terengganu.

Program Pembersihan Dasar Laut Di Pulau-Pulau Utama Dalam Taman Laut Terengganu

10.46 Negeri Terengganu terkenal dengan keindahan terumbu batu karang terutamanya di pulau-pulau seperti Pulau Redang, Perhentian dan Kapas. Tarikan ini menjadi faktor utama pulau-pulau ini menjadi destinasi pelancongan utama di Terengganu.

10.47 Sehubungan dengan itu, usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan terumbu batu karang melalui program pembersihan dasar laut akan turut diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri dalam HPNT 2009 – 2013. Objektif pelaksanaan program ini adalah bagi memastikan sampah-sarap yang berpunca daripada sisa aktiviti pelancongan dan domestik yang memberi ancaman kepada kelangsungan kehidupan terumbu karang akan dibersihkan secara berkala melalui penglibatan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan penduduk setempat sendiri termasuk pengusaha chalet dan resort.



10.48 Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan turut menyelitkan program kesedaran yang bertujuan meningkatkan kesedaran penduduk setempat di pulau-pulau tentang kepentingan terumbu karang ini dalam aktiviti perikanan dan pelancongan. Usaha ini akan menjadi langkah penting dalam memastikan pulau-pulau di Taman Laut Terengganu akan berterusan menjadi destinasi pelancongan utama baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.



Permantapan Penguatkuasaan di Taman Laut Terengganu dan Taman Negara Terengganu

- 10.49 Penguatkuasaan yang berkesan merupakan nadi utama dalam memastikan segala peraturan dan undang-undang yang digubal dapat mencapai segala matlamat dan tujuan pengubalan. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri akan mempermantap penguatkuasaan di kawasan tumpuan utama iaitu di Taman Laut Terengganu dan di Taman Negara Terengganu.
- 10.50 Sempena HPNT 2009 – 2013, kelengkapan dan jentera penguatkuasaan seperti bot peronda serbaguna dan utiliti, alat navigasi, kelengkapan menyelam yang lengkap, binokular visi malam, *GPS*, generator mudah alih dan lain-lain kelengkapan canggih akan dibekalkan kepada Jabatan Taman Laut bagi mempertingkatkan kapasiti dan kemampuan penguatkuasaan di Taman Laut Terengganu.
- 10.51 Bagi Taman Negara Terengganu pula, pos-pos kawalan akan dibina di samping pemasangan CCTV di lokasi-lokasi strategik, penandaan sempadan, penyediaan kenderaan darat dan penambahan bot-bot termasuk menambahbaik kelengkapan telekomunikasi yang ada dalam meningkatkan penguatkuasaan di kawasan ini.
- 10.52 Langkah-langkah ini akan membantu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penguatkuasaan di Taman Laut Terengganu dan Taman Negara Terengganu dalam melindungi kemandirian biodiversiti marin dan teresterial di negeri ini. Ini seterusnya akan memastikan peranan biodiversiti marin dan teresterial ini dalam keseimbangan ekosistem tidak terjejas di samping berperanan sebagai tarikan ekopelancongan di Terengganu.

Pembangunan Pusat Herba dan Ladang Karas

- 10.53 Bagi mengoptimumkan alam semulajadi yang mempunyai nilai komersial yang tinggi, Kerajaan Negeri akan membangunkan Pusat Herba dan Ladang Karas dalam HPNT 2009 – 2013. Selain bertujuan komersial, projek ini akan menjadi satu sumber penjana pendapatan rakyat di negeri ini. Beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai pemangkin kejayaan Projek Ladang Karas ini iaitu:

- Keadaan cuaca.
Pokok Karas boleh tumbuh pada ketinggian 750 meter dari aras laut dengan suhunya antara 28 °C hingga 34 °C. Kelembapan pula antara 60 peratus hingga 80%. Sementara curahan hujan pula adalah antara 1,000 hingga 2,000 mm/tahun.
- Kadar pertumbuhan.
Sumarna (2002) telah melaporkan kadar pertumbuhan spesies *Aquilaria malaccensis* di Indonesia ialah 1.64 sm/tahun manakala Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah merekodkan ketinggian sehingga 2.54m bagi spesies yang sama selepas 2 tahun ianya ditanam.
- Peratus kehidupan yang tinggi.
Peratus kehidupan yang telah direkodkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu selepas 3 bulan ditanam daripada sejumlah 39,500 anak pokok adalah 83%.
- Umur pokok matang yang pendek boleh menghasilkan gaharu secara proses inokulen.
Gaharu boleh dihasilkan melalui proses inokulen selepas beberapa tahun ditanam. Di Indonesia proses inokulen dimulakan seawal usia pokok 5 tahun dan mendapatkan hasil gaharu selepas 10 tahun ditanam (Sumarna, 2002).
- Kaedah penanaman yang mudah.
Kaedah penanaman boleh dilaksanakan dengan beberapa cara antaranya secara monokultur dengan jarak tanaman yang sesuai iaitu 3m x 3m dengan jumlah pokok sebanyak 1,000 hingga 1,300 pokok per hektar atau boleh menggunakan jarak 2m x 3m dengan jumlah anak pokok yang ditanam boleh mencapai sehingga 1,600 pokok sehektar. Kawasan-kawasan yang dianggap miskin serta terosot boleh ditanam dengan pokok karas. Tanaman secara selang juga boleh diamalkan di bawah pokok-pokok lain yang berumur antara 5 hingga 8 tahun seperti di ladang kelapa sawit atau ladang kopi (Sumarna, 2002).
- Harga pasaran gaharu yang tinggi
Harga pasaran gaharu adalah tinggi terutamanya di Arab Saudi, Hong Kong, Jepun, Vietnam, Mesir dan lain-lain negara untuk penghasilan minyak wangi dan nilai-nilai perubatan yang tinggi.

Harga gaharu di pasaran ada dikatakan boleh mencapai RM 8,000/kg hingga RM 10,000/kg.

- 10.54 Melalui penubuhan Taman Herba, pokok-pokok herba yang bernilai tinggi seperti Tongkat Ali, Misai Kucing, Aji Samad, Kacip Fatimah, Pegaga dan pelbagai spesies herba lain akan ditanam setempat sebelum diproses menjadi produk-produk kesihatan yang sememangnya bernilai tinggi di pasaran dan sentiasa mendapat permintaan yang menggalakkan.
- 10.55 Penubuhan Ladang Karas pula bermatlamat menjadikan Terengganu antara pengeluar minyak gaharu. Bagi merealisasikan hasrat ini, sebuah pusat pemprosesan minyak gaharu akan turut dibina sebagai kesinambungan kepada Projek Ladang Karas. Pusat ini akan berperanan memproses karas kepada minyak gaharu sebelum boleh dipasarkan. Malahan, pusat ini juga akan digunakan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain, syarikat-syarikat swasta dan pengusaha-pengusaha tempatan serta individu-individu yang berminat dalam bidang ini dengan kadar bayaran yang kompetitif.

Pengukuran dan Penyelenggaraan Sempadan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

- 10.56 Sektor perhutanan memainkan peranan yang penting dalam menjana kesinambungan fungsi-fungsi ekologi dan sosioekonomi di negara kita. Hutan berfungsi membekalkan pelbagai bentuk keperluan kepada kehidupan manusia sejak dari dahulu lagi.
- 10.57 Negeri Terengganu pada tahun 2008 mempunyai keluasan hutan simpanan kekal (HSK) seluas 544,118 hektar iaitu kira-kira 42% dari keluasan negeri seluas 1,295,566 hektar.
- 10.58 Bagi tujuan pengurusan hutan secara berkekalan dengan fungsi-fungsi hutan seperti yang dinyatakan di dalam Akta Perhutanan Negara (APN) 1984, kawasan HSK perlu diwartakan. Setelah sesuatu HSK diwartakan, sempadan luar HSK perlu dikenalpasti dan ditanda sebagaimana keperluan di bawah Kaedah-Kaedah Hutan, 1986 bagi menunjukkan '*land-tenureship*' kawasan HSK tersebut.
- 10.59 Melalui pelaksanaan projek ini dalam HPNT 2009 – 2013, kawasan HSK dan kawasan perlindungan akan mempunyai tanda sempadan yang jelas bagi menjamin status dan kedudukannya dan seterusnya memudahkan pengurusan hutan secara berkekalan bagi memenuhi permintaan kepelbagaian fungsi kawasan HSK.

IT dan K-Perhutanan

- 10.60 Objektif sistem ini adalah untuk membangunkan ICT dalam Perhutanan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan, kutipan hasil hutan dan pemantauan kawalan hutan secara lebih berkesan ke arah pengurusan hutan secara berkekalan. Dua komponen utama dalam sistem ini adalah Sistem Integrasi Maklumat Perhutanan (SIMP) dan Sistem Maklumat Geografik Perhutanan (SMGP).
- 10.61 SIMP mula diperkenalkan di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu pada 15 tahun yang lepas. Ia merangkumi 3 modul iaitu Sistem Hasil, Sistem Balai dan Sistem Penandaan Pokok. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) juga telah menambahbaik sistem dengan membangunkannya secara atas talian dan dianggarkan penggunaannya di negeri ini pada tahun hadapan. Dengan penggunaan sistem ini, maklumat hasil tebaran seluruh negeri dapat dipantau dengan lebih sistematik samada dari segi meterpadu pengeluaran, royalti, ses dan sebagainya. Oleh itu pihak jabatan perlu menyediakan segala kelengkapan peralatan seperti perkakasan dan juga rangkaian samada di Pejabat Hutan Negeri mahupun di daerah-daerah.
- 10.62 SMGP telah dibangunkan pada tahun 1997 yang berperanan sebagai alat pengawalan rekod kompartmen secara lebih sistematik, pembekalan maklumat yang konsisten, tepat dan cepat di samping pengeluaran peta dan laporan secara automasi.

Unit GIS Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1999 di bawah Unit Pengurusan dan Perancangan Hutan secara khususnya menggunakan SMGP ini dalam tugas harian. Namun daripada keseluruhan lapan (8) orang pelukis pelan di ibu pejabat dan daerah, hanya dua orang telah dapat menguasai bidang GIS ini sepenuhnya. Pihak ibu pejabat JPMS juga telah memberikan latihan berkenaan SMGP kepada pegawai dan semua pelukis pelan dari semasa ke semasa. Melalui pengaplikasian sistem ini dalam pengurusan hutan di Terengganu, Kerajaan Negeri optimis bahawa keberkesanan dan kecekapan pengurusan hutan di negeri ini akan dipertingkatkan selaras dengan keperluan dan situasi semasa.

Peningkatan Kemudahan Ekopelancongan Hulu Dungun

10.63 Hutan Lipur Chemerong terletak di kompartmen 25 dan 26 Hutan Simpan Pasir Raja Dungun, merangkumi kawasan seluas 292 Hektar. Ianya terletak kira-kira 130 Kilometer dari Pusat Bandar Kuala Terengganu dan 30 Kilometer dari Bandar Al-Muktafi Billah Shah. Terdapat tiga (3) kawasan tumpuan pelancongan utama di kawasan ini iaitu:

- **Laluan Pokok Chengal Besar Di Dunia**
Pokok paling besar yang telah di rekodkan dalam *Malaysian Book Of Records* terdapat dalam Hutan Simpan Pasir Raja. Pokok tersebut ialah pokok Cengal (*Neobalanocarpus heimii*) dengan ukur lilit paras dada 1,675 sm. Laluan ke pokok tersebut boleh di majukan berpusat di hutan lipur ini. Pokok ini dipercayai berusia 900 ke 1,100 tahun. Pokok ini boleh diperkenalkan dan dibuka kepada para saintis dari seluruh dunia untuk menjalankan kajian.
- **Trek Laluan Sejarah Mat Kilau**
Trek laluan Mat Kilau ini merupakan salah satu denai hutan yang tertua dan masih digunakan sehingga kini. Denai ini ialah laluan yang digunakan oleh Pahlawan Melayu Mat Kilau daripada Ulu Tembeling Ke Pasir Raja ketika diburu oleh askar penjajah Inggeris. Sepanjang laluan ini terdapat pelbagai tumbuhan yang belum dilakukan kajian secara terperinci. Salah satu tumbuhan yang terdapat ditepi laluan ini ialah sejenis keladi yang mempunyai daun yang paling besar. Keladi ini dikenali sebagai *Allocasia Gigantus* yang dipercayai endemik di kawasan ini.
- **Puncak Gunung Mandi Angin**
Menurut cerita masyarakat tempatan kawasan puncak gunung ini sentiasa berangin. Kawasan ini merupakan tumpuan masyarakat tempatan untuk bermain angin pada masa dahulu. Ketinggian puncak Gunung Mandi Angin ini ialah 1,459 meter dari aras laut. Dari sumber pencari herba tradisional tempatan, di kawasan gunung mandi angin terdapat salah satu spesies bunga yang terbesar di dunia iaitu bunga pakma (*Rafflesia*). Puncak gunung ini juga merupakan sempadan Negeri Terengganu dan Pahang dan juga bersempadan dengan sempadan Taman Negara. Masih terdapat banyak hidupan liar yang terdapat di kawasan ini seperti gajah, seladang dan badak sumbu.

10.64 Matlamat projek ini ialah untuk membangun dan melengkapkan serta meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan sedia ada tanpa menukar keunggulan hutan asli untuk keselesaan orang ramai dan juga untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri datang berkunjung ke situ. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang membangunkan kawasan ini dengan infrastruktur yang bersesuaian sebagai persediaan untuk membolehkan kawasan ini menerima kehadiran pelancong baik dari dalam mahupun luar negeri.

Pembangunan Pusat Biodiversiti Tanah Bencah Setiu, Terengganu

10.65 Kawasan tanah bencah ini terdiri daripada beberapa pulau yang wujud secara semulajadi serta menggabungkan beberapa ekosistem lain yang unik seperti sungai, lagun, hutan paya laut, gelam dan lain- lain lagi. Kawasan Paya Laut Setiu merupakan kawasan yang didiami oleh pelbagai spesies hidupan termasuklah mamalia kecil.

10.66 Selain itu, kawasan ini juga mempunyai pelbagai jenis tumbuhan termasuklah dari spesies *Rhizophora Apiculata* dan *Avicennia Alba*. Ini menjadikan kawasan paya laut Setiu sangat produktif dan kepelbagaian biodiversitinya adalah tinggi. Di Kawasan Tanah Bencah Setiu juga terdapatnya aktiviti ternakan ikan sangkar dan ternakan kerang secara komersil yang diusahakan oleh penduduk tempatan. Terdapat juga beberapa penduduk tempatan yang menjadikan kawasan ini sebagai tempat mencari sumber rezeki dengan menangkap ikan, udang dan kepah yang banyak terdapat di kawasan ini.

10.67 Kawasan Tanah Bencah Setiu ini juga turut dipengaruhi oleh pasang surut laut China Selatan dan musim monsun timur laut. Kehadiran pokok bakau seperti *Rhizophora apiculata*, *Rhizophora mucronata*, *Avicennia sp*, *Nypa fruticans* dan lain-lain telah menarik perhatian burung yang berhijrah dan burung-burung tempatan untuk mencari makan. Sistem akar pokok dan pembentukan alur-alur sungai telah menjadikan Kawasan Tanah Bencah Setiu sebagai tempat untuk ikan-ikan muara mencari makan dan membiak. Kepelbagaian biodiversiti membolehkan Tanah Bencah Setiu ini berpotensi untuk diketengahkan sebagai antara destinasi eko pelancongan di Terengganu.

10.68 Bagi memperkembang potensi ini, Kerajaan Negeri akan membina infrastruktur-infrastruktur sokongan di *Setiu Wetland* yang merangkumi makmal penyelidikan, 'boardwalk', bilik perbincangan/seminar, tapak perkhemahan, jeti memancing,

'life museum' dan kiosk-kiosk perniagaan dalam supaya persekitaran di sini sesuai untuk tujuan pelancongan dan penyelidikan.

IV. PENUTUP

10.69 Pelaksanaan Projek/Program yang dirangka dalam HPNT 2009 – 2013 adalah bergantung kepada kerjasama dan persefahaman antara setiap agensi dan jabatan yang terlibat. Walaupun secara dasarnya setiap perancangan adalah keputusan Kerajaan Negeri, pandangan dan panduan daripada jabatan dan agensi persekutuan amat diharapkan dan ditagih bagi memastikan setiap pelaksanaan perancangan berjalan dengan sistematik dan lancar tanpa menjejaskan kepentingan mana-mana pihak. Namun, apa yang menjadi keutamaan dalam pembangunan Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar di negeri ini adalah untuk memastikan segala pembangunan yang dilaksanakan tidak menjejaskan kualiti alam sekitar.

BAB 11
INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM

I. PENDAHULUAN

- 11.01 Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu 2009 – 2013 merupakan satu Pelan Perancangan yang menggariskan dasar utama dan tumpuan pembangunan yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memacu pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang bersifat menyeluruh dan seimbang kepada rakyat Terengganu seiring dengan RMKeSepuluh 2011-2015. Kerajaan Negeri telah mengenalpasti sepuluh teras bagi merealisasikan Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu. Teras-teras ini adalah untuk melengkapkan agenda kepimpinan Kerajaan Negeri berasaskan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan.
- 11.02 Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu (HPNT) perlu dikenalpasti dan keutamaan diberikan kepada projek yang dapat menyumbang ke arah pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dan dinikmati secara terus oleh rakyat. Dalam hal ini, perancangan penyediaan prasarana perlu lebih sistematik dan memberi fokus kepada tiga (3) kriteria utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Melalui perancangan pembangunan yang sistematik, ianya dapat membantu sektor-sektor lain menyumbang kepada penjanaan pendapatan rakyat dan negeri.
- 11.05 Visi pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam ini ialah menjadikan pertumbuhan infrastruktur sebagai Pemangkin Pembangunan Negeri yang mampan. Kesungguhan untuk merealisasi misi untuk menjadikan Terengganu capaian kepada dunia luar dengan meningkatkan kualiti dalam pencapaian pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam melalui pembangunan fizikal yang mampan untuk kesejahteraan rakyat Terengganu menjadi keutamaan dan fokus setiap masa.

II. MATLAMAT

- 11.07 Matlamat dan fokus utama ialah menjadikan Terengganu sebagai capaian kepada dunia luar dengan meningkatkan kualiti dalam pencapaian pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam melalui pembangunan fizikal yang mampan untuk kesejahteraan rakyat Terengganu.

Komponen pembangunan prasarana meliputi rangkaian jalan, bekalan air, bekalan elektrik, pengangkutan awam, Lebuhraya Pantai Timur (LPT), telekomunikasi dan bangunan. Antara objektif pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam ialah :-

- Untuk meningkatkan kemudahan asas yang lebih menyeluruh dan selesa kepada rakyat Negeri Terengganu.
- Untuk membantu menjana pertumbuhan ekonomi yang lestari.
- Untuk membantu menjana pendapatan dan menambahbaik infrastruktur bagi mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar.
- Untuk meningkatkan keberkesanan kepada sistem perhubungan dan pengangkutan.

III. STRATEGI

11.08 Strategi yang diberi tumpuan dan keutamaan adalah kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang perbezaan dengan kawasan bandar supaya kualiti dan taraf hidup penduduk luar bandar dapat ditingkatkan. Fokus diberikan untuk melengkapkan pembangunan prasarana secara komprehensif, sistematik dan seimbang. Oleh kerana itu, perancangan pembangunan Negeri Terengganu perlu dikenalpasti dan keutamaan diberikan kepada projek yang dapat menyumbang ke arah pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Pembinaan infrastruktur sistem jaringan perhubungan diperluas dan ditingkatkan bagi menjana ke arah peningkatan ekonomi. Cabaran yang perlu ditangani ialah memastikan pengurusan program dan projek dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Penglibatan berkesan oleh kontraktor tempatan menyumbang tenaga guna pakar setempat.

11.09 Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu bagi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur Dan Pembangunan Negeri menggariskan **Tujuh Strategi Pembangunan** yang dikenalpasti dan keutamaan diberikan kepada projek yang dapat menyumbang ke arah pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dan dinikmati secara terus oleh rakyat.

Strategi Pembangunan Pertama

11.10 Memantapkan pembangunan infrastruktur, perhubungan dan pengangkutan untuk kemudahan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar di mana objektifnya menyokong aktiviti teras yang lain seperti Pertanian, Pelancongan, Pendidikan, IKS dan lain-lain. Projek yang dikenalpasti seperti berikut:

- Cadangan projek Jalan Luar Bandar sambungan dan baru JKR Terengganu mengikut keutamaan setiap daerah.
- Cadangan projek Jalan dan Jambatan (Persekutuan dan Negeri) JKR Terengganu mengikut keutamaan di daerah.

11.11 Antara keutamaan projek (*Flagship*) ialah:

- a. Persimpangan bertingkat di Bandaraya Kuala Terengganu :
 - Jalan Batu Buruk ke Jalan Kamaruddin dan ke Persimpangan Cabang Tiga/Kuala Berang, Kuala Terengganu. (RM 465 Juta)
 - Jalan Kemajuan ke Jambatan Sultan Mahmud. (RM 170 Juta)
 - Jambatan Sultan Mahmud ke Jalan Sultan Mohamad, Kuala Terengganu. (RM 165 Juta)
- b. Membina jalan utama dari UDM dan Taman Ilmu ke Kampung Raja di Besut
- c. Jalan Kuala Terengganu *By-Pass* Fasa 3 dan *Feeder Road*. (RM 120 Juta)
- d. Membina Jambatan kedua merentasi Sungai Terengganu. (RM 400 Juta)

11.12 Bagi mempertingkatkan lagi tahap pengangkutan awam di Negeri Terengganu, Kerajaan Pusat telah memberi suntikan bantuan kewangan sebanyak RM 112.05 Juta kepada Kerajaan Negeri melalui Pembiayaan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) untuk menaiktaraf sistem pengangkutan awam iaitu pembinaan Terminal Bersepadu di Kuala Terengganu, Terminal Baru di Dungun, Besut, Kemaman dan Marang, naiktaraf Terminal di Setiu, Pembinaan Terminal Park & Ride, Transit Point di Hulu Terengganu serta Hentian bas.

11.13 Selain itu, pembangunan yang menjadi tumpuan ialah Cadangan Bangunan Pentadbiran dan Pembangunan Kawasan Bandar, Cadangan Pembinaan Kemudahan Sukan dan pembinaan Velodrom Latihan Lumba Basikal di Kg. Balai Besar di Daerah Dungun.

Strategi Pembangunan Kedua

11.14 Mewujudkan sistem saluran yang sempurna dan terancang bagi mengatasi masalah Banjir, Sistem Saliran, Muara Sungai dan Hakisan Pantai untuk memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat. Projek yang telah dikenalpasti:

- Rancangan Tebatan Banjir. (RM 1,019 billion)
- Program Pemulihan sungai-sungai Terengganu. (RM 169.5 Juta)
- Mengorek dan Mendalamkan Kuala-kuala Sungai. (RM 573 Juta)

- Mencegah Hakisan Pantai. (RM 163 Juta)
- Sistem Saliran Bandar. (RM 185 Juta)
- Pelan Induk Saliran Bandar (RM 7 Juta)

Strategi Pembangunan Ketiga

11.15 Menambah bekalan air bersih, berkualiti dan mencukupi. Kerajaan Negeri mempunyai komitmen untuk memberi 100 peratus liputan bekalan air bersih kepada rakyat di kawasan Bandar dan Luar Bandar melalui pendekatan berikut:

- Memastikan sumber bekalan air yang mencukupi dan berkualiti dengan memulihara dan memperluas kawasan tadahan bekalan air.
- Mempertingkatkan kualiti bekalan air bersih sehingga mencapai yang terbaik di peringkat negara pada tahun 2015.
- Meningkatkan kecekapan operasi loji dan pengurangan kos kepada 20% berbanding tahun kewangan 2010.
- Mengurangkan kos pengeluaran air sebanyak 10 peratus berbanding kos pengeluaran semasa pada tahun 2010.
- Menaiktaraf sistem bekalan air di pulau-pulau peranginan terutama bagi menyediakan perkhidmatan kepada penduduk setempat dan menggalakkan industri pelancongan.
- Mengurangkan peratus kehilangan Air Tidak Terakuan (NRW) kepada 30% pada tahun 2015.

11.16 Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan peruntukan sebanyak RM82.50 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan bekalan air seluruh Negeri Terengganu pada tahun 2009. Sebanyak RM72.5 juta adalah dari sumber pinjaman pusat dan sebanyak RM10 juta adalah dari sumber langsung negeri.

Strategi Pembangunan Keempat

11.19 Mempertingkatkan Capaian Perkhidmatan Selular dan Jalur Lebar di Seluruh Negeri Terengganu untuk :

- Memastikan tahap liputan 97 peratus telefon selular di kawasan berpenduduk pada 2011.
- Memastikan kadar penetrasi isi rumah perkhidmatan Jalur lebar 50% pada 2012.
- Mengukuhkan kedudukan Negeri Terengganu sebagai hab ICT di Pantai Timur.
- Merangsang sumber pertumbuhan baru dalam sektor ICT.

- Mempercepatkan pembudayaan e-Pentadbiran dan e-Pembelajaran.
- Melaksanakan program penyediaan jaringan gentian fiber optik dan jalur lebar (broadband) khasnya di seluruh negeri.

Strategi Pembangunan Kelima

11.20 Meningkatkan Sektor Penerbangan Antarabangsa dan Pengangkutan Awam.

Objektif pelaksanaan strategi ialah untuk:

- Mempertingkatkan sektor Eksport/ Import dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.
- Mewujudkan sistem perhubungan dan pengangkutan negeri yang lebih menyeluruh dan efisien.
- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat

Strategi Pembangunan Keenam

11.22 Mengimbangi duniawi/ ukhrawi dan meningkatkan syiar Islam. Kerajaan Negeri meneruskan agenda pembinaan masjid di mana dalam tahun 2005 sehingga 2008 sebanyak 99 buah dirancang. Dari jumlah tersebut sebanyak 73 buah masjid telah dapat disiapkan, dalam pelaksanaan sebanyak 22 buah masjid dan 4 buah masjid dalam proses tender. Pembinaan masjid akan diteruskan bagi memastikan agenda Kerajaan di dalam memperkukuhkan lagi syiar islam di negeri ini. Sebanyak 26 buah masjid yang masih belum siap akan diteruskan pembinaanya. Sebanyak 14 buah masjid disasarkan dalam Fasa I dan 19 buah masjid dalam Fasa II dalam Projek Satu DUN Satu Masjid yang akan dilaksanakan mengikut keperluan. Jumlah keseluruhan masjid terkumpul ialah sebanyak 132 buah masjid. Selain itu Kerajaan Negeri akan melaksanakan pembinaan Masjid Negeri di Bukit Besar dengan kos sebanyak RM 100 Juta dengan kapasiti jemaah 10,000 orang.

Strategi Pembangunan Ketujuh

11.23 Bekalan elektrik yang mencukupi dan stabil adalah perlu bagi memastikan bekalan elektrik mencukupi untuk penduduk dan pembangunan Negeri Terengganu seterusnya memastikan tahap '*reliability*' bekalan elektrik yang tinggi setaraf dengan negeri maju yang lain. Mengambil kira penggunaan punca tenaga alternatif seperti perancangan pembinaan Empangan Hidro baru, solar (renewable energy), angin dan sebagainya.

IV. PROGRAM/PROJEK

- 11.17 Projek-projek yang diluluskan terdiri dari projek sambungan dan projek baru. Projek tersebut seperti berikut; Bekalan Air Besut Peringkat III dengan kos RM 66 juta sedang dalam pembinaan untuk meningkatkan kapasiti loji Bukit Bunga dari 61.75 juta liter sehari kepada 99.5 juta liter sehari bagi menampung kepentingan air sehingga 2015. Projek lain ialah untuk mengurangkan kadar kehilangan Air Tidak Terakuan (NRW) dengan kos sebanyak RM45.75 juta dalam RMK9 dan akan diteruskan dalam RMK10 sebanyak RM11 juta untuk '*first rolling plan*'. Sasaran kerajaan untuk mencapai 30% NRW menjelang 2015 dengan kos RM 150 Juta. Projek lain ialah naik taraf Loji Air Tepus di Dungun dengan kos sebanyak RM32.7 juta yang telah siap dijalankan bagi menampung permintaan bekalan air domestik dan industri kawasan Bukit Besi, AMBS, Jerangau dan sekitarnya.
- 11.18 Projek bekalan air bersih ke Telok Kalong dan Pasir Panjang di Pulau Redang sedang giat dijalankan dengan kos RM10.5 juta melalui pembiayai Pusat. Beberapa projek sedang dilaksanakan ialah pembangunan infrastruktur sistem paip air tangki bermenara di Bandar Baru Kijal, Kemaman melibatkan kos RM15.781 juta melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan program Sistem Agihan/Retikulasi Bekalan Air baru dengan kos RM 40 Juta melalui peruntukan Kerajaan Negeri. Projek baru yang dikenalpasti yang akan dilakukan seperti cadangan naiktaraf Loji Air Bukit Sah di Kemaman, projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara serta kajian Bekalan Air Daerah Marang.
- 11.21 Lapangan Terbang Sultan Mahmud perlu disasarkan sebagai hub bagi kargo udara di Wilayah Timur selain membuka pasaran pelancongan di peringkat serantau (antarabangsa) serta dijadikan kawasan Zon Bebas Cukai. Lapangan Terbang Kertih juga mempunyai kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan perhubungan domestik meliputi penumpang dan kargo. Meningkatkan kemudahan prasarana Pelabuhan Kemaman bagi menyokong pertumbuhan aktiviti terutama dari sektor perindustrian dan perkhidmatan serta berfungsi sebagai '*compliment*' kepada Pelabuhan Kuantan.
- 11.24 Cadangan projek antaranya ialah :
- Pembangunan Sistem Hibrid di Pulau Redang dan pulau-pulau kecil (RM 20 Juta).
 - Pembinaan Empangan Hidro kedua di Hulu Terengganu (RM 1 billion - TNB)

V. PENUTUP

- 11.25 Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam akan terus diberi penekanan kerana masih lagi perlu dari semasa ke semasa dengan keperluan pertambahan penduduk. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi penekanan kepada pembangunan kedua-dua aspek-aspek ini. Kerajaan Negeri akan menyokong usaha-usaha Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikannya dalam RMKe-Sepuluh 2011 - 2015 ini. Aspek pembangunan ini merupakan pemangkin kepada permintaan rantaian dan faedah limpahan kepada sektor-sektor lain dalam negeri. Prasarana yang lengkap sentiasa dipertingkatkan untuk memudahkan penduduk antara daerah dan bandar dapat dihubungkan. Matlamat rancangan seumpama ini adalah faedah jangka panjang untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Terengganu dan Negara.

BAB 12

AGAMA DAN PENERANGAN

I. PENDAHULUAN

- 12.01 Hala tuju pembangunan yang seimbang tanpa mengira agama dan bangsa merupakan konsep bertepatan dengan suasana dan citarasa rakyat. Ianya dapat meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang nilai dan pendekatan agama Islam seterusnya dapat menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian bagi melahirkan masyarakat Terengganu yang bertamadun tinggi dan cemerlang dalam pelbagai aspek kehidupan.
- 12.02 Kerajaan akan meneruskan dan menambah nilai program-program yang telah dilaksanakan. Agama Islam akan terus dimartabat, penghayatan dalam kehidupan bermasyarakat akan dikembangkan. Umat Islam semestinya berusaha untuk menterjemahkan ajaran Islam dalam kehidupan bermasyarakat dan menjadi umat yang hebat dan disegani.

II. MATLAMAT

- 12.03 Merealisasikan ajaran Islam dalam kehidupan ummah bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa dalam semua bidang menerusi kesedaran, kefahaman dan penghayatan nilai-nilai Islam yang syumul sekaligus memartabatkan ketinggian agama Islam.

III. STRATEGI

- 12.04 Kerajaan Negeri Terengganu begitu komited meningkatkan penghayatan nilai-nilai Islam yang merangkumi aspek fizikal dan spiritual melalui beberapa strategi yang dirangka dalam HPNT iaitu:-
- Mengatasi kepincangan masyarakat melalui pendekatan pendidikan, amalan keagamaan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap maksiat dan perkara-perkara yang melalaikan serta berpotensi mengundang berlakunya perkara yang tidak bermoral.
 - Meningkatkan ekonomi ummah melalui pembangunan harta-harta wakaf, baitulmal, dan pendekatan sistem pungutan dan agihan zakat yang efektif.

- Memartabatkan institusi masjid dan keagamaan dengan memperkasa dan mempelbagaikan peranannya dalam masyarakat.
- Meningkatkan amalan-amalan mulia seperti budaya bersih, infaq, berfikiran kreatif dan inovatif di kalangan umat Islam untuk memartabatkan Islam sebagai agama yang baik dan bukan membawa kerosakan.
- Mempertingkatkan kesedaran berzakat serta memperkasakan sistem pungutan dan agihan supaya lebih adil, cekap dan efisien.
- Memaksimumkan pembangunan harta wakaf dan baitulmal berteraskan kepentingan ummah.
- Mempertingkatkan pengimarahannya masjid dan memperkasakan institusi agama.

PROGRAM / PROJEK

Penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama

- 12.05 Selaras dengan tuntutan semasa ke arah peningkatan modal insan yang unggul, Kerajaan Negeri telah menghidupkan semula Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama sebagai penggerak secara menyeluruh seiring dengan agenda negeri 'Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan' menjadi realiti. Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri adalah sebagai jawatankuasa yang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk memantau perjalanan program yang telah dirancang di peringkat daerah seiring dengan dasar kerajaan dan tuntutan masa kini.
- 12.06 Melalui jawatankuasa ini program-program keagamaan yang dilaksanakan lebih tersusun dan berkesan kepada rakyat bagi penyelarasan program di peringkat daerah dan negeri dengan mengadakan Program Pengimarahannya Masjid yang diberikan keutamaan kepada imam, bilal dan jawatankuasa masjid yang menghadiri kursus secara berperingkat dan kemudiannya dicadangkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kerajaan Negeri juga mengadakan Multaqa Imam, Bilal dan Jawatankuasa Masjid Peringkat Negeri Terengganu bagi tujuan ini.

Program Solat Tarawih Bersama Imam-Imam daripada negara Arab Saudi dan Mesir.

- 12.07 Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Program Solat Tarawih Bersama Imam-Imam daripada negara Arab Saudi dan Mesir. Program ini akan diadakan setiap tahun sepanjang bulan Ramadhan dimana melalui program tersebut imam-imam telah menyelusuri segenap masjid-masjid di negeri ini untuk mengetuai solat Tarawih.

Kursus Kepada Pegawai Syariah

- 12.08 Dalam memperkasakan institusi kehakiman dan keagamaan di negeri ini, Kerajaan Negeri akan menghantar 10 orang pegawai syariah untuk mengikuti kursus di Institut Kehakiman Arab Saudi selama 1 ½ bulan. Program ini akan dapat memantapkan lagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di Institut Kehakiman dalam bidang berkaitan. Penghantaran ini menunjukkan keprihatinan yang tinggi kerajaan negeri kepada institusi tersebut.

Penggunaan ICT

- 12.09 Pelaksanaan program-program antara agensi agama diselaras dan dimantapkan. Penggunaan ICT dalam pentadbiran institusi agama sentiasa dipertingkatkan supaya sistem penyampaian jabatan lebih berkesan. Institusi masjid telah diperkemaskan lagi dengan membina masjid baru dan membaiki masjid yang sedia ada serta meningkatkan tahap kebersihan, pengimaran dan program-program yang boleh menarik golongan muda dan masyarakat awam ke masjid diperbanyakkan. Memperluaskan pelaksanaan Khutbah Multimedia, e-Masjid dan usaha-usaha memantapkan data dan maklumat masjid kepada orang awam.

Penyiaran Program Berunsurkan Islamik

- 12.10 Kepekaan Kerajaan Negeri ke arah penyiaran program yang berunsurkan nilai-nilai keislaman dalam memartabatkan imej Islam, jelas terbukti dengan bertambahnya penyiaran rancangan-rancangan agama seperti Kuliah Suara Masjid yang disiarkan antara Maghrib hingga Isyak dari Masjid Abidin, Kuala Terengganu dan Kuliah Tengah Hari secara langsung menerusi Terengganu FM, Kuiz dan Soal Jawab Agama, Belajar Bahasa Arab, Program Hidayah dan lain-lain program keagamaan melalui Terengganu FM.

Pertingkatkan Penguatkuasaan

- 12.11 Bagi mengurangkan gejala sosial, pelanggaran undang-undang syariah serta ajaran sesat dan gejala murtad, aspek penguatkuasaan akan terus diberi perhatian. Tindakan secara bersepadu dilaksanakan diantara agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat. Usaha ini akan diperkemaskan dengan penambahan kemudahan-kemudahan yang diperlukan disamping mempertingkatkan aktiviti operasi penguatkuasaan.

Program Pembangunan Ekonomi Islam

- 12.12 Usaha ke arah meningkatkan kutipan zakat oleh MAIDAM akan terus diperhebatkan dengan memperkenalkan melalui Kempen Kesedaran Berzakat dan memperkemaskan Sistem e- Zakat.
- 12.13 Dalam sistem ekonomi Islam, kita juga berasa bangga kerana telah berjaya menubuhkan semakin banyak Muassasah Gadaian Islam (Ar-Rahnu) di setiap daerah, dalam negeri ini. Penggabungan dua konsep syariah iaitu Ar-Rahnu dan Al-Wadiah Wad Dhamanah telah menunjukkan amalan ekonomi Islam ini diterima dan Terengganu merupakan di antara negeri yang mampu melaksanakannya.
- 12.14 Di samping menghindarkan daripada amalan riba', penubuhan ar-Rahnu ini mampu membantu mereka yang terdesak terutama golongan miskin. Dengan perkembangan yang pesat dan keperluan semasa, kita juga merancang untuk menyelaras semua institusi gadaian dengan mempraktikkan sepenuhnya konsep syariah, Ar-Rahnu dan Al-Wadiah Yad Dhamanah di negeri ini. Kita juga akan menjadikan muassasah Ar-Rahnu sebagai skim mikro kredit paling utama di Negeri Terengganu yang lebih bersifat komersial dan berdaya saing dengan lain-lain skim mikro kredit utama di Malaysia. Negeri Terengganu dijangka akan menjadi '*benchmark*' oleh intitusi pajak gadai Islam yang terunggul dan menjadi contoh kepada mana-mana negeri untuk mengamalkan sistem ekonomi Islam ini.

Memperkasakan Institut Al-Quran Terengganu (IQT)

- 12.15 Hasrat untuk mengeluarkan Al-Quran Mushaf Terengganu akan menjadi kenyataan. Dalam pada itu, kita juga berhasrat untuk melahirkan ramai qari dan qariah yang mampu mengembalikan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri yang kaya dengan qari dan qariah berkualiti suatu ketika dahulu yang berjaya mengharumkan nama negeri dan negara. IQ Terengganu juga akan meneruskan

peranan dalam menyediakan pengajian Al-Quran yang merangkumi aspek-aspek bacaan, kefahaman / tafsir, tarannum, tahfiz, kesenian bahasa, keindahan kaligrafi, keceriaan dekoratif dan banyak lagi keindahan dan mukjizat Al-Quran. IQ Terengganu diharap dapat mengembalikan kegemilangan Negeri Terengganu sebagai pusat keilmuan Islam yang berasaskan al-Quran dan melahirkan ramai ulama'-ulama' yang terkenal di zamannya. Kerajaan Negeri juga bercadang menaiktaraf semula Institut Al-Quran Terengganu di Kampus Padang Midin.

Modal Insan Yang Berkualiti

- 12.16 Kerajaan Negeri telah memberi fokus kepada program Islam dan pendidikan melalui Pameran Kegemilangan Sains dan Tamadun Islam. Program-program kemasyarakatan dan penerangan isu-isu semasa seperti mengadakan majlis-majlis ceramah dan penerangan, Program Pemimpin Bersama Rakyat, Program Bersama Media, Program Promosi Terengganu, dan Program Seranta dan Publisiti turut diadakan.
- 12.17 Kerajaan Negeri melihat perubahan sikap dan minda adalah merupakan asas terpenting kearah menuju pembangunan Negeri Terengganu. Pembangunan yang dimaksudkan adalah pembangunan seimbang di antara pembangunan infrastruktur dan minda serta rohaniah. Bagi tujuan ini, pelbagai peringkat umur diberi perhatian seperti mengadakan Seminar Peningkatan Modal Insan melibatkan guru dan penjawat awam serta Kem Perkasa Remaja melibatkan pelajar-pelajar sekolah diadakan dan Program Pengisian Kerohanian bagi umur 25 tahun ke atas.

Program-Program Kesenian Dan Kebudayaan Islam

- 12.18 Kerajaan Negeri juga mengadakan program-program kesenian dan kebudayaan Islam yang berbentuk pertandingan dan festival berzanji/nasyid, bengkel dan pertandingan penulisan khat serta pertandingan menulis cerpen, novel, pidato dan bercerita.

Program Sempena Hari dan Bulan Kebesaran Islam

- 12.19 Program-program yang melibatkan hari dan bulan kebesaran Islam sentiasa disambut meriah di peringkat negeri mahupun daerah. Program-programnya ialah Sambutan Maal Hijrah, Sambutan Maulidur Rasul s.a.w, Tilawah dan Menghafaz Al-Quran dan Ihya Ramadhan.

Program Al-Quran

- 12.20 Program-program keagamaan akan terus di perkasakan dengan melibatkan kanak-kanak tadika dan taska seperti Program Khatam Al-Quran, Hafazan Muqaddam (23 surah Lazim) dan Program Pintar al-Quran. Program-program ini dapat menanam sifat mencintai Al-Quran dikalangan anak-anak.

IV. PENUTUP

- 12.21 Jawatankuasa Agama dan Penerangan Negeri merupakan salah satu portfolio penting yang merangkumi bidang agama bahkan aspek pembangunan negeri yang menjadi asas pegangan dalam membina sebuah peradaban ummah yang bakal mencorakkan survival umat manusia sejagat ke arah kesejahteraan pembangunan. Adalah menjadi harapan supaya semua program yang berkaitan dengan Agama dan Penerangan akan menjadi pemangkin kepada aspirasi kerajaan bagi merealisasikan agenda Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan Negeri Terengganu.

BAB 13 BELIA DAN SUKAN

I. PENDAHULUAN

13.01 Golongan belia (lingkungan umur 15 – 40 tahun) adalah mewakili 60% penduduk Negeri Terengganu. Mereka merupakan pewaris yang akan meneruskan kesinambungan pembangunan negeri yang berteraskan ilmu dan profesionalisme sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri melalui agenda “Merakyatkan Pentadbiran dan Pembangunan”. Selain itu, slogan 1 Malaysia berteraskan “Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” yang telah diperkenalkan pimpinan tertinggi negara dilihat mampu merancang pembangunan ekonomi golongan belia tanpa batasan agama mahupun bangsa. Dengan adanya konsep 1 Malaysia ini, golongan belia haruslah bekerjasama dalam pelbagai sektor untuk meningkatkan pembangunan negara seiring dengan matlamat wawasan 2020. Golongan belia abad ini merupakan peneraju atau penentu kepada kejayaan dasar/misi Wawasan 2020.

Definisi Sukan

13.02 Menurut Bernama pada 6 September 2009, melalui laman webnya, Bernama.com, Sukan adalah antara jihad umat Islam di dunia ini. Ini kerana pengorbanan dan kesungguhan yang dicurahkan atlet demi untuk mengharumkan nama negara di persada dunia sukan adalah satu bentuk jihad walaupun ia tidak sehebat jihad di medan perang. Jihad dalam pengertian dunia moden sekarang ialah pengorbanan tenaga yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk mencapai kemakmuran dan keunggulan yang mendatangkan manfaat kepada ummah. Sukan juga adalah salah satu bentuk jihad umat Islam di akhir zaman jika kena dengan niatnya dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam."

13.03 Sejarah mencatatkan bahawa pemimpin agung umat Islam iaitu Nabi Muhammad S.A.W sendiri pernah berdakwah menggunakan medium sukan. Ini berlaku apabila Nabi telah dicabar beberapa kali oleh ahli gusti dari kaum Quraish di Mekah yang bernama Rukanah Abu Yazid untuk bergusti dengannya dan sanggup memeluk Islam jika Nabi mampu mengalahkannya dalam tiga pusingan. Baginda menyangkut cabaran itu dan kemudian menewaskan Rukanah. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa umat Islam pada zaman itu mempunyai kekuatan fizikal kerana mengamalkan aktiviti bersukan dalam kehidupan mereka.

- 13.04 Selain itu, Nabi Muhammad S.A.W juga pernah menyertai sahabat-sahabatnya untuk bermain panah malah pernah berlumba kuda dengan isteri Baginda, Siti Aisyah. Bagaimanapun, batas-batas seperti pergaulan bebas antara lelaki dan wanita sehingga mendatangkan kemudaratan pada jiwa, akal dan emosi perlulah diambil berat agar ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Menutup aurat juga dituntut untuk atlet Islam dan ini tidak menghalang atlet yang menutup aurat untuk bersaing dengan atlet lain dan mencapai kemenangan.
- 13.05 Sebagaimana yang kita sedia maklum, Terengganu adalah juara keseluruhan Sukan Malaysia 2008 (SUKMA 2008), ia merupakan kejuaraan sulung Terengganu dalam 12 edisi penganjuran sukan ini. Dalam mempertahankan kejuaraan ini pada Sukan Malaysia ke 13 di Melaka (Sukma Melaka 2010), slogan “Terengganu Nelang 2010” telah dilancarkan untuk menaikkan semangat atlet demi mempertahankan kejuaraan tersebut. Pelbagai program telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT).
- Di antara program yang telah dirancang adalah seperti Kem SUKMA, ‘Attachment Training’, pelantikan jurulatih sepenuh masa dari luar negara, pertandingan serantau (Terengganu, Kelantan, Pahang) dan lain – lain.
- 13.06 Disamping ini juga, penganjuran World Sepak Takraw Championship 2009 pada bulan Mei 2009 telah dilaksanakan dengan jayanya. Penganjuran kejohanan ini dilihat mampu menaikkan martabat Terengganu dalam arena sukan antarabangsa khususnya melalui venue pertandingan yang bertaraf dunia. Kejohanan ini juga telah menarik penyertaan banyak negara kuasa besar dalam sukan sepaktakraw seperti Thailand, Vietnam, Laos dan Indonesia serta tidak ketinggalan juga negara yang baru berjinak dengan sukan ini seperti India dan Pakistan.
- 13.07 Selain itu, penganjuran Sultan’s Cup Terengganu Endurance Challenge merupakan acara tahunan yang bakal berlangsung pada 6 – 8 November 2009 di Terengganu International Endurance Park (TIEP), Lembah Bidong, Setiu. Kejohanan ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan penganjuran FEI World Endurance Challenge (WEC) pada tahun 2008. Penganjuran kejohanan tahun ini telah menarik ramai penyertaan daripada peserta luar negara seperti Perancis, Australia, Thailand, Amerika Syarikat, New Zealand dan banyak lagi. Penganjuran kejohanan ini juga telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong untuk mencemar duli menyertai kejohanan tersebut. Penganjuran ini menawarkan hadiah keseluruhan yang berjumlah RM259,000.00.

13.08 Pengiktirafan atlet muda Terengganu dalam arena sukan berbasikal juga dilihat sebagai satu titik tolak kejayaan anak jati Terengganu di arena sukan antarabangsa. Mohd Azizul Hasni Awang telah dinobatkan sebagai ikon anak muda Terengganu yang berjaya dalam acara yang disertainya. Penubuhan pasukan berbasikal benua yang dikenali dengan nama Terengganu Pro Asia Cycling Team (TSG) merupakan satu pengiktirafan serta penghargaan Kerajaan Negeri kepada atlet berbasikal tempatan yang telah banyak mengharumkan nama negeri dipersada antarabangsa. Penubuhan pasukan ini adalah ilham daripada YAB Menteri Besar Terengganu sendiri bertitik tolak di atas kejayaan Anuar Manan dinobatkan sebagai Jaguh Pecut Le Tour de Langkawi 2010.



II. MATLAMAT

13.09 Menghidupkan kembali suasana atau aktiviti asal belia Terengganu terdahulu dalam semua aspek melibatkan hubungan antara satu sama lain, kepelbagaian kemahiran, bersukan dan sebagainya.

13.10 Melahirkan golongan belia yang berpengetahuan, berkemahiran, profesionalisme serta sikap cintakan negara yang tinggi bagi membolehkan mereka menghadapi era globalisasi serta dapat menyesuaikan diri dalam menyahut cabaran dasar Wawasan 2020.

13.11 Memupuk golongan belia yang berpegang teguh kepada ajaran agama dalam menghadapi halangan dan menyesuaikan diri dalam pembangunan ekonomi, sosial serta era globalisasi.

- 13.12 Mewujudkan sebuah lagi “kilang” pengeluaran atlet yang berwibawa dan bertaraf atlet pelapis negeri dan kebangsaan.
- 13.13 Menyediakan tempat latihan yang kondusif untuk para atlet yang berprestasi cemerlang.
- 13.14 Menjadikan acara sukan sebagai penarik kepada aktiviti pelancongan di mana negeri ini memang kaya dengan pusat, tempat serta pakej pelancongan yang menarik.
- 13.15 Melahirkan lebih ramai atlet-atlet Negeri Terengganu yang layak bertanding dalam Sukan Olimpik secara merit dan secara konsisten.

III. STRATEGI

- 13.16 Memperkenalkan pendekatan baru dan pementapan modul dalam pembangunan belia dengan mengadakan kegiatan kemasyarakatan, keagamaan, ekonomi dan sukan melalui persatuan belia dan sukan dalam merangka program pembangunan dan seterusnya melahirkan golongan belia Tani, Ternak dan Niaga.
- 13.17 Menjalinkan perkongsian bijak dengan rakan strategik belia bertujuan mencari dana/penajaan/pembiayaan dan lain–lain bagi membantu Kerajaan Negeri memperbanyakkan program yang mensasarkan golongan belia sebagai sasaran utama. Selain itu, Kerajaan Negeri juga merangka program bagi melengkapkan belia dengan kemahiran vokasional dan keusahawaan dalam mewujudkan masyarakat belia yang berkemahiran dan berdaya saing.
- 13.18 Bertitik tolak daripada kesinambungan perancangan yang terdapat dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu 2004–2008, strategi ini adalah bertujuan untuk memupuk semula minat golongan belia untuk berpersatuan yang mana golongan belia pada masa kini didapati telah pudar semangat berpersatuan.
- 13.19 Perubahan masa secara global memperlihatkan golongan belia kini sudah mula melupakan nilai budaya dan adab sopan dan sikap kecaknaan antara ahli masyarakat yang pernah diwarisi oleh rakyat Terengganu suatu masa dahulu.
- 13.20 Pembinaan prasarana belia di peringkat Parlimen perlu diberi penekanan utama dalam mewujudkan golongan belia yang berdaya saing dalam semua bidang seperti keusahawaan dan berpersatuan.

- 13.21 Mengembangkan sistem rangkaian maklumat sukan yang terdapat di MSNT melalui portal atau '*web base system*' dengan '*database*' yang lengkap berhubung maklumat dari persatuan.
- 13.22 Mewujudkan satu pusat latihan yang lengkap dan berupaya menyediakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang secara saintifik dan sistematik.
- 13.23 Menyediakan tapak yang kukuh dan lebih luas kepada atlet yang berpotensi dan mempunyai nilai nasional '*material*'.
- 13.24 Memaksimum penggunaan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada dan bertaraf antarabangsa.
- 13.25 Menjadikan Negeri Terengganu sebagai '*stop centre*' kepada latihan atlet negara-negara lain sebelum mereka menyertai kejohanan-kejohanan di negara-negara jiran.
- 13.26 Menyediakan program khusus dan bersepadu secara konsisten bagi memilih dan melatih atlet yang betul-betul berpotensi tinggi dan berkualiti antarabangsa.

IV. PROGRAM/PROJEK

Program Bersama PDRM (Samseng Jalanan)

- 13.27 Gejala samseng jalanan boleh diibaratkan sebagai '*silence killer*' kerana ia seperti suatu wabak yang menular begitu cepat serta boleh menghancurkan golongan belia Terengganu jika ia tidak dibendung dari sekarang. Dengan kesedaran yang ada, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia berusaha mengekang penularan wabak ini dengan mengadakan program bersama golongan ini.

Program Inter Generasi

- 13.28 Program ini diilhamkan hasil daripada pengalaman golongan belia terdahulu yang kaya dengan kemahiran tertentu seperti berpidato, berpersatuan, berpengetahuan luas dan berdedikasi. Program ini berkonsepkan mentor – mentee. Golongan belia dilatih dengan kemahiran-kemahiran ini dengan dibantu oleh mentor masing-masing.

Pembinaan Kompleks Niaga Belia

- 13.29 Pembinaan Kompleks Niaga Belia di setiap parlimen merupakan salah satu, perancangan Kerajaan Negeri dalam HPNT 2009-2013. Pembinaan Kompleks ini, adalah bertujuan untuk memberi ruang atau peluang kepada golongan belia niaga tani dalam memasarkan atau menjual produk yang dihasilkan. Pembinaan kompleks di setiap parlimen ini juga, dilihat mampu melibatkan ramai golongan belia niaga, melalui skim-skim yang bakal diperkenalkan.

Mewujudkan Semula Tanah Rancangan Belia Tani/Ternak

- 13.30 Menerusi Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu 2009 – 2013, Kerajaan Negeri mempunyai perangkaan program dalam mewujudkan semula golongan belia niaga, tani dan ternak sepertimana Tanah Rancangan Belia yang diperkenalkan pada tahun 1980an. Dalam program ini, para belia yang berminat serta memenuhi syarat kelayakan akan dibantu dari segi pinjaman kewangan serta khidmat nasihat daripada sebuah koperasi belia yang bakal diwujudkan. Penubuhan koperasi ini, adalah bagi membela nasib golongan belia luar bandar yang rata – ratanya masih berada dalam zon kemiskinan.

Penubuhan Koperasi/Kemudahan Pembiayaan Pinjaman Belia

- 13.31 Sejak kebelakangan ini, kita sering kali dikejutkan dengan tindakan nekad yang dilakukan oleh pihak pemberi pinjaman tanpa lesen (Along) terhadap para peminjam yang gagal membayar balik pinjaman yang dilakukan. Antara tindakan yang diambil adalah seperti ugutan bunuh, mengurung serta menculik dan sebagainya. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan dalam membendung penularan sindrom pinjaman tanpa lesen ini. Diantaranya menggunakan peruntukan undang – undang di mahkamah, pihak berkuasa serta melalui media massa dan elektronik. Namun begitu sindrom ini masih menular dikalangan masyarakat di Negara ini. Hasil daripada kajian yang dibuat, penularan sindrom ini adalah disebabkan oleh kesulitan serta kerenah birokrasi yang diamalkan oleh pemberi pinjaman berlesen ini. Para peminjam mahu mengambil jalan mudah dan cepat dalam mendapatkan pinjaman. Dengan itu para peminjam terpaksa meminjam daripada pihak along kerana prosedur yang dikenakan amatlah mudah dan cepat. Sehubungan dengan itu, cadangan penubuhan koperasi atau institusi pinjaman ini adalah untuk menyelesaikan sindrom ini daripada terus bermaharajalela.

Program Dalam Mewujudkan Golongan Belia Niaga/Ternak/Tani

- 13.32 Skop program ini adalah meliputi kursus/latihan diberikan kepada para belia yang berminat untuk mengikutinya. Tujuan diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para belia yang terlibat dalam program yang dirancangkan ini serta memantapkan lagi para belia dalam yang terlibat sebelum menceburi bidang Tanah Rancangan Belia Tani/Ternak. Di antara latihan/kursus yang bakal diberikan seperti kewangan, motivasi, pengenalan kepada bidang yang dipilih serta latihan sambil belajar dengan institusi yang terlibat.

Program “Road To Olympic”

- 13.33 Negeri Terengganu telah melahirkan atlet-atlet ‘*Olympian*’ iaitu atlet yang telah mewakili Negara ke Sukan Olimpik iaitu Allahyarham Haji Kamaruddin Maidin dalam sukan olahraga, Harun Jusoh serta Yahaya Jusoh dalam sukan bola sepak, Chairil Anuar dalam sukan hoki serta yang terbaharu adalah Azizulhasni Awang dalam sukan berbasikal. Sejajar dengan kuasa baru dalam sukan Negara, sudah tentu, bilangan atlet negeri yang layak ke Sukan Olimpik perlu dijana lagi agar potensi untuk meraih pingat dari sukan berprestij ini dapat ditambah dari kalangan atlet Negeri Terengganu secara berkesinambungan dan konsisten.

Program Mempromosi Sukan Berkaitan Pelancongan

- 13.34 Tujuan program ini adalah untuk mempromosikan venue-venue dan kemudahan-kemudahan sukan yang ada untuk digunakan sebagai pusat pelancongan sukan atau sebagai pusat latihan atlet-atlet negara lain sebagai ‘*stop centre*’ untuk menyesuaikan iklim ‘*acclimatize*’ menjelang penyertaan di kejohanan-kejohanan yang akan disertai di negara-negara jiran yang lain yang cuacanya hampir sama.

Projek Pembangunan Sukan Formula Future dan Sukan Air di Kompleks Sukan Negeri Terengganu

- 13.35 Pada asalnya tasik yang ada adalah sebuah paya yang dijadikan tasik buatan dan di sekelilingnya diadakan landskap seperti sekarang. Kedalaman tasik ialah kira-kira 4 hingga 5 kaki. Walaupun program sukan air ini amat baru, Persatuan Sukan Air Terengganu dengan bantuan dan sokongan penuh Kerajaan Negeri Terengganu dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri telah berjaya melahirkan 2 orang juara dunia Formula Future dalam kelas 1 dan kelas 2 dalam Kejohanan Dunia Formula Future 2006 di Catania, Italy.

Pada tahun 2007 pula seorang atlet Terengganu dapat mempertahankan kejuaraannya dalam Formula Future Kelas 2 di Leer, Germany.

Pembinaan Gelanggang Futsal di Setiap DUN

- 13.36 Tujuan program adalah untuk memastikan kecemerlangan sukan Negeri Terengganu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan berterusan secara berkekalan. Bagi memastikan kecemerlangan dalam sukan yang telah dicipta ini akan berterusan, satu struktur dan tapak asas kepada pembangunan sukan yang kukuh dan berkekalan perlu diwujudkan dari peringkat akar umbi di semua DUN di negeri ini.

Penambahbaikan Terengganu International Endurance Park (TIEP)

- 13.37 Kerajaan Negeri telah membina pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang lengkap dan moden untuk kegunaan sukan ekuestrian, khususnya 'endurance', di Lembah Bidong, Setiu. Pihak FEI sendiri telah mengiktiraf bahawa arena 'endurance' yang dibina di Lembah Bidong adalah diantara yang paling lengkap dan moden didunia. Ia dibina khusus untuk mengendalikan kejohanan 'endurance' piala dunia pada bulan November, 2008. Kemudahan yang ada memenuhi spesifikasi dan piawaian antarabangsa dan boleh digunakan sepanjang tahun.



Penganjuran Aktiviti ‘*Sport Tourism*’

13.38 Program ini adalah untuk mengadakan aktiviti-aktiviti penganjuran sukan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa di Negeri Terengganu secara berjadual bagi membantu menjana ekonomi sektor pelancongan melalui sukan di negeri ini.

Program Sukan Berkuda

13.39 Program ini diadakan untuk mempertingkatkan mutu sukan dan menggalakkan pertumbuhan bilangan penyertaan di peringkat negeri dan daerah terutama dalam mengenalpasti pemain untuk pemilihan bagi Skuad Elit dan Skuad Pelapis di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

Penubuhan State Of Terengganu Endurance Team (STET)

13.40 Inisiatif penubuhannya wujud adalah selepas melihat kebanyakan acara kuda lasak yang dipertandingkan di Negeri Terengganu telah dimenangi oleh pasukan luar terutamanya dari Negeri Kelantan. Pada waktu itu tiada pasukan khas yang mewakili Negeri Terengganu kecuali individu-individu yang bertanding atas kapasiti masing-masing.

Penubuhan Gimnasium Sukan Berprestasi Tinggi

13.41 Gimnasium merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan sukan pada masa kini terutamanya bagi meningkatkan ketahanan fizikal para atlet sukan berprestasi tinggi. Latihan di gimnasium bukan sahaja akan membantu pemain dari segi fizikal malah ianya akan menguatkan keupayaan mental atlet. Ini kerana atlet akan lebih yakin kerana mereka telah membuat persediaan yang cukup dari sudut fizikal.

Program Tunas Harapan

13.42 Program Tunas Harapan Majlis Sukan Negeri Terengganu merupakan program pembangunan bakat sukan di kalangan pelajar berumur 9–14 tahun yang dikelolakan oleh MSNT dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia Terengganu. Program Tunas Harapan adalah salah satu program pembangunan atlet Majlis Sukan Negeri Terengganu yang telah dijalankan sejak tahun 1991.



Sekolah Sukan Negeri Terengganu

13.43 Sekolah sukan merupakan tapak semaian untuk mengeluarkan jaguh-jaguh sukan di hari muka. Oleh itu, segala peluang dan kemudahan sukan disediakan di peringkat sekolah supaya asas dan nilai-nilai positif dalam pendidikan sukan dapat diterapkan untuk mencapai matlamat “Sukan Untuk Semua” dan “Sukan Untuk Kecemerlangan”.

Penganjuran Terengganu City Night Games

13.44 Terengganu City Night Games merupakan satu Program Kerajaan Negeri Terengganu yang diilhamkan selaras dengan saranan Kerajaan dalam membantu mengurangkan belia terpengaruh dengan gejala kurang sihat pada hari ini. Ianya dirancang sebegitu rupa dengan berkonsepkan aktiviti sukan dan aktiviti sihat yang dikelolakan pada setiap malam minggu ketiga pada setiap bulan.



Pusat Kecemerlangan Atlet Negeri Terengganu

- 13.45 Pembinaan Pusat Kecemerlangan Sukan Negeri Terengganu yang melibatkan pembinaan prasarana asrama, dewan serbaguna, bilik kuliah yang mampu menampung 400 hingga 600 orang atlet dan pegawai dalam satu-satu masa. Pembinaan ini bertujuan sebagai tempat penginapan memandangkan asrama sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang terhad serta pusat-pusat latihan swasta, premis persendirian dan hotel-hotel yang memberi implikasi kewangan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu program.

Penubuhan Pusat Sumber Sukan Negeri

- 13.46 Pembinaan satu Pusat Sumber Sukan Negeri Terengganu yang lengkap dengan segala kemudahan dan dapat membantu masyarakat mempertingkatkan lagi pengetahuan dalam bidang sukan. Kemajuan sukan masa kini memerlukan semua pihak terutama jurulatih dan atlet membuat kajian dan rujukan yang tepat dalam usaha memajukan latihan masing-masing.

Sistem Rangkaian Maklumat Sukan Negeri

- 13.47 Bertujuan untuk mengembangkan sistem rangkaian maklumat sukan yang terdapat di MSNT melalui portal atau 'web base system' dengan 'database' yang lengkap berhubung maklumat dari persatuan. Contohnya seperti data atlet, jurulatih, pengurus, jadual latihan, jadual pertandingan dan sebagainya.

Tabung Kebajikan Atlet Terengganu

- 13.48 Senario yang sering berlaku selepas atlet berjasa kepada negeri dan selepas bersara dari sukan adalah kebanyakan bekas atlet-atlet ini hidup dalam kemiskinan dan kedaifan. Jasa dan pengorbanan mereka dalam mengharumkan nama negeri seolah-olah tiada pembelaan. Oleh itu sudah sampai masanya satu tabung untuk tujuan ini ditubuhkan bagi mendapat peruntukan permulaan dan dijanakan melalui penabungan dan kegiatan ekonomi yang lain. Keuntungannya dapat digunakan untuk membantu atlet-atlet dan jurulatih yang menghadapi kehidupan yang daif.

Penaiktarafan Kemudahan Sukan di Setiap Daerah

- 13.49 Mewujudkan pembinaan kemudahan sukan di setiap daerah yang melibatkan pembinaan prasarana kemudahan pelbagai sukan, dewan serbaguna, asrama, bilik persalinan dan kuliah yang mampu menampung atlet/pegawai dalam satu-satu masa. Kemudahan sukan ini dapat digunakan bukan sahaja oleh penduduk tempatan malah dapat digunakan ketika sesuatu kejohanan sedang berlangsung di Negeri Terengganu.

V. PENUTUP

- 13.50 Keperluan dalam bidang belia dan sukan tidak boleh dipandang rendah kerana bidang ini kesannya amat luas dalam kehidupan rakyat di Negeri Terengganu. Golongan belia amat memerlukan perhatian dan sokongan Kerajaan Negeri dalam membangunkan sahsiah dan keterampilan mereka. Begitu juga bidang sukan yang menyumbang banyak kecemerlangan kepada negeri tercinta. Program dalam bidang sukan hendaklah diteruskan dan dipertingkatkan demi mencapai matlamat “Sukan Untuk Semua” dan “Sukan Untuk Kecemerlangan”.

BAB 14
KESIHATAN, PERPADUAN DAN
HAL EHWAL PENGGUNA

I. PENDAHULUAN

- 14.01 Untuk menjayakan hasrat kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin dengan mengamalkan corak kehidupan yang sihat serta menitikberatkan semangat perpaduan dan integrasi nasional di samping merasai nikmat sebuah kehidupan dalam sebuah negara yang aman damai, satu Halatuju Pembangunan Negeri Terengganu telah dirancang meliputi pelbagai program dan pembangunan yang dirangka khusus oleh agensi-agensi yang terlibat.
- 14.02 Perkara yang paling dititikberatkan dalam HPNT ini ialah anugerah kesihatan sebagai aset yang bernilai dan langkah-langkah yang diambil bagi memelihara keharmonian masyarakat dan mewujudkan keadaan ekonomi domestik yang rancak dengan sokongan dan dokongan oleh komuniti pengguna yang perkasa.

II. MATLAMAT

- 14.03 Matlamat utama Portfolio Kesihatan, Perpaduan dan Hal Ehwat Pengguna adalah untuk memastikan rakyat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di samping hidup dalam suasana yang penuh harmoni dan bersatu-padu serta dilindungi dengan hak-hak sebagai seorang pengguna.

III. STRATEGI

- 14.04 Untuk mencapai matlamat ini, beberapa strategi telah dirangka dengan memberi penekanan kepada peningkatan taraf kesihatan rakyat melalui pembinaan prasarana-prasarana kesihatan serta memperkasakan komuniti setempat melalui aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada memberi kesedaran tentang hak-hak pengguna melalui pendidikan kepenggunaan dan penerangan yang menyeluruh di samping mempertingkatkan kawalan keperluan asas rakyat.

IV. PROGRAM/PROJEK

Pusat Rawatan Jantung Terengganu (*TerengganuHeart Care Centre*)

- 14.05 Pusat rawatan jantung sehenti (*one stop centre*) amatlah diperlukan di Negeri Terengganu memandangkan situasi sekarang di mana rawatan jantung perlu dilakukan di luar Terengganu, samada di Institut Jantung Negara (IJN) Kuala Lumpur ataupun di Pusat Rawatan Jantung di Hospital USM Kubang Kerian Kelantan dan Hospital Pulau Pinang. Dari sudut keperluan, memang kemudahan rawatan jantung yang khusus sangat diperlukan di Terengganu yang mempunyai lebih daripada satu juta penduduk.
- 14.06 Dengan wujudnya pusat rawatan jantung ini, pesakit-pesakit dari negeri Terengganu tidak perlu lagi ke IJN atau HUSM untuk mendapat rawatan lanjut. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kos yang berkaitan dengan urusan mendapatkan rawatan di luar Terengganu. Secara tidak langsung ia dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk di Terengganu dan negeri-negeri Pantai Timur secara amnya. Walaupun Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) telah mempunyai Pusat Jagaan Rapi Koronari dan Wad Rehabilitasi Jantung, kemudahan yang ada tidak mencukupi untuk memberikan tahap perkhidmatan jantung yang unggul sepertimana IJN atau Pusat Rawatan Jantung Hospital Pulau Pinang. Ketiadaan subkepakaran kardiologi boleh membantutkan usaha ini. Usaha perlu dibuat secara bersepadu untuk mendapatkan atau melatih seberapa ramai pakar perubatan dalam bidang kepakaran Kardiologi.
- 14.07 Bagi merealisasikan projek ini, prasarana ini akan dibina di dalam kawasan sedia ada HSNZ yang telah dikenalpasti. Projek ini akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan pembinaan prasarana dan peralatan. Ini termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur projek secara keseluruhan termasuk *Coronary Care Unit*, *Catheterisation Lab* dan *Cardiology Operating Theatre*. Tempoh masa yang dianggarkan untuk melengkapkan fasa pertama ialah sehingga 2010. Dengan adanya prasarana ini, beberapa pemeriksaan dan rawatan dijangka dapat dimulakan seperti rawatan *general cardiology* yang meliputi rawatan pesakit luar, pesakit dalam dan wad kardiologi serta rawatan *non-interventional cardiology* (*Dobutamin stress test*, *pacemaker insertion*), *echo-cardiogram*, *stress Echo*, *Holter monitoring* dan juga pemeriksaan *Technitium Scan*.

14.08 Bagi fasa kedua, pusat rawatan jantung ini dijangka akan dapat memulakan ujian *Angiogram*, perkhidmatan *angioplasty*, *vulvuloplasty* dan pembedahan kardiothorask untuk kanak-kanak dan orang dewasa di samping kemudahan lain seperti pembedahan yang lebih kompleks untuk penyakit *Congenital Heart* dan juga perkhidmatan *Electrophysiology* dan *peripheral intervention (carotid artery dan aorta surgery)*. Dengan kemudahan yang ada ini, dijangkakan menjelang 2013, Pusat Rawatan Jantung Terengganu akan berupaya menjalankan rawatan rawatan *angioplasty* dan pembedahan jantung terbuka untuk penyakit jantung koronari. Latihan modal insan yang berkesan turut akan dimulakan oleh pihak HSNZ bagi mendedahkan anggota yang dikenalpasti kepada latihan dalam bidang kardiologi. Ia perlu dijalankan pada peringkat awal pelaksanaan projek supaya operasinya tidak tergendala apabila projek telah siap.

Pembinaan Gimnasium & Taman Rekreasi Sihat

14.09 Fakta menunjukkan bahawa 80 peratus kes kejadian *Premature Coronary Heart Disease* adalah berpunca dari kombinasi faktor-faktor amalan pemakanan yang tidak sihat, kurang melakukan aktiviti fizikal, stress dan tabiat merokok. Banyak kajian telah menunjukkan berat badan yang berlebihan, kurang atau tidak aktif menjalankan aktiviti fizikal atau bersenam, mengambil makanan yang kaya atau tinggi lemak dan kurang serat serta merokok adalah faktor-faktor risiko yang utama kepada penyakit jantung, darah tinggi, diabetes melitus dan kanser. Kajian telah membuktikan aktiviti fizikal yang aktif boleh mengurangkan risiko untuk mengidap penyakit jantung, diabetes melitus jenis II, kanser (kolon, payu dara), osteoporosis, kemurungan dan kegemukan.

14.10 Untuk itu, Kerajaan Negeri telah berhasrat untuk membina satu projek gimnasium dan taman rekreasi sihat di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mengamalkan cara hidup sihat terutamanya melakukan aktiviti fizikal di samping memberi kemudahan kepada orang ramai untuk melakukan dan menjadikan senaman sebagai satu rutin harian atau mingguan. Projek ini akan melibatkan kesemua 32 DUN di Negeri Terengganu dengan anggaran empat buah projek disiapkan setiap tahun. Antara prasarana dan kemudahan yang akan dibina melalui pelaksanaan projek ini ialah sebuah bangunan gimnasium yang dilengkapi dengan peralatan asas termasuk *warm-up machine*, *working machine* dan *gym set-up*.

Penyediaan Pusat Rukun Tetangga (PRT) Dan Kabin Untuk Skim Rondaan Sukarela

- 14.11 Skim Rondaan Sukarela ini merupakan salah satu cabang kepada Kawasan Rukun Tetangga yang ditubuhkan atau digazetkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (RT) 1975. Skim Rondaan Sukarela ini merupakan salah satu kaedah untuk membendung gejala jenayah serta sosial yang menumpukan kepada kawalan secara sukarela terutama pada waktu malam. Rasional kepada penyediaan Pusat Rukun Tetangga dan Kabin untuk Skim Rondaan Sukarela ialah banyak skim rondaan sukarela yang bergerak di seluruh Negeri Terengganu pada masa sekarang tidak mempunyai pos kawalan dan pusat pelaksanaan aktiviti yang tetap. Ada sesetengah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Skim Rondaan Sukarela menjadikan Rumah Pengerusi KRT sebagai pos dan pejabat Rukun Tetangga. Tujuan pelaksanaan projek ini ialah memberi kemudahan dan keselesaan kepada KRT melaksanakan setiap program/aktiviti, maka kerajaan negeri berhasrat untuk membina Pusat Rukun Tetangga di setiap KRT yang mempunyai kemudahan tapak bagi membina Pusat Rukun Tetangga.
- 14.12 Bagi tujuan ini, kerajaan telah mensasarkan untuk membina sebanyak 75 buah PRT bermula tahun 2009 sehingga 2013, tertakluk kepada kelulusan tapak daripada Pejabat Daerah. Cadangan jadual pembinaan PRT sehingga 2013 adalah seperti berikut:
- 2009 - 5 PRT
 - 2010 - 10 PRT
 - 2011 - 15 PRT
 - 2012 - 20 PRT
 - 2013 - 25 PRT

Mewujudkan Zon Barangan Kawalan

- 14.13 Tujuan projek ini adalah untuk memastikan kesinambungan bekalan dalam setiap zon pada setiap masa dan harga yang berpatutan bagi setiap barangan. Perkara ini sangat penting bagi mengelakkan kekurangan bekalan di Negeri Terengganu dan memastikan rakyat Negeri Terengganu mendapat barang dengan harga yang berpatutan pada setiap masa. Selama ini semua zon barangan kawalan berada di luar Terengganu menyebabkan harga barang sukar dikawal.

14.14 Antara langkah yang akan diambil ialah melantik sebuah pengurusan yang akan bertindak sebagai pengedar barangan kawalan di setiap daerah. Syarikat yang dilantik juga boleh membeli lebih kuota pemborong yang lain untuk dijadikan stok penimbal. Dalam situasi normal, pengedaran adalah terhad kepada pelanggan biasa sahaja. Bagi situasi kritikal, stok penimbal boleh dikeluarkan dan dijual/diedar kepada sesiapa sahaja untuk membantu memulihkan bekalan. Syarikat yang dilantik tidak berteraskan kepada keuntungan semata-mata tetapi lebih kepada melaksanakan tanggungjawab sosial kepada penduduk Negeri Terengganu. Lokasi yang sesuai akan dikenalpasti untuk dijadikan bangunan stor di samping menyediakan kemudahan berkaitan.

Penubuhan Persatuan Pengguna Dan Persatuan Penjaja Di Setiap Daerah

14.15 Program ni diadakan bertujuan untuk merancang, menyelaraskan dan mengadakan program kepenggunaan dan juga memberi pandangan kepada kerajaan negeri dalam semua aspek kepenggunaan. Ini adalah kerana kesedaran tahap kepenggunaan rakyat Negeri Terengganu masih rendah. Dengan tertubuhnya Persatuan Pengguna di setiap daerah, ia akan mendedahkan kumpulan sasaran kepada input terkini tentang pelbagai aspek kepenggunaan iaitu maklumat mengenai hak-hak pengguna yang perlu diketahui semua pengguna di samping mendapat barangan keperluan harian dengan harga yang lebih murah dan berpatutan.

14.16 Penubuhan persatuan-persatuan ini juga akan membantu kerajaan mengurangkan kuasa peniaga dan memperkasakan kuasa pengguna. Konsep kuasa pengguna ini ditekankan sebagai usaha mewujudkan dan melahirkan pengguna yang berkebolehan untuk melaksanakan perlindungan sendiri atau *self-protection*. Dengan konsep ini juga, ia dapat mengelakkan peniaga/pemborong daripada menggunakan taktik yang berunsurkan penipuan dalam perniagaan mereka dan memberi kesedaran kepada pengguna supaya tidak terpedaya oleh peniaga yang menaikkan harga barangan. Keahlian persatuan penjaja kecil di setiap daerah perlu dijadikan mandatori sebelum lesen perniagaan mereka diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

Merangsang Penggunaan Barangan Buatan Tempatan

14.17 Tujuan projek ini adalah untuk merangsang ekonomi rakyat tempatan di samping mengurangkan aliran tunai keluar dari Negeri Terengganu. Ia juga secara tidak langsung akan meningkatkan pasaran tempatan dan memupuk budaya berdikari dan keusahawanan di kalangan penduduk Negeri Terengganu.

Ia juga adalah sebagai salah satu usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negeri terutama bagi menghadapi krisis ekonomi dunia. Konsep barangan tempatan yang dimaksudkan ialah barangan buatan penduduk Terengganu sendiri. Ia termasuklah produk-produk industri kecil dan sederhana serta produk-produk eksklusif tempatan seperti batik, songket dan tembaga.

- 14.18 Strategi yang akan dilakukan ialah dengan mengadakan syarat kepada semua pengusaha pasaraya/pasaraya besar dan pemborong yang beroperasi dalam Negeri Terengganu supaya menjual barangan tempatan dengan mengadakan satu sudut khas untuk produk-produk ini. Di samping itu, promosi turut dilakukan di dalam dan luar negeri dengan bantuan agensi-agensinya yang terlibat seperti Yayasan Pembangunan Usahawan dan sebagainya. Satu pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) akan diadakan untuk membangun industri tempatan dan juga menambahbaik aspek tertentu seperti pembungkusan dan strategi pemasaran di samping kempen yang berterusan.

IV. PENUTUP

- 14.19 Diharap dengan terlaksananya projek dan program dalam HPNT 2009-2013 di bawah Portfolio Kesihatan, Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna ini, rakyat Terengganu akan dapat menikmati hasil pembangunan secara terus kepada rakyat, sesuai dengan hasrat kerajaan negeri untuk merakyatkan pentadbiran dan pembangunan. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat hidup sihat dan selesa dengan menjadikan semangat muhibah sebagai amalan dalam membudayakan perpaduan dalam masyarakat di samping membimbing mereka untuk memperbaiki taraf hidup ke tahap yang lebih tinggi selaras dengan pertumbuhan ekonomi negeri.